

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Antara isi kandungan dalam Falsafah Pendidikan Negara adalah melahirkan insan yang seimbang dan harmonis serta berkembang secara menyeluruh dan bersepadau dari segi intelek, jasmani, emosi dan rohani. Justeru itu, untuk mencapai objektif dan hasrat murni Falsafah Pendidikan Negara ini, kita haruslah menyediakan pelajar yang berpotensi dalam semua aspek pendidikan ke tahap yang maksimum. Untuk membuktikan bahawa seseorang itu mempunyai kemantapan rohani, keterampilan intelek, keseimbangan emosi dan kekuatan jasmani yang baik, kita perlulah mempunyai kemahiran bahasa yang mudah difahami oleh orang lain apabila ingin menyampaikan apa yang dirasai atau yang difikirkan ketika itu.

Manusia berinteraksi antara satu sama lain dalam perniagaan, kerjasama antarabangsa mahupun dalam pendidikan. Komunikasi menjadi amat penting walaupun berbeza budaya dan latar belakang. Dengan itu keperluan kepakaran dalam pelbagai bahasa akan bertambah meningkat.

Memang tidak dinafikan bahawa terdapat kepelbagaian bahasa di dunia ini. Hampir setiap negara di dunia ini mempunyai bahasa tersendiri yang dituturkan oleh rakyatnya dan menjadi bahasa rasmi negara berkenaan. Bahasa ini juga menjadi bahasa ilmu, bahasa perpaduan dan lambang kebudayaan sesebuah negara (Amilrudin Ishak, 2003). Manusia saling berinteraksi dan berkomunikasi antara satu bangsa dengan bangsa lain meskipun berlainan bahasa. Lantaran itu, wujudlah apa yang dinamakan pengaruh bahasa asing dan beberapa faktor lain seperti motivasi, dorongan orang lain yang mendorong manusia berkomunikasi dalam bahasa asing.

Mempelajari bahasa asing di negara yang bukan menggunakan bahasa tersebut sebagai bahasa utama adalah lebih sukar berbanding dengan mempelajari bahasa di negara yang menggunakan bahasa tersebut. Untuk mempelajari bahasa asing juga memerlukan seseorang itu menggunakan banyak pendekatan, kaedah dalam merancang strategi pembelajaran bahasa asing agar menjadi lebih mudah dan menarik.

Dewasa ini, pembelajaran bahasa merupakan sesuatu yang amat penting, justeru itu pelbagai usaha dilakukan oleh kerajaan untuk mendorong pelajar supaya mempelajari pelbagai bahasa supaya pelajar bukan hanya mahir dalam bahasa ibunda sahaja. Bagi memastikan pelajar mahir dan berjaya dalam menguasai sesuatu bahasa, pengajar harus mengajar dan membantu pelajar-pelajar menggunakan strategi belajar yang berkesan. Pengajar yang mempelbagaikan strategi pengajaran dapat membantu pelajar-pelajar menguasai pelbagai ilmu bahasa dengan cepat dan berkesan (Oxford & Crookall, 1989). Oleh itu, pengajar seharusnya melatih pelajar mereka membina dan menggunakan strategi pembelajaran bahasa yang sesuai dengan mereka. Ini kerana strategi pembelajaran bahasa yang berbeza turut mempengaruhi gaya pembelajaran bahasa mereka.

Perbezaan jenis bahasa dari segi linguistik dan ortografi juga didapati mempengaruhi penggunaan strategi dalam pembelajaran bahasa sasaran (Grabe, 1986; Douglas, 1992). Nakayama (1995) dalam Nurul Huda (2012) menyatakan bahawa pelajar yang mempelajari bahasa kedua daripada bahasa Indo-Eropah dan membina strategi pembelajaran bahasa mereka berkemungkinan tidak mampu memindahkan strategi yang sama ketika mempelajari bahasa Jepun. Para pelajar memerlukan strategi yang berbeza untuk mencapai kejayaan. Keadaan ini berpunca daripada perbezaan yang terdapat antara kedua-dua bahasa. Keadaan ini juga berlaku kepada pelajar yang mempelajari bahasa sasaran yang berbeza daripada bahasa ibunda mereka dari segi

linguistik dan ortografi seperti bahasa Melayu dengan bahasa Arab mungkin memerlukan pelajar menggunakan strategi yang berlainan ketika mempelajari bahasa Melayu dan bahasa Arab.

Sehubungan dengan itu, kajian secara ilmiah perlu dibuat untuk mengetahui apakah strategi pembelajaran yang sesuai diaplikasikan oleh pelajar-pelajar dalam menguasai bahasa, meningkatkan prestasi, pencapaian dan penguasaan bahasa tersebut ke tahap yang maksimum.

1.1 Bahasa Jepun di Universiti Teknologi Mara (UiTM).

Adalah menjadi polisi UiTM untuk dikenali sebagai universiti antarabangsa yang dapat membekalkan pelajar yang lebih kompetitif dan berdaya saing. Pendidikan di UiTM perlu melahirkan graduan profesional yang versatil, berdikari, global dan beretika. Pelajar perlu kreatif dan inovatif dalam menghasilkan idea dan produk baru. Pelajar juga perlu mempunyai kemahiran yang pelbagai (*multi-skilled*) supaya dapat merebut semua peluang yang sedia ada di samping berkebolehan membentuk pasaran baru. Untuk tujuan itu, pelajar perlu mahir berkomunikasi dan berkompromi terutamanya dalam industri pekerjaan. Sehubungan dengan itu, graduan UiTM dibekalkan dengan sekurang-kurangnya satu kemahiran bahasa asing sebagai satu nilai tambah kepada tahap ke professionalan mereka (Habibah, 2010)

Kursus bahasa ketiga merupakan salah satu kursus yang tidak asing lagi di UiTM kerana ianya telah ditawarkan sejak tahun 70an lagi. Bahasa ketiga telah diberi status elektif wajib sebagai keperluan universiti kepada semua pelajar sepenuh masa dan separuh masa di peringkat Ijazah Sarjana Muda Am/Kepujian oleh Senat UiTM mulai Jun 1999. Di antara kursus bahasa ketiga yang ditawarkan di universiti ini ialah Bahasa Arab, Bahasa Itali, Bahasa Jepun, Bahasa Jerman, Bahasa Korea, Bahasa Mandarin dan

Bahasa Perancis. Walaupun telah diperkenalkan lebih tiga dekad yang lalu, sehingga kini, kebanyakan pelajar yang telah tamat mengikuti kursus bahasa-bahasa ini, masih tidak mampu menguasai bahasa ketiga dengan begitu baik. Justeru itu, kajian ini dijalankan untuk mengetahui strategi pembelajaran salah satu bahasa tersebut, iaitu bahasa Jepun.

Di UiTM, bahasa Jepun adalah salah satu pilihan kursus bahasa ketiga yang ditawarkan kepada pelajar sarjana muda di UiTM dan ianya terdiri daripada 3 tahap kursus yang perlu diikuti oleh semua pelajar selama tiga semester. Bagi pelajar-pelajar yang buat pertama kalinya mempelajari bahasa Jepun ini, sudah pastinya ia merupakan bahasa yang asing bagi mereka. Walaupun pelajar-pelajar ini sudah mempunyai pengetahuan dan pengalaman mempelajari bahasa kedua iaitu bahasa Inggeris, mempelajari bahasa Jepun boleh dianggap mempunyai banyak perbezaan dengan mempelajari bahasa Inggeris.

1.1.1 Akademi Pengajian Bahasa UiTM

Tugas dan peranan ini dimandatkan kepada Akademi Pengajian Bahasa yang dulunya disebut sebagai Pusat Bahasa, UiTM. Menyingkap sejarah Akademi Pengajian Bahasa, ianya telah ditubuhkan pada tahun 1972 bertujuan menyelaraskan pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua dan bahasa-bahasa Asia dan Eropah yang lain. Bahasa-bahasa Asia dan Eropah adalah dianggap sebagai bahasa ketiga dan akademi ini dipertanggungjawabkan untuk menyediakan bahasa ketiga kepada pelajar. Bahasa-bahasa tersebut ialah bahasa Perancis, Jerman, Arab, Korea, Itali, Mandarin dan Jepun. Pemilihan bahasa ketiga tersebut merupakan subjek elektif wajib bagi program ijazah pertama sejak Jun 1999 lagi sehingga sekarang. Penekanan ke atas kompetensi berbahasa adalah diharapkan akan dapat melengkapkan pelajar UiTM sebagai pelajar yang berdaya saing di pasaran global.

Seiring dengan arus dunia globalisasi ini, pemilihan bahasa Jepun sebagai bahasa ketiga di UiTM telah menjadikannya sebagai salah satu dari bahasa-bahasa Asia yang mendapat sambutan di UiTM. Bagi memperluaskan lagi pembelajaran bahasa Jepun, beberapa program telah dibuka kepada kakitangan UiTM dan juga orang awam melalui Kursus Kemahiran Bahasa (KKB), Pengajian Luar Kampus (PLK) dan Pengajian Jarak Jauh (PJJ). Selain itu program kolej-kolej bersekutu (KKB) adalah dalam perancangan untuk ditawarkan kepada orang awam pada masa akan datang.

Walau bagaimanapun, untuk kajian ini, pengkaji hanya memberi fokus kepada subjek bahasa Jepun yang ditawarkan kepada pelajar-pelajar sepenuh masa di peringkat ijazah di Universiti ini. Bahasa Jepun diperingkat ijazah dibahagikan kepada tiga tahap pengajian iaitu Tahap 1 (BJP 401), Tahap 2 (BJP 451), dan Tahap 3 (BJP 501). Setiap 3 tahap mempunyai jumlah jam temu sebanyak 28 jam bagi satu semester bersamaan dengan 2 jam temu seminggu. Pada setiap semester terdapat lebih 2000 orang pelajar yang mengambil kursus bahasa Jepun termasuk program diploma di UiTM.

Program bahasa Jepun yang dikendalikan oleh Akademi Pengajian Bahasa UiTM ini, lebih menekankan aspek komunikasi berbanding penulisan. Justeru itu tiga jenis sistem tulisan bahasa Jepun iaitu hiragana, katakana dan kanji tidak begitu ditekankan. Sistem penulisan yang digunakan ialah dengan menggunakan huruf roman. Walau bagaimanapun sedikit konsep tulisan hiragana, katakana dan kanji diperkenalkan kepada pelajar.

Walaupun dengan persekitaran di luar dan di dalam kelas yang tidak begitu menggalakkan dan kurang membantu dalam penguasaan bahasa, namun terdapat sebilangan pelajar yang berminat dan tidak kurang juga pelajar yang memperolehi keputusan yang baik dalam peperiksaan bahasa Jepun mereka. Pelajar-pelajar ini diajar oleh tenaga pengajar tempatan sepenuhnya. Buku teks yang diguna pakai adalah buku

yang diusahakan oleh gabungan tenaga pengajar tempatan. Selari dengan subjek- subjek teras yang lain, pelajar-pelajar ini penuh bermotivasi dan berusaha keras. Sudah tentunya mereka mempunyai strategi-strategi tertentu supaya dapat membantu dan memudahkan pembelajaran mereka bagi membantu meningkatkan penguasaan bahasa yang dipelajari.

1.2 Definisi Operational

Kebanyakan istilah yang digunakan di dalam kajian ini mempunyai kaitan dengan tajuk kajian dan penerangan istilah-istilah tersebut adalah merangkumi aspek-aspek pemerolehan bahasa asing.

1.2.1 Strategi Pembelajaran

Pembelajaran bahasa merupakan proses komunikasi yang terhasil daripada aktiviti pelajar dengan guru dan interaktif di antara pelajar dengan pelajar. Penguasaan pelbagai kemahiran asas dalam mempelajari bahasa itu menjadi faktor utama dalam proses pembelajaran bahasa. Ini termasuklah penggunaan strategi pembelajaran bahasa untuk menguasai bahasa yang dipelajari.

Pembelajaran pula didefinisikan sebagai berusaha dan berlatih. Cervas (2010) menyatakan bahawa gaya pembelajaran selalunya tidak dikaitkan dengan apa yang telah dipelajari oleh seseorang tetapi lebih kepada bagaimana seseorang individu belajar. Manakala menurut Oxford (1990), sesuatu bahasa asing tidak mempunyai fungsi komunikasi secara langsung dalam masyarakat di mana ia dipelajari kerana ia jarang digunakan dalam pergaulan orang tempatan, sebaliknya ia banyak digunakan untuk berkomunikasi di tempat-tempat lain.

Kajian oleh Nik Mohd Rahimi (2005) mendapati bahawa antara faktor yang banyak membantu pelajar menguasai bahasa Arab dengan baik adalah melalui strategi pembelajaran yang berkesan. Sebagai contoh, seorang pelajar itu akan menggunakan strategi pembelajaran bahasa yang berlainan untuk memahami maksud ayat atau sesuatu perkataan untuk menyelesaikan tugas yang telah diberikan atau pun untuk menguasai bahasa tersebut. Setiap strategi pembelajaran bahasa yang digunakan mempunyai kelebihan atau kekurangan bergantung kepada latihan yang dibuat. Maka penggunaan strategi yang sesuai dapat membantu dan memperbaiki pembelajaran sesuatu bahasa itu.

Melalui pengalaman pengkaji sendiri yang pernah mempelajari bahasa Jepun, pengkaji perlu menggunakan pelbagai strategi pembelajaran untuk memahami bahasa tersebut. Contohnya menggunakan strategi menghafal, membaca, menulis, mendengar lagu, menggunakan gambar-gambar, tayangan video, mencuba untuk berkomunikasi dengan pensyarah, rakan atau penutur sebenar.

1.2.2 Bahasa Jepun

Bahasa Jepun sebagai bahasa pengantar ketiga, di mana bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar kedua dan bahasa Melayu sebagai pengantar bahasa pertama. Bahasa ketiga di UiTM merupakan subjek elektif wajib bagi peringkat ijazah sarjana muda.

1.2.3 Pelajar

Pelajar-pelajar UiTM peringkat ijazah yang telah lulus tahap pertama kod BJP 401 dan tahap kedua BJP 451 dan sedang mengikuti kod BJP 501 kursus bahasa Jepun sebagai bahasa ketiga di UiTM.

1.3 Pernyataan Masalah

Pengkaji merupakan salah seorang tenaga pengajar bahasa Jepun di Universiti Teknologi Mara sejak tahun 2009. Dalam tempoh 5 tahun mengajar bahasa Jepun, pengkaji mendapati bahawa sesetengah pelajar mampu menguasai bahasa ini dalam pertuturan dan pendengaran. Meski pun begitu, hanya segelintir pelajar sahaja yang dapat mengusainya dengan baik berbanding dengan peratusan yang mempelajari bahasa ini. Keadaan ini jelas kelihatan dalam proses pembelajaran semasa waktu kuliah, responden dapat mengikuti sesi pembelajaran dan menjawab semua latihan bertulis dan lisan dengan baik tetapi penguasaan ini berbeza semasa responden mengikuti ujian. Ini berdasarkan keputusan ujian lisan dan mendengar yang dibuat sepanjang tempoh pengajian responden, mereka tidak memperolehi keputusan yang baik dalam ujian yang diberikan.

Umumnya masalah dalam penguasaan bahasa Jepun adalah disebabkan pelajar tidak berupaya menguasai nahu dan perbendaharaan kata bahasa tersebut. Jika seseorang pelajar itu tidak memahami sistem linguistik maka komunikasi dalam bahasa itu juga menjadi sukar. Pelajar yang ingin mempelajari bahasa asing perlu mahir pada peringkat fonologi, morfologi, sintaksis dan leksikal supaya kemahiran bahasa asing itu akan menjadi lebih mudah. Pembelajaran bahasa harus dilihat sebagai memberi kesempatan kepada pelajar untuk menghayati dan menggunakan bahasa dari pelbagai sudut yang berbeza. Pelajar perlu menjadi lebih aktif dalam aktiviti pengalaman berbahasa dan bijak mengadunkan kemahiran berbahasa dalam menerangkan fenomena yang berlaku di sekelilingnya (Anida Abd. Rahim, 2003).

1.4 Objektif Kajian

Di Malaysia, kajian tentang strategi pembelajaran bahasa Jepun kurang mendapat perhatian pengkaji bahasa, baik dalam kalangan masyarakat umum maupun golongan akademik. Ini mungkin disebabkan bilangan rakyat Malaysia yang menguasai bahasa ini amat terhad jumlahnya disamping pendedahan kepada masyarakat. Walaupun pada masa kini, bahasa ini telah diajar di kebanyakan sekolah dan universiti, kajian tentang bahasa ini amat kurang sekali. Ini telah dibuktikan oleh Habibah Shuib (2010) yang menyatakan bahawa di Malaysia, belum banyak kajian mengenai strategi pembelajaran bahasa asing yang telah dibuat oleh pengkaji terutamanya dalam bahasa Jepun tetapi strategi pembelajaran dalam bahasa Inggeris dan Melayu pernah dilakukan oleh Abu Talib Abdullah (1998), Mohd. Nazali Abu Bakar (1999), Zamri Mohamod, Mohamed Amin Embi, Noriah Mohd. Ishak dan Juriah Long (2002), Supian Md. Noor (2003), Mahadi Kamaludin (2006) dan lain-lain.

Maka, objektif kajian ini adalah bertujuan untuk:

1. Mengenal pasti strategi pembelajaran Bahasa Jepun yang digunakan oleh pelajar UiTM.
2. Mengenal pasti perbezaan penggunaan strategi pembelajaran bahasa yang digunakan oleh pelajar dalam jurusan yang berbeza iaitu jurusan Seni Lukis dan Seni Reka dan jurusan Pengurusan Maklumat.
3. Mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi strategi pembelajaran bahasa yang digunakan oleh pelajar UiTM.

1.5 Persoalan Kajian

1. Apakah strategi pembelajaran bahasa Jepun yang digunakan oleh pelajar di UiTM?
2. Apakah terdapat perbezaan penggunaan strategi pembelajaran bahasa yang digunakan oleh pelajar dalam jurusan yang berbeza?
3. Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi strategi pembelajaran bahasa Jepun dalam kalangan pelajar UiTM?

Bagi menjawab semua persoalan kajian diatas, kajian ini akan menggunakan kaji selidik yang diadaptasi daripada “*Strategy Inventory for Language Learning*” (SILL 7.0) oleh Oxford (1990) yang pernah digunakan oleh beberapa pengkaji dahulu seperti kajian Habibah Shuib (2010) dan Anida Abdul Rahim (2003) yang telah diterjemahkan ke bahasa Melayu. Soal selidik ini digunakan untuk menjawab persoalan kajian pertama dan kedua. Manakala bagi menjawab persoalan kajian ketiga, satu sesi temuduga dilakukan untuk mendapat gambaran dengan lebih jelas daripada responden mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi strategi pembelajaran bahasa Jepun responden.

1.6 Batasan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti strategi pembelajaran bahasa yang digunakan oleh pelajar-pelajar yang mempelajari bahasa Jepun sebagai bahasa ketiga. Kajian ditumpukan ke atas 100 orang pelajar Melayu yang mengambil bahasa Jepun Tahap III iaitu seramai 50 orang pelajar daripada Fakulti Seni Lukis dan Seni reka dan 50 orang pelajar yang terdiri daripada pelajar Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi Mara.

1.7 Kepentingan Kajian

Menurut Suzana Ismail (2004), peningkatan yang ketara ke atas rakyat Malaysia yang ingin mempelajari bahasa Jepun adalah seiring dengan keperluan bahasa tersebut di era globalisasi sehingga menjadikan bahasa Jepun sebagai bahasa ke sepuluh paling ramai penutur di dunia dan menjadi pilihan bahasa asing yang popular di Malaysia. Dengan adanya lebih banyak kajian mengenai strategi pembelajaran bahasa Jepun, diharapkan agar dapat membantu guru dan pelajar menyelesaikan masalah bagaimana untuk menguasai bahasa ini dengan baik.

Dengan adanya kajian seperti ini juga dapat membantu para pelajar mendapat gambaran lebih jelas untuk memilih strategi pembelajaran bahasa yang sesuai, lebih teratur dan memberi kesan positif terhadap penguasaan bahasa Jepun. Selain daripada itu, kajian ini dapat membantu pelajar memilih strategi pembelajaran yang sesuai mengikut tahap dan keperluan masing-masing.

Kajian ini juga amat penting kepada pengajar dan pelajar-pelajar yang mempelajari bahasa, bukan hanya bahasa Jepun, malah mereka juga boleh mengaplikasikan dalam bahasa-bahasa lain yang terdapat di dunia ini. Hasil dan dapatan daripada kajian ini juga dapat membantu penyelidik dan pendidik bahasa dalam menjalankan kajian mengenai strategi membaca, menulis, bertutur, dan mendengar dalam berbagai bahasa, sama ada secara kualitatif atau kuantitatif. Seterusnya hasil kajian ini juga mampu mengaspirasikan kesinambungan penyelidikan di Malaysia sama ada dalam konteks pendidikan bahasa Jepun, bahasa Arab, bahasa Melayu, bahasa Inggeris, bahasa Mandarin, bahasa Tamil dan lain-lain.

Selain itu, kajian ini juga diharap dapat membantu pelajar bagi mengenal pasti strategi pembelajaran bahasa mereka sehingga pemerolehan dan input terhadap bahasa

Jepun akan lebih berjaya, disamping memberikan sumbangan beberapa idea atau pengetahuan untuk pengajaran di dalam kelas, selain dapat memberi tenaga pengajar kesempatan untuk mengaplikasikan gaya dan keperluan dalam melaksanakan sesi pengajaran dan pembelajaran bahasa.

Kajian-kajian yang pernah dibuat oleh pengkaji lepas mengenai strategi pembelajaran bahasa Jepun seperti kajian oleh Habibah Shuib (2010). Beliau mengaitkan strategi pembelajaran bahasa dan kaitannya dengan pencapaian dan motivasi pelajar. Manakala kajian yang dilakukan oleh Roslina Mamat (1999) dan Suzana Ismail (2004) ialah mengkaji strategi komunikasi dalam perbualan bahasa Jepun. Walaupun terdapat banyak kajian-kajian yang pernah dibuat oleh pengkaji sebelum ini mengenai strategi pembelajaran bahasa, sehingga hari ini, tidak ada pengkaji yang memfokuskan kepada apakah strategi pembelajaran yang digunakan untuk mempelajari bahasa Jepun dalam kalangan pelajar di Malaysia. Diharapkan agar kajian ini dapat membantu pelajar dan penyelidik seterusnya membuat kajian mengenai strategi pembelajaran bahasa Jepun sesuai dengan situasi dan keperluan di masa akan datang.

1.8 Strategi Pembelajaran Bahasa Jepun di Malaysia.

Tidak banyak kajian mengenai strategi pembelajaran dalam bahasa Jepun yang dikaji dalam kalangan penyelidik di Malaysia. Antara kajian yang terawal mengenai strategi pembelajaran bahasa Jepun ini telah dibuat oleh Roslina Mamat (1999). Dalam kajian tersebut, beliau mendapati bahawa kebanyakannya responden tidak menggunakan strategi linguistik, manakala hampir semua responden yang mempunyai tahap penguasaan bahasa yang rendah lebih banyak menggunakan strategi komunikasi berbanding dengan responden sebaliknya.

Dalam kajian Suzana Ismail (2004) pula, beliau telah membahagikan responden kepada 15 pasangan berdasarkan tahap penguasaan bahasa Jepun responden. Dalam kajian tersebut, beliau mendapati bahawa pasangan yang bercampur tahap iaitu tinggi dan rendah adalah paling banyak menggunakan strategi komunikasi berbanding pasangan lain.

Habibah Shuib (2010) pula menyatakan bahawa strategi pembelajaran yang digunakan amat berkait rapat dengan pencapaian dan motivasi pelajar. Secara tidak langsung, ianya membuktikan bahawa pelajar-pelajar yang digunakan dalam sampel kajian beliau hanya menggunakan ke enam-enam strategi di tahap sederhana. Tidak ada satu pun sampel dalam kajian beliau menggunakan strategi tersebut secara kerap.

Walau bagaimanapun, kajian yang dijalankan akan memfokuskan kepada strategi pembelajaran bahasa yang dikemukakan oleh Oxford (1990). Beliau telah membahagikan strategi pembelajaran bahasa kepada ¹strategi secara langsung dan strategi secara tidak langsung. Strategi secara langsung mengandungi strategi memori, kognitif dan gantian. Manakala secara tidak langsung pula terdiri daripada strategi metakognitif, afektif dan sosial.

Responden dipilih secara rawak di dua buah fakulti dalam jurusan berbeza dan dikehendaki menjawab soal-selidik mengenai strategi pembelajaran yang digunakan. Di akhir soal-selidik, pelajar diminta untuk mengira jumlah skor yang diperolehnya untuk mendapatkan gred purata penggunaan strategi yang mereka gunakan dan diminta merujuk skala yang disediakan untuk mengetahui tahap penggunaan strategi pembelajaran bahasa bagi setiap kategori strategi dan penggunaan strategi secara keseluruhan.

¹ Rujuk Jadual 4.1: Strategi Pembelajaran

Data sekunder pula diperolehi melalui kajian ke perpustakaan melalui rujukan yang diperolehi dari buku, jurnal, tesis dan kajian-kajian ilmiah yang lepas.

1.9 Kesimpulan

Daripada berapa kajian yang lepas, pada masa kini masih tidak jelas apakah strategi pembelajaran bahasa asing yang baik yang boleh digunakan oleh rakyat Malaysia untuk benar-benar dapat menguasai bahasa asing. Walaupun beberapa kajian tentang strategi pembelajaran bahasa asing telah dilakukan, ianya masih belum dapat membuktikan dan menyatakan dengan jelas strategi yang bersesuaian dengan suasana pembelajaran dan persekitaran di Malaysia.

Menurut Roswati Abd. Rashid, Radhiah Ismail dan Nor Haslina Mohamad Akhir (2007) dalam kajian mereka bertajuk “Kepelbagaian Strategi Pembelajaran Tulisan Asas Bahasa Jepun (hiragana)” menyatakan bahawa langkah-langkah yang lebih proaktif sejajar dengan pilihan strategi yang menjadi amalan pelajar dalam memastikan strategi-strategi yang diamalkan itu lebih efektif dan memberikan impak yang besar.

Manakala menurut Sarasin (1998) dalam Shareeza (2003), pendidik seharusnya boleh mengubah strategi pengajaran mereka berdasarkan strategi pembelajaran pelajar. Pendidik seharusnya memastikan kaedah, material dan sumber yang digunakan adalah mengikut cara pembelajaran pelajar dan meningkatkan potensi pembelajaran setiap pelajar.

Memandangkan pada masa kini, perkembangan ekonomi di Malaysia amat berkait rapat dengan negara luar seperti Jepun dan Korea Selatan, penguasaan bahasa-bahasa asing ini seolah sudah menjadi keperluan wajib oleh Malaysia untuk menyediakan tenaga kerja yang mampu untuk berkomunikasi dalam bahasa asing

dengan baik dan diharapkan dengan adanya penyelidikan seperti ini dapat membantu dan dijadikan rujukan kepada bakal pengajar dan penutur bahasa asing.

BAB 2

TINJAUAN KAJIAN

2.0 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan mengenai tinjauan kajian lepas yang pernah dijalankan oleh pengkaji terdahulu dan membincangkan teori dan penemuan lalu yang berkaitan dengan kajian yang dilakukan. Ia bermula dengan menerangkan tentang strategi pembelajaran bahasa.

Seterusnya tinjauan kajian literatur ini diperincikan lagi kepada tinjauan yang lebih khusus mengenai strategi pembelajaran bahasa dan komunikasi dengan menghuraikan model dan instrumentasi strategi yang diperkenalkan oleh Oxford (1990).

2.1 Strategi Pembelajaran

Umumnya, apabila mengkaji pembelajaran bahasa, ia melibatkan pelbagai aspek perancangan, pemikiran, sikap, tingkahlaku dan tindakan pelajar yang spesifik semasa menjalani proses pembelajaran (Anida Abd. Rahim, 2003). Selain daripada itu, ia juga berkait rapat dengan pendekatan kurikulum dalam melaksanakan aktiviti pembelajaran dan mempengaruhi penggunaan strategi pembelajaran pelajar.

Menurut kamus dewan, strategi bermaksud rancangan yang teratur (yang memperhitungkan pelbagai faktor) untuk mencapai matlamat atau kejayaan. Kamarudin (1994) mendefinisikan strategi sebagai satu perancangan atau satu operasi. Ia juga bererti sebagai satu aktiviti pengurusan atau kaedah yang digunakan untuk mencapai sesuatu matlamat. Strategi pembelajaran banyak diperkatakan di kalangan pakar-pakar dalam bidang psikologi pendidikan dan juga dalam pembelajaran bahasa kedua atau bahasa asing. Menurut Oxford Advanced Learner's Dictionary (2007), "strategi"

ditakrifkan sebagai satu perancangan yang dibuat untuk tujuan tertentu. *Third New International Dictionary (1993)* oleh *The Webster* pula menyatakan bahawa “strategi” sebagai satu perancangan yang rapi atau satu cara ke arah mencapai satu-satu tujuan.

Dalam kajian yang dibuat oleh Anida (2003) mendapati kekeliruan sering berlaku dalam memahami konsep strategi, pendekatan, kaedah dan teknik. Beliau mendefinisikan strategi memaparkan kebijaksaan guru dan pelajar yang bersifat eklektif dan kreatif semasa menyunting, memilih dan mengaplikasi mana-mana atau sebahagian dari pendekatan, kaedah dan teknik yang sesuai mengikut keperluan tahap dan kemampuan dan seterusnya digabung jalinkan dalam satu set aktiviti bertujuan untuk menyerap sebanyak mana pengetahuan, merebut seberapa banyak peluang dan mengadaptasi sebarang masalah yang timbul semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlaku.

Strategi merangkumi teknik-teknik, pendekatan atau tindakan yang diambil oleh pelajar dalam usaha mengingati semula isi kandungan pelajaran (Chamot 1987). Manakala menurut Weinstein, Husman, and Dierking (2000) pula, strategi pembelajaran termasuklah apa-apa juga pemikiran, tingkahlaku, kepercayaan atau emosi yang membantu dalam penguasaan, pemahaman atau pemindahan pengetahuan baru dan kemahiran. Chamot (2004) mendefinisikan strategi pembelajaran sebagai fikiran dan tindakan sedar yang dilakukan oleh pelajar untuk mencapai tujuan pembelajaran.

Dalam proses pembelajaran, pelajar merancang dan menggunakan strategi tertentu bagi memudahkan, menyelesaikan dan seterusnya menguasai sesuatu yang dipelajari. Strategi yang digunakan dalam proses pembelajaran dinamakan strategi pembelajaran. Strategi ini merangkumi teknik-teknik, pendekatan atau tindakan yang diambil oleh pelajar dalam usaha mengingati semula isi kandungan pelajaran (Chamot 1987). Manakala menurut Weinstein, Husman, and Dierking (2000) pula, strategi

pembelajaran termasuklah apa-apa juga pemikiran, tingkahlaku, kepercayaan atau emosi yang membantu dalam penguasaan, pemahaman atau pemindahan pengetahuan baru dan kemahiran. Chamot (2004) mendefinisikan strategi pembelajaran sebagai fikiran dan tindakan sedar yang dilakukan oleh pelajar untuk mencapai tujuan pembelajaran.

Ternyata strategi pembelajaran adalah satu perancangan tindakan atau cara yang teliti yang digunakan semasa proses pembelajaran demi mencapai satu-satu tujuan yang tertentu iaitu kejayaan. Dalam strategi pembelajaran, strategi ialah cara bagaimana pelajar mendapatkan ilmu, menyimpannya dan seterusnya digunakan semula bagi mengatasi masalah dalam pembelajaran. Strategi dibuat samada secara sedar atau tidak sedar . Kajian Sueraya (2010) pula mendapati pelajar-pelajar yang sedar tentang strategi pembelajaran dan menggunakan pelbagai strategi pembelajaran bahasa akan meningkatkan kemahiran bertutur bahasa Arab.

Oleh itu strategi boleh dipelajari dan diperaktikkan. Apabila sesuatu strategi itu terbukti berkesan kepada seseorang pelajar, maka ianya menjadi satu kelaziman dan keselesaan pada seseorang. Sekiranya sesuatu strategi itu tidak menampakkan hasil, lazimnya seseorang akan beralih kepada strategi yang lain kerana dalam skop pembelajaran ada seribu satu macam strategi yang boleh digunakan.

Tarone (1983) telah menyatakan bahawa strategi pembelajaran bahasa adalah satu percubaan untuk membina kecekapan linguistik dan sosiolinguistik dalam bahasa sasaran.

Oxford (1990) pula mendefinisikan strategi pembelajaran bahasa sebagai tindakan spesifik yang diambil oleh seseorang pelajar supaya proses pembelajarannya menjadi lebih mudah, cepat, menyeronokkan, berkesan dan mudah untuk dipindahkan ke situasi baru.

Chamot (1987) mendefinisikan strategi pembelajaran sebagai teknik, pendekatan dan perlakuan yang diambil oleh pelajar untuk memahami pembelajaran dan mengingati kedua-dua aspek iaitu linguistik dan bidang-bidang pengetahuan.

O'Malley (1985) telah membahagikan strategi pembelajaran bahasa kepada 3

kategori iaitu :

- i. Strategi metakognitif yang merangkumi perancangan aktiviti pembelajaran, mengawasi proses pembelajaran dan menilai kembali pembelajaran.
- ii. Strategi kognitif yang lebih tertumpu kepada tugas yang terlibat secara langsung dengan aktiviti pembelajaran seperti pengulangan, penterjemahan, pengelasan mengambil nota penggabungjalinan, pemindahan dan lain-lain.
- iii. Strategi sosioafektif yang berkaitan dengan aktiviti pengantaraan sosial dan berurusan dengan orang lain seperti bekerjasama dan bertanya soalan untuk penjelasan.

Strategi pembelajaran ialah cara, kaedah atau teknik yang digunakan oleh pelajar dalam mempelajari dan menguasai sesuatu pelajaran. Zamri Mohamod (2004) mendefinisikan strategi pembelajaran bahasa sebagai satu proses peningkatan pencapaian pembelajaran bahasa secara berterusan melalui pelbagai strategi belajar yang efektif. Pelajar bukan sahaja belajar bahasa dengan efektif, tetapi juga memperolehi segala asas kemahiran bahasa dan berbahasa dengan mudah. Strategi tersebut dapat membantu mereka berinteraksi secara lisan.

Seseorang pelajar itu perlu mengenal pasti strategi pembelajaran masing-masing bagi mendapat kesan yang baik ke atas sesuatu pembelajaran yang diikuti. Menurut Biekey & Rodman (1995) dalam Shareeza (2003) menjelaskan bahawa proses pembelajaran adalah penting bagi seseorang pelajar mengenal jenis strategi pembelajaran yang bersesuaian dengan dirinya sendiri. Ini adalah kerana strategi pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar akan mempengaruhi pencapaiannya.

Lightbown & Spada (2003) menyatakan bahawa pada suatu masa dahulu penyelidikan pembelajaran bahasa diasaskan atas keyakinan bahawa pelajar itu adalah sama, tetapi kini ia lebih tertumpu kepada faktor perbezaan individu pelajar yang dilihat mempengaruhi pencapaian dan penguasaan kemahiran bahasa.

2.1.1 Strategi Pembelajaran Bahasa

Pengkaji-pengkaji bahasa asing ramai telah memperkatakan tentang strategi pembelajaran dalam konteks pembelajaran bahasa asing. Oxford (1990) menjelaskan bahawa strategi pembelajaran bahasa sebagai tindakan, tingkah laku, langkah dan teknik yang secara spesifik diambil oleh pelajar secara sedar, untuk meningkatkan pemahaman dalam pembelajaran bahasa sasaran. Beliau juga menyatakan bahawa pelajar boleh mempertingkatkan pembelajaran mereka apabila mereka memahami tentang strategi pembelajaran yang mereka gunakan semasa pemerolehan bahasa asing ini. Menurutnya lagi, strategi mustahak bagi pelajar-pelajar bahasa kerana ia merupakan satu elemen yang aktif, yang memerlukan penglibatan secara peribadi dalam kompetensi berbahasa khususnya komunikasi.

Kesannya, penggunaan strategi pembelajaran yang betul dan tepat akan menghasilkan kelancaran berbahasa dan menambahkan lagi keyakinan diri. Sehubungan dengan itu dalam konteks pengajaran dan pembelajaran, Tarone (1983) menjelaskan

strategi pembelajaran bahasa merupakan usaha untuk meningkatkan kompetensi linguistik dan sosiolinguistik bahasa sasaran. Jelaslah disini bahawa walaupun ianya hanyalah pelajaran bahasa, strategi adalah penting khususnya dalam mempelajari bahasa asing.

Norton & Nunan (2001) menyatakan bahawa strategi pembelajaran bahasa merupakan teknik-teknik yang digunakan oleh pelajar agar pembelajaran mereka lebih efektif dan autonomi mereka sebagai pelajar dipertingkatkan. Pelajar yang mempunyai strategi dalam pembelajaran akan memudahkannya menyimpan pengetahuan, menolong pembinaan struktur ayat dan seterusnya membina sikap yang baik terhadap situasi pembelajaran.

Kepentingan menggunakan strategi pembelajaran bahasa dalam proses penguasaan bahasa asing tidak boleh dipertikaikan. Melalui strategi pembelajaran yang betul, pelajar dapat menyelesaikan masalah pembelajaran mereka dan seterusnya mengawal sendiri pembelajaran. Crabbe, D. (1993) memberikan tiga elemen penting bagi meningkatkan lagi autonomi pelajar iaitu: ideologi, psikologi dan ekonomi. Dari sudut ideologinya menjelaskan bagaimana pelajar mempunyai hak untuk menentukan bagaimana pendekatan mereka untuk belajar. Dari sudut psikologinya pula, pelajar merasakan bahawa mereka boleh belajar lebih baik apabila bertanggungjawab ke atas pembelajaran mereka. Manakala dari sudut ekonomi pula ialah penjimatan dari segi kewangan dan juga masa. Oleh itu pelajar perlu mengembangkan potensi diri, kebolehan berfikir dan mampu mengawal dan mentadbir pembelajaran untuk mencapai kecemerlangan.

Sama ada secara sedar atau tidak, pelajar pasti menggunakan strategi dalam pembelajaran bahasa asing. Contohnya pelajar menggunakan strategi menghafal, berkongsi maklumat, berbincang, menjawab soalan-soalan peperiksaan yang lalu,

pemetaan minda dan sebagainya. Setiap seorang pelajar mungkin menggunakan strategi yang sama dan mungkin tidak dalam satu-satu topik pembelajaran. Dalam waktu yang sama, mungkin satu-satu strategi tertentu berkesan pada seseorang pelajar dan tidak pula pada yang lain. Strategi yang berkesan adalah strategi yang boleh memberi kejayaan kepada penggunanya. Seperti mana menurut Najar (1998), strategi pembelajaran yang baik adalah strategi yang berkesan dari segi penggunaannya. Ini disokong oleh Ehrman, Leaver, & Oxford (2003) yang menyatakan bahawa sesuatu strategi pembelajaran tidak boleh dianggap bagus atau sebaliknya sehingga ianya terbukti dalam pembelajaran.

Bagi Mohammed Amin Embi (2000), pula berpendapat bahawa pelajar bahasa yang berjaya adalah mereka yang menggunakan berbagai strategi dalam pembelajaran mereka. Dalam kata lain mempelbagaikan strategi dan menggunakan strategi yang sesuai dapat membantu kejayaan dalam pembelajaran.

Sementara itu Rebecca L Oxford dalam "*Language Learning Strategies, What every teacher should know*" (1990), memberikan beberapa kepentingan strategi pembelajaran. Antaranya strategi pembelajaran akan dapat mendorong pelajar menjadi lebih terarah (*self directed*) dalam pembelajarannya, kerana pelajar yang *self-directed* mampu belajar tanpa arahan dari gurunya. Bagi pelajar, strategi pembelajaran merupakan satu alat atau cara meyelesaikan masalah. Ianya juga adalah sesuatu yang fleksibel, tidak dipergunakan secara kaku dan setiap individu boleh memilih, mengkombinasikan dan menggunakan mengikut strategi yang sesuai dan digemari.

Menurut Oxford (1990) lagi, strategi pembelajaran bahasa bertindak sebagai satu operasi yang digunakan oleh pelajar bagi membantu mereka memperolehi, menyimpan dan menggunakan semula pengetahuan yang diperolehi. Ianya adalah satu tindakan yang dilakukan oleh pelajar untuk memudahkan dan mempercepatkan pembelajaran, disamping itu ianya dapat memberi keseronokan dan menjadikan

pembelajaran lebih terarah, lebih berkesan dan mudah dipindahkan (*transferable*) kepada satu situasi yang baru.

Ada berbagai kategori strategi pembelajaran yang dikemukakan oleh pengkaji-pengkaji strategi pembelajaran terdahulu. Antaranya Brown (2000) telah membahagikan strategi pembelajaran ini kepada tiga kelompok besar. Strategi-strategi itu dikenali sebagai strategi metakognitif, kognitif dan sosioafektif. Metakognitif adalah tentang bagaimana maklumat diproses dan bagaimana pembelajaran itu dijalankan. Ini termasuklah pengawalan kefahaman dan membuat penilaian sendiri. Manakala strategi kognitif lebih terbatas kepada tugas yang sifatnya manipulatif, seperti pengulangan, menterjemah, mengumpul, membuat catatan dan memindahkan pengetahuan tersebut. Sosioafektif pula ialah aktiviti sosial dan transaksi yang ada hubungan dengan orang lain. Contohnya seperti bekerja sama untuk mendapat pulangan yang baik atau bertanya kepada guru dan penutur natif untuk mendapat penjelasan dalam menyelesaikan masalah.

2.2 Taksonomi Strategi Pembelajaran Bahasa Oxford.

Oxford (1990), membahagikan strategi pembelajaran bahasa kepada dua pembahagian besar iaitu strategi secara langsung dan tidak langsung. Strategi secara langsung adalah strategi yang berkaitan dengan bagaimana pelajar mengendalikan pembelajaran bahasa sasaran yang mana ia termasuk penglibatan proses mental mengenai bahasa yang dipelajari. Strategi secara tidak langsung pula melibatkan pentadbiran pembelajaran secara keseluruhan dan lebih umum. Strategi-strategi ini dikatakan strategi tidak langsung dimana kaedah-kaedah yang digunakan dapat membantu mengendalikan proses pembelajaran.

Ramai pengkaji-pengkaji strategi pembelajaran bahasa kedua atau bahasa asing merujuk kepada pembahagian yang telah dibuat oleh beliau. Keenam-enam strategi bahasa itu adalah saling mempengaruhi. Berikut diterangkan strategi-strategi tersebut:

2.2.1 Strategi secara langsung

Strategi secara langsung termasuklah apa yang diistilahkan oleh Oxford (1990) sebagai strategi memori, strategi kognitif dan strategi gantian (*compensation*).

2.2.1.1 Strategi Pembelajaran Memori

Strategi memori (ingatan) merupakan teknik-teknik yang digunakan untuk mengingat, mendapatkan maklumat kembali dan memindahkan maklumat daripada fakta kepada tahap kemahiran yang sesuai untuk digunakan. Caranya ialah dengan membuat kaitan mental dengan menggunakan imej atau bunyi-bunyi dan menggunakan aksi-aksi atau gerak fizikal bagi memudahkan ingatan. Membuat kaitan mental (*mental linkage*) dapat dilakukan dengan mengumpul dan menghubungkan, kemudian menempatkan sesuatu perkataan dalam sesuatu konteks ayat. Pelajar juga menggunakan imaginasi, pemetaan semantik dan menggunakan kata kunci untuk mengingati perkataan baru. Pengetahuan yang sedia ada pada seseorang yang digunakan sebagai kaitan kepada ilmu-ilmu baru (*Associating elaborating*) juga adalah salah satu teknik memori.

2.2.1.2 Strategi Pembelajaran Kognitif

Strategi pembelajaran kognitif pula berkaitan dengan bagaimana pelajar memikirkan tentang proses pembelajaran mereka. Ini termasuklah seperti membuat latihan, menerima dan menghantar mesej dan membuat andaian. Selanjutnya pelajar juga mencipta struktur-struktur untuk *input* dan *output* yang membolehkan mereka mempelajari bahasa yang baru dengan berbagai-bagi cara yang lebih praktikal lagi.

Pelajar juga melakukan rasionalisasi secara deduktif, menganalisa ungkapan, menganalisa perbezaan, menterjemah dan memindahkan informasi bagi memudahkan pembelajaran. Contoh-contoh strategi ini ialah latih tubi dan penggunaan kamus untuk memahami perkataan sukar.

Strategi kognitif lebih tertumpu kepada teknik manipulasi dan transformasi bahan-bahan yang hendak dipelajari, (Chamot, 1987). Kesannya mungkin berubah berdasarkan sejauh mana interaksi atau transformasi yang dibuat oleh pelajar. Jadi keterlibatan pelajar menentukan kejayaannya. Ernesto Macaro (2001), menyatakan bahawa kajian mengenai strategi pembelajaran mempunyai kaitan dengan teori kognitif.

2.2.1.3 Strategi Pembelajaran Gantian

Strategi pembelajaran gantian merujuk kepada tingkah laku yang dapat menggunakan bahasa baru untuk menggantikan maklumat atau kata-kata sebagai akibat kurangnya perbendaharaan kata yang sesuai. Melalui strategi pembelajaran gantian, dengan pengetahuan bahasa dan daftarkata yang terhad, pelajar cuba belajar dengan meneka secara bijaksana dalam mengatasikekangan dalam perbualan dan penulisan. Ini dilakukan samada dengan mengubahsuai bahasa ibunda, meminta bantuan, menggunakan mimik muka, bahasa tubuh, menggunakan sinonimi perkataan, meneka kata atau ungkapan baru (*coinage words*) dan menggunakan bahasa yang berbelit-belit (*circumlocution*) bagi menghindari komunikasi yang tidak lancar.

2.2.2 Strategi Secara Tidak Langsung

Strategi tidak langsung pula termasuklah strategi metakognitif, strategi afektif dan strategi sosial.

2.2.2.1 Strategi Pembelajaran Metakognitif

Strategi ini berkaitan dengan bagaimana pelajar mentadbir dan mengawal pembelajaran mereka. Pembelajaran bahasa asing sememangnya akan mempelajari elemen-elemen baru seperti mempelajari daftar kata, struktur ayat, tatabahasa dan budaya penutur bahasa sasaran. Oleh itu Oxford (1990) memberikan tiga ciri penting dalam strategi ini iaitu memberi fokus, menyusun dan merancang pembelajaran dan seterusnya menilai sendiri pembelajaran.

Pelajar memberi fokus apabila mereka membuat tinjauan dan mengaitkan pembelajaran baru dengan pengetahuan sedia ada. Kadang kala pelajar juga melambatkan perbualan demi untuk memberi fokus kepada pendengaran. Semasa menyusun dan merancang pembelajaran, pelajar mencari pengetahuan mengenai pembelajaran bahasa, menyusun pembelajaran, menentukan tujuan dan objektif pembelajaran dan seterusnya mengenalpasti tugas (samada pendengaran, bacaan, perbualan atau penulisan). Dalam strategi ini juga pelajar akan cuba mencari peluang untuk berlatih dan menggunakan apa yang dipelajarinya. Seterusnya penilaian dibuat melalui pemerhatian dan penilaian kendiri.

O’Malley & Chamot, (1990) memberi definisi strategi metakognitif sebagai:

“thinking about learning process, planning for learning, monitoring the learning task, and evaluating how well one has learned”.

O’Malley (1985), mendapati bahawa kebanyakan pelajar yang boleh menguasai bahasa asing adalah terdiri daripada pelajar yang menggunakan strategi metakognitif dalam pembelajaran mereka.

2.2.2.2 Strategi Pembelajaran Afektif

Strategi afektif merujuk kepada perasaan dan emosi pelajar berkaitan dengan pembelajaran. Strategi ini berkaitan dengan merendahkan tahap kegelisahan dan kebimbangan (*anxiety*) dengan cara merangsang diri sendiri, mengambil tahu tentang tahap emosi, motivasi dan sikap terhadap pembelajaran bahasa sasaran.

Aktiviti seperti menghela nafas, meditasi, relaks, mendengar muzik dan pembelajaran yang santai adalah strategi afektif. Bagi merangsang diri, pelajar sentiasa membuat kenyataan yang positif, mengambil risiko dengan baik dan memberi ganjaran kepada diri. Bagi mententeramkan emosi, pelajar menulis mengenai pembelajaran bahasa ke dalam buku harian atau catatan dan berbincang serta berkongsi perasaan dengan orang lain.

2.2.2.3 Strategi Pembelajaran Sosial

Manakala strategi pembelajaran sosial pula meliputi aktiviti-aktiviti yang melibatkan orang lain seperti bertanya soalan, bekerjasama dengan orang lain, simpati terhadap orang lain seperti mewujudkan pemahaman budaya, memahami fikiran dan perasaan orang. Strategi ini sentiasa menggalakkan interaksi dengan orang lain bagi membantu dalam pemerolehan bahasa.

Menurut O'Malley dan Chamot (1985) lagi, strategi sosial dan afektif mempunyai skop yang lebih luas. Ia melibatkan samada interaksi dengan orang lain atau gaya kita mengawal perasaan semasa belajar bahasa. Oleh itu bersabar dengan tugas-tugasan bahasa, meminta pertolongan dari guru, berkongsi perasaan dengan orang lain merupakan contoh-contoh strategi pembelajaran seseorang yang berada dalam kategori ini.

Dalam kajian ini, penulis akan menggunakan pembahagian strategi pembelajaran yang dibuat oleh Oxford ini sebagai kerangka kajian kerana klasifikasi yang dibuat oleh Oxford dilihat lebih konsisten secara teorinya (Hsiao & Oxford , 2002). Ellis (1999) menganggap klasifikasi yang telah dibuat oleh Oxford adalah yang paling komprehensif dan sesuai dalam konteks strategi pembelajaran bahasa asing.

2.3 Strategi Pembelajaran Bahasa berbanding Strategi Komunikasi

Terdapat banyak cara bagaimana strategi pembelajaran bahasa boleh dilaksanakan. Dalam sesetengah model, ia digabungkan dengan strategi komunikasi tetapi dalam kajian-kajian lain, adanya perbezaan diantara kedua-dua strategi tersebut. Tarone (1983) mendefinisikan strategi pembelajaran bahasa sebagai satu percubaan untuk membangunkan kecekapan linguistik dan sosiolinguistik dalam bahasa sasaran. Sebaliknya strategi komunikasi digunakan oleh seseorang diantara satu sama lain walaupun individu tersebut mempunyai pengetahuan yang terhad dalam bahasa tersebut. (Tarone,1983) dan (Dornyei,1995).

Contoh strategi komunikasi ialah strategi mengelak seperti membuang mesej dan mengelak mengenai topik yang dibualkan. Terdapat juga strategi pampasan seperti menggunakan isyarat bukan linguistik dan penukaran kod (*cord switching*) (Dornyei,1995). Manakala Brown (2000) menyatakan bahawa sistem klasifikasi merupakan gabungan strategi pembelajaran bahasa dan komunikasi yang telah diamalkan oleh ramai pelajar yang berjaya menguasai bahasa yang dipelajari. Salah satu kategori dalam sistem ini adalah strategi pampasan yang menyerupai strategi pampasan dalam model strategi komunikasi oleh Dornyei (1995). Sementara itu, O’Malley et al. (1985) mengkategorikan strategi pembelajaran kepada beberapa kumpulan iaitu strategi

metakognitif, strategi kognitif dan strategi sosio afektif . Sebagaimana yang dikatakan oleh Brown (2000), O’Malley et al. menentukan strategi metakognitif sebagai strategi yang digunakan dalam perancangan, pemantauan dan penilaian satu pembelajaran, strategi kognitif pula melibatkan manipulasi bahan langsung pembelajaran dan strategi sosio afektif ialah aktiviti-aktiviti yang melibatkan interaksi sosial dengan orang lain. Walau bagaimanapun, Brown mendakwa strategi sosio afektif dan beberapa strategi daripada kategori lain dalam model ini sebagai strategi komunikasi.

Oleh itu, pengkategorian strategi pembelajaran bahasa sering bertindih dengan strategi komunikasi tetapi Tarone (1983) menyatakan adanya perbezaan dalam kedua-dua strategi ini. Menurut Tarone, perbezaannya terdapat dalam tujuan strategi tersebut iaitu strategi komunikasi bertujuan untuk membantu pelajar ‘menunjuk’ kemahiran komunikasi mereka manakala strategi pembelajaran bahasa membantu mereka untuk ‘belajar’. Strategi pembelajaran bahasa menangani domain menerima apa yang dipelajari, memori, ingatan dan penyimpanan. Strategi komunikasi berkaitan dengan pembelajaran mekanisme lisan dan bukan lisan untuk komunikasi produktif (Brown, 2000). Brown menyatakan bahawa menggunakan kedua-dua strategi pembelajaran dan komunikasi dalam bilik darjah adalah bergantung kepada strategi pengajaran yang digunakan. Kajian ini memilih untuk merujuk kepada model Oxford (1990) untuk memeriksa strategi yang digunakan oleh pelajar kerana ia tidak memisahkan antara pembelajaran bahasa dan strategi komunikasi dalam objektifnya.

2.4 Strategi Sistem Klasifikasi Oxford

Oxford (1990) mengklasifikasikan strategi pembelajaran bahasa dan komunikasi kepada strategi langsung dan tidak langsung. Strategi langsung menggunakan bahasa tersebut secara langsung, manakala strategi tidak langsung menguruskan proses pembelajaran bahasa secara tidak langsung. Di bawah strategi langsung, terdapat

memori, kognitif dan strategi pampasan. Manakala strategi metakognitif, afektif dan sosial adalah strategi tidak langsung. Goh dan Kwah (1997) dalam kajian mereka telah mengkategorikan strategi Oxford ini dengan takrif seperti berikut:

- a. Strategi memori - kadang-kadang dipanggil manemonik, ini melibatkan proses mental yang digunakan dalam mengatur maklumat dalam perintah, membuat penyatuan dan mengkaji semula.
- b. Strategi Kognitif - melibatkan pemprosesan bahasa sasaran supaya makna perkataan menjadi jelas melalui proses seperti penaakulan dan menganalisis.
- c. Strategi Gantian - membolehkan pelajar membuat perbezaan antara pengetahuan dan kemahiran mereka sebagai contoh, meneka makna dan menggunakan isyarat.
- d. Strategi Metakognitif - membolehkan pelajar untuk merancang, menyelaras, menilai, dan mengarahkan pembelajaran mereka sendiri dan juga untuk memantau ralat.
- e. Strategi Afektif - bantuan untuk mendapatkan kawalan ke atas emosi mereka, sikap dan motivasi untuk mengurangkan perasaan kebimbangan, diri – galakan dan ganjaran kepada diri sendiri.
- f. Strategi Sosial - adalah cara yang melibatkan orang lain dalam meningkatkan pembelajaran melalui soalan, kerjasama dan kesedaran budaya meningkat.

2.4.1 Carta Oxford

Terdapat banyak kaedah untuk mengukur penggunaan strategi pembelajaran bahasa dalam kalangan pelajar. Alwahibee (2000) menjelaskan beberapa kaedah dalam

kajian literatur beliau. Ini termasuk pemerhatian bilik darjah, prosedur temubual, diari dan jurnal, dialog, laporan lisan, kajian yang berkenaan dengan kenangan, pengesahan komputer dan soal-selidik strategi yang mereka gunakan. Untuk kajian ini, penyelidik memilih untuk menggunakan soal selidik strategi pembelajaran bahasa seperti yang dijelaskan oleh Alwahibee (2000) dimana strategi pembelajaran bahasa Oxford (1990) telah digunakan oleh ramai penyelidik dalam kajian strategi pembelajaran bahasa yang digunakan dalam kalangan pelajar Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua atau dalam kalangan pelajar Bahasa Inggeris sebagai bahasa asing yang terdiri daripada pelajar dengan pelbagai latar belakang bahasa. Sebagai contoh, Alwahibee (2000) menyesuaikan ‘Strategi Inventori untuk Pembelajaran Bahasa’ dan juga diterjemahkan ke dalam versi Bahasa Arab untuk mengkaji penggunaan strategi pembelajaran bahasa dalam kalangan pelajar Bahasa Arab di universiti di Amerika Syarikat. Yang (2010) menggunakan Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Korea dalam ‘Strategi Inventori untuk Pembelajaran Bahasa’ untuk menyiasat pelajar universiti di Korea mengenai penggunaan strategi pembelajaran bahasa dalam kalangan pelajar yang mengambil Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua dan hubungan mereka dengan tahap penguasaan bahasa dan gender. Begitu juga, Goh dan Kwah (1997) menggunakan ‘Strategi Inventori untuk Pembelajaran Bahasa’ untuk mengkaji hubungan strategi pembelajaran bahasa dalam kalangan pelajar Cina yang mempelajari Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua dan tahap kecekapan mereka dan kaitannya dengan perbezaan gender. Fewell (2010) yang menggunakan ‘Strategi Inventori untuk Pembelajaran Bahasa’ yang telah diterjemahkan ke versi Bahasa Jepun untuk memeriksa penggunaan strategi pembelajaran bahasa antara pelajar kolej dari dua disiplin yang berbeza dalam mempelajari Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Seperti yang disokong oleh Oxford dan Burry-Stock (1995), kebolehpercayaan ‘Strategi Inventori untuk Pembelajaran Bahasa’ adalah yang tinggi dalam pelbagai kumpulan budaya dan kesahan ‘Strategi

Inventori untuk Pembelajaran Bahasa' adalah terletak pada pautan ramalan dan yang berhubung dengan prestasi bahasa (gred kursus, markah ujian yang standard, penilaian kecekapan).

2.4.1.1 Oxford (1990) Strategi Inventori untuk Pembelajaran Bahasa (Sill)

Terdapat dua versi Oxford (1990) mengenai ‘Strategi Inventori untuk Pembelajaran Bahasa iaitu Versi 5.1 yang digunakan untuk penutur asli Bahasa Inggeris yang mengkaji bahasa asing dan Versi 7.0 untuk bukan penutur asli yang belajar bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua atau asing. Manakala Versi 7.0 terdiri daripada 50 item yang dibahagikan kepada enam bahagian: Bahagian A terdiri daripada 9 Perkara penyata kepada strategi memori; Bahagian B terdiri daripada 14 item kepada strategi kognitif; Bahagian C meliputi 6 item kepada strategi pampasan; Bahagian D mempunyai 9 item kepada strategi metakognitif; Bahagian E terdiri daripada 6 item kepada strategi afektif; dan Bahagian F mempunyai 6 item kepada strategi sosial. Responden di sini adalah untuk menjawab perkara-perkara berdasarkan Skala Likert 5 di mana 5 = sangat setuju, skala 4 = setuju, skala 3 = tidak pasti, skala 2 = tidak setuju dan skala 1 = sangat tidak setuju.

2.5 Kajian Strategi Pembelajaran Bahasa

Terdapat banyak kajian yang menghubungkan antara pelajar dengan penggunaan strategi pembelajaran bahasa dan tahap penguasaan bahasa umum mereka . Yang (2010) menyiasat hubungan antara penggunaan Oxford (1990) dan tahap penguasaan bahasa sendiri dinilai dalam kalangan pelajar universiti Korea yang mempelajari Bahasa Inggeris sebagai bahasa asing dan mendapati bahawa penggunaan dalam enam kategori strategi pembelajaran bahasa secara keseluruhan mempunyai kesan yang penting ke atas tahap penguasaan Bahasa Inggeris mereka. Menurut Yang, pelajar yang paling

berkebolehan menggunakan strategi metakognitif manakala pelajar tahap penguasaan yang sederhana dan rendah menggunakan strategi pampasan besar dan dalam ketiga-tiga tahap penguasaan bahasa, pelajar tersebut paling kurang menggunakan strategi memori. Yang (2010) juga menjelaskan bahawa kemungkinan menggunakan strategi metakognitif dan strategi kognitif amat berkait rapat antara satu sama lain, oleh itu pelajar membuat perancangan, pemantauan, dan penilaian lebih aktif dalam melibatkan diri sepanjang proses pembelajaran bahasa. Sebaliknya, dengan merujuk kepada Oxford (1990), menegaskan bahawa pelajar yang kurang fasih dalam berbahasa lebih menggunakan strategi pampasan untuk mengimbangi kekurangan pengetahuan linguistik. Kajian ini memilih untuk merapatkan pemilihan strategi pembelajaran bahasa berkaitan dengan penguasaan lisan.

2.5.1 Strategi Pembelajaran Bahasa dan Kemahiran Lisan

Pengkaji mendapati bahawa terdapat beberapa kajian mengenai strategi pembelajaran bahasa yang digunakan oleh pelajar berhubung dengan penguasaan lisan. Hal ini telah dijelaskan oleh Alwahibee (2000) dalam kajian beliau dimana tujuan utamanya untuk mengenal pasti strategi pembelajaran yang digunakan oleh pelajar-pelajar Arab yang belajar di Amerika Syarikat. Kajian beliau adalah untuk meningkatkan kebolehan komunikasi lisan mereka dan untuk meneroka hubungan antara strategi pembelajaran dan kemahiran lisan. Objektif utama dalam kajian beliau telah tercapai melalui Bahagian C dalam soal selidik latar belakang yang telah diubahsuai dari Oxford (1989) di mana pelajar memberikan pendapat mereka sendiri. Enam belas cara-cara berkesan untuk meningkatkan komunikasi lisan telah dicadangkan kepada subjek kajian beliau.

Keputusan dalam kajian beliau mendapati bahawa empat kedudukan yang lebih tinggi yang digunakan oleh subjek kajian beliau ialah berkomunikasi dengan penutur

asli 36.1%, mendengar radio 10.5%, menonton TV 8.8% dan amalan serta latihan ayat Bahasa Inggeris dan frasa 8.3%. Selebihnya aktiviti diubah dari segi peratusan daripada 7.1 % kepada 0.05 %.

Bagi objektif yang kedua, beliau telah membahagikan responden kepada pelajar rendah, sederhana dan tahap penguasaan lisan tinggi melalui penggunaan ujian lisan yang telah diperkenalkan oleh Ilyin (1976) yang dikenali sebagai ‘Temuduga Ilyin’.

Selepas menjalankan tinjauan dengan menggunakan 62 item dalam strategi inventori untuk pembelajaran bahasa, Alwahibee (2000) mendapati bahawa kumpulan sederhana dalam penguasaan lisan lebih kerap menggunakan strategi kognitif, metakognitif, afektif dan berbanding dengan kumpulan rendah dan tinggi dalam penguasaan lisan. Beliau berpendapat secara amnya, kumpulan pertengahan memperolehi skor min lebih tinggi dalam setiap kategori strategi yang dicadangkan. Bahagian kedua kajian ini juga bertujuan mengenal pasti strategi pembelajaran bahasa yang digunakan untuk meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris pelajar. Walau bagaimanapun, Alwahibee (2000) tidak menggunakan strategi inventori untuk pembelajaran bahasa tetapi sebaliknya menggunakan soal selidik terbuka kerana ia akan menjadi lebih mudah untuk dianalisis. Strategi inventori untuk pembelajaran bahasa yang dimaksudkan untuk pembelajaran bahasa adalah terlalu umum, maka hanya item yang berkaitan dengan bahasa pertuturan sahaja yang digunakan dalam bahagian kedua kajian beliau.

Salah satu kajian terdahulu yang berkaitan dengan strategi pembelajaran bahasa telah menemui kategori strategi yang boleh meningkatkan penguasaan lisan. Kajian Nakanoko (2004) mendapati bahawa strategi kognitif paling berfungsi dalam meningkatkan penguasaan lisan. Nakanoko menyatakan bahawa pembelajaran yang jelas didorong oleh strategi kognitif yang melibatkan pembelajaran tatabahasa,

pembelajaran tersirat didorong oleh fungsi penggunaan strategi yang berkaitan dengan penguasaan bahasa dalam suasana komunikasi yang sebenar. Strategi kognitif telah ditakrifkan oleh Nakanoko sebagai strategi yang melibatkan bahasa pelajar. Oleh itu, Nakanoko (2004) memilih 31 item strategi inventori untuk digunakan dalam pembelajaran bahasa yang telah dikenal pasti sebagai strategi kognitif dan strategi berfungsi dan seterusnya membuat analisis. Beliau mengenal pasti strategi kognitif sebagai gabungan dua kategori strategi yang tidak mempunyai kepentingan struktur dan pemindahan strategi secara berhati-hati dan strategi berfungsi digunakan sebagai gabungan tiga kategori strategi yang melibatkan penggunaan ungkapan, pendedahan naturalistik dan penggunaan bahasa Inggeris untuk keseronokan. Dalam pada itu, beliau menggunakan 20 item skala penguasaan lisan yang direka sendiri untuk 120 pelajar yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua dari University of Tennessee di Knoxville (UTK) di mana pelajar tersebut, bahasa pertamanya adalah bahasa Cina, bahasa Korea dan bahasa Jepun. Beliau kemudiannya menguji hubungan antara lima kategori strategi dan tahap kemahiran lisan dengan menggunakan pelbagai item dan mendapati bahawa terdapat korelasi sederhana antara ketiga-tiga kategori strategi berfungsi dalam kemahiran lisan, manakala terdapat korelasi kecil diantara dua kategori strategi kognitif dan kemahiran lisan.

Walau bagaimanapun, dapatan kajian Nakanoko (2004) tersebut hanya menunjukkan bahawa penguasaan lisan boleh dipertingkatkan dengan menggunakan beberapa strategi terutamanya strategi kognitif kerana hasilnya telah membantu pengkaji untuk menjawab persoalan mengenai strategi pembelajaran yang sesuai dalam menjalankan kajian ini.

2.6 Kesimpulan

Kemahiran bertutur adalah disifatkan sebagai kemahiran bahasa yang paling mencabar, dan mampu bercakap sesuatu bahasa yang dipelajari dengan baik terutamanya untuk tujuan akademik dan mengejar kerjaya. Walau bagaimanapun, pelajar sering berhadapan dengan masalah dalam mencapai tahap yang dikehendaki dalam kemahiran lisan. Dalam kajian Rujipornwasin (2004), masalah yang dihadapi oleh pelajar UM dalam berbahasa Inggeris telah dipelajari melalui persepsi mereka. Masalah-masalah dikategorikan kepada kelemahan berkaitan bahasa dan afektif yang berkaitan untuk lebih mengenali punca-punca pelajar lemah berbahasa Inggeris.

Menurut Richards (1978), bahasa asing yang berlainan daripada bahasa pertama merupakan sesuatu bahasa yang dipelajari khususnya untuk membolehkan seseorang itu berkomunikasi dengan penutur-penutur asli bahasa berkenaan. Manakala menurut Oxford (1990), sesuatu bahasa asing tidak mempunyai fungsi komunikasi secara langsung dalam masyarakat di mana ia dipelajari kerana ia jarang digunakan dalam masyarakat tersebut.

Dari pada berapa kajian yang lepas, pada masa kini masih tidak jelas apakah strategi pembelajaran bahasa asing yang baik yang boleh digunakan oleh rakyat Malaysia untuk benar-benar dapat mengusai bahasa asing. Walaupun beberapa kajian tentang strategi pembelajaran bahasa asing telah dilakukan, ianya masih belum dapat membuktikan dan menyatakan dengan jelas strategi yang bersesuaian dengan suasana pembelajaran dan persekitaran di Malaysia.

Hasil dapatan kajian Habibah (2010) didapati pelajar-pelajar bahasa jepun di UiTM menggunakan ke enam-enam strategi yang di kemukakan pada tahap kadang-kadang (sederhana). Tidak ada satu pun strategi pembelajaran yang kerap digunakan

secara menonjol. Kadar kekerapan yang diaplikasikan pelajar hanyalah dalam lingkungan kerap kali dan kadang-kadang. Kelihatannya seperti pelajar-pelajar tidak menggunakan mana-mana satu strategi secara dominan. Pelajar-pelajar cenderung menggunakan semua strategi tanpa memikirkan keistimewaan setiap strategi atau kesesuaian strategi untuk digunakan dalam pembelajaran bahasa Jepun.

Menurut Roswati Abd. Rashid, Radhiah Ismail dan Nor Haslina Mohamad Akhir (2007) dalam kajian mereka bertajuk “Kepelbagaian Strategi Pembelajaran Tulisan Asas Bahasa Jepun (hiragana)” menyatakan bahawa langkah-langkah yang lebih proaktif sejajar dengan pilihan strategi yang menjadi amalan pelajar dalam memastikan strategi-strategi yang diamalkan itu lebih efektif dan memberikan impak yang besar.

Manakala menurut Sarasin (1998) dalam Shareeza (2003), pendidik seharusnya boleh mengubah strategi pengajaran mereka berdasarkan gaya pembelajaran pelajar. Pendidik seharusnya memastikan kaedah, material dan sumber yang digunakan adalah mengikut cara pembelajaran pelajar dan meningkatkan potensi pembelajaran setiap pelajar.

Memandangkan pada masa kini, perkembangan ekonomi di Malaysia amat berkait rapat dengan negara luar seperti Jepun dan Korea Selatan, penguasaan bahasa-bahasa asing ini seolah sudah menjadi keperluan wajib oleh Malaysia untuk menyediakan tenaga kerja yang mampu untuk berkomunikasi dalam bahasa asing dengan baik dan diharapkan dengan adanya penyelidikan seperti ini dapat membantu dan dijadikan rujukan kepada bakal pengajar dan penutur bahasa asing.

Dengan menyedari masalah-masalah ini, pelajar-pelajar, guru-guru dan universiti boleh mengambil tindakan yang perlu untuk memperbaiki masalah dan

kelemahan mereka. Salah satu cara bagi pelajar untuk meningkatkan penguasaan bahasa keseluruhan mereka adalah dengan menggunakan strategi pembelajaran bahasa dan Oxford (1990) mengklasifikasikan strategi pembelajaran bahasa kepada enam kategori iaitu strategi memori, strategi kognitif, strategi pampasan, strategi metakognitif, strategi afektif dan strategi sosial.

BAB 3

METODOLOGI PENYELIDIKAN

3.0 Pengenalan

Bab ini menerangkan metodologi penyelidikan mengenai kajian strategi pembelajaran bahasa Jepun di UiTM kampus Puncak Perdana dan Puncak Alam. Pemilihan dua kampus ini disebabkan jurusan yang digunakan sebagai responden dalam kajian ini berada di kampus tersebut.

Bab ini menggambarkan rekabentuk kajian, memuatkan maklumat mengenai sampel kajian dan juga penerangan lanjut mengenai kajian rintis, instrumen, analisis kajian dan kesimpulan.

3.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini dijalankan secara kajian kuantitatif dan kualitatif di mana ianya menggunakan kaedah soal-selidik ke atas pelajar yang sedang mengikuti kursus bahasa Jepun Tahap III.

Data primer diperolehi melalui soal-selidik yang dijalankan ke atas pelajar untuk mendapatkan maklumat mengenai strategi pembelajaran bahasa mereka yang digunakan dalam pembelajaran bahasa Jepun.

Soalan soal-selidik yang digunakan adalah terjemahan yang telah dibuat daripada kajian Habibah Shuib (2010) dan Anida Abd. Rahim (2003) yang berpandukan inventori strategi pembelajaran yang sedia ada (Oxford,1990). Dalam kajian yang dibuat oleh Oxford (1990), soal selidik yang disediakan menggunakan bahasa Inggeris untuk mengkaji strategi pembelajaran dalam bahasa Inggeris, kajian Anida (2003)

menggunakan soal selidik yang sama dan telah dibuat terjemahan ke bahasa Melayu untuk mengkaji strategi pembelajaran bahasa Arab manakala kajian Habibah (2010) dan kajian ini menggunakan soal selidik yang sama dan disesuaikan dengan strategi pembelajaran bahasa Jepun. Bezanya kajian Habibah (2010) mengaitkan strategi pembelajaran dan kaitannya dengan pencapaian dan motivasi pelajar manakala kajian ini lebih berkait rapat dengan perbezaan jurusan dan faktor-faktor pemilihan strategi pembelajaran bahasa Jepun instrumen. Di peringkat ini, seramai 100 orang pelajar telah dipilih sebagai responden dalam kajian ini. Kajian dibuat dalam bentuk deskriptif melalui borang soal selidik. Pelajar yang mengambil bahasa Jepun sebagai pilihan bahasa ketiga dan dipilih secara rawak. Soal selidik terbahagi kepada dua bahagian besar iaitu bahagian A yang terdiri daripada item demografi. Bahagian B pula ialah item-item strategi pembelajaran.

Soalan-soalan dibuat dalam bentuk skala likert dari pemeringkatan 1 hingga 5. Untuk menjawab soalan-soalan kajian yang telah ditetapkan di bab 1, data-data di analisa dengan menggunakan “*Statistical Package for social Science (SPSS) for Windows Version 10.0*”. Analisa dipermudahkan lagi untuk kefahaman dengan memaparkan 14 jadual dan 1 carta.

Bagi analisa menggunakan SPSS pula, tumpuan diberikan kepada analisa min. Min pada setiap item mengikut kekerapan penggunaan strategi di antara keenam-enam strategi tersebut. Semua data-data tersebut dipaparkan mengikut susunan persoalan kajian yang telah dikemukakan. Interpretasi untuk hasil-hasil min dipaparkan di jadual 4.3 (Strategi pembelajaran memori), jadual 4.4 (Strategi pembelajaran kognitif), jadual 4.5 (Strategi pembelajaran gantian), jadual 4.6 (Strategi pembelajaran metakognitif), jadual 4.7 (Strategi pembelajaran afektif), dan jadual 4.8 (Strategi pembelajaran sosial).

3.2 Persampelan Data

UiTM Shah Alam, dengan lebih dari 10,000 orang pelajar, terbahagi kepada 3 gugusan fakulti yang besar iaitu Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Fakulti Sains sosial dan Kemanusiaan dan Fakulti Sains dan Teknologi. Semua pelajar ijazah diwajibkan mengambil bahasa ketiga (bahasa asing) yang disediakan oleh Akademi Pengajian Bahasa. Kursus-kursus ini dirancang khas bagi menyediakan pelajar ke alam pekerjaan kelak.

Bagi tujuan persampelan, tidak semestinya ahli dalam populasi digunakan sekiranya daripada sampel sudah dapat memberi gambaran untuk memahami sesuatu masalah atau fenomena yang berlaku dalam populasi terbabit (Gall, Gall & Borg 2005). Dalam kajian ini penulis hanya menumpukan kepada pelajar-pelajar yang mengambil bahasa Jepun sebagai bahasa ketiga di UiTM Kampus Puncak Alam dan Kampus Puncak Perdana sahaja. Bagi memenuhi syarat lulus peperiksaan, pelajar perlu lulus tiga kod matapelajaran bahasa Jepun dengan jayanya iaitu BJP 401(permulaan), BJP 451(pertengahan) dan BJP 501(lanjutan). Untuk kajian ini, kajian telah dibuat ke atas pelajar yang telah pun selesai mengambil dua kod matapelajaran bahasa Jepun sahaja iaitu BJP 401 dan BJP 451 pada tahun 2013.

Pemilihan responden adalah secara rawak dari Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka (AD) dan Fakulti Pengurusan Maklumat (IM). Seramai 100 orang dari populasi seramai 900 orang pelajar yang mengambil bahasa Jepun di UiTM Kampus Puncak Perdana dan Kampus Puncak Alam. Namun begitu seramai 100 orang pelajar telah menjawab soal selidik tersebut. Bilangan populasi ini diperolehi dari pangkalan data sistem pendaftaran pelajar (SIMS) UiTM. Kesemua pelajar ini adalah pelajar-pelajar bumiputera yang tidak mempunyai latarbelakang bahasa Jepun mahupun pernah melawat ke negara berkenaan.

3.3 Kajian Rintis

Satu kajian rintis telah dijalankan untuk menguji kesahihan serta kebolehpercayaan item-item yang telah dipilih dalam borang soal selidik sebelum kajian sebenar dijalankan. Untuk itu, 60 orang responden telah dipilih secara rawak di kedua-dua kampus tersebut. Pelajar-pelajar ini dipilih kerana pelajar-pelajar ini adalah kumpulan pelajar yang mengambil kod yang sama dengan responden sebenar kajian. Data-data dikumpul melalui borang soalselidik yang diedar dan telah dianalisis dengan menggunakan perisian komputer “*Statistical Package for Social Science (SPSS) for Windows Version 10.0*”. Hasil daripada analisis yang diperolehi mendapati tahap kebolehpercayaan (Alpha Croanbach) item-item daripada borang soalselidik ialah seperti berikut:

- 1) Soal selidik bahagian B yang terdiri dari soalan soalan strategi pembelajaran ialah: Strategi pembelajaran memori, strategi pembelajaran kognitif, strategi pembelajaran pampasan, strategi pembelajaran metakognitif, strategi pembelajaran afektif dan strategi pembelajaran sosial.

Dalam kajian rintis ini, min dan skor yang diperolehi menunjukkan kesemua item-item di dalam soal selidik ini mempunyai nilai reliabiliti dan sesuai digunakan dalam kajian sebenar.

3.4 Instrumen Kajian

Borang soal selidik telah digunakan sebagai instrumen kajian. Soal selidik ini telah diterjemahkan dari soal selidik *Strategy Inventory for Language Learning (SILL 7.0 ESL/EFL, Oxford, 1990)* ke bahasa Melayu oleh seorang penterjemah yang pakar dalam terjemahan bahasa Inggeris ke bahasa Melayu. Soal selidik dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu:

i. Bahagian A : Maklumat Am


Bahagian ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat responden berkaitan fakulti, gender, dan gred pencapaian dalam bahasa Jepun.

ii. Bahagian B: Soal Selidik Strategi Pembelajaran

Bahagian ini dibahagikan kepada enam kategori soalan iaitu mengikut enam pembahagian kategori yang telah dibuat oleh Oxford (1990). Kategori strategi pembelajaran pertama ialah strategi pembelajaran memori mengandungi 9 item soalan. Kategori kedua ialah strategi pembelajaran kognitif mengandungi 14 item soalan. Strategi yang ketiga ialah strategi pembelajaran gantian (*compensation*) mengandungi 6 item soalan. Seterusnya kategori yang ke empat iaitu strategi pembelajaran metakognitif mengandung 9 item soalan. Strategi yang ke lima iaitu strategi pembelajaran afektif mengandungi 6 item soalan dan akhir sekali strategi yang dikategorikan sebagai strategi sosial mengandungi 6 item soalan juga. Soalan-soalan di bahagian ini diadaptasi dari *Strategy Inventory for Language Learning* (SILL 7.0 ESL/EFL, Oxford, 1990). Soalan-soalan ini juga diterjemahkan sepenuhnya (*rephrased*) dan diubahsuai mengikut kesesuaian latarbelakang responden dan pembelajaran bahasa Jepun kerana soalan-soalan ini pada asalnya digunakan untuk pembelajaran bahasa Inggeris.

Bahagian ini bertujuan untuk mendapatkan kekerapan penggunaan strategi pembelajaran yang digunakan.

Semua elemen bagi setiap kriteria di bahagian B diukur berdasarkan kepada skala Likert yang mempunyai 5 tahap ukuran dan nilai skor seperti berikut:



3.5 Prosedur Pengagihan Borang Soal Selidik

Kajian ini telah dijalankan ke atas pelajar-pelajar bahasa Jepun tahap III pada sesi akademik September-Disember 2013 Kampus Puncak Perdana dan Kampus Puncak Alam. Oleh kerana pengkaji sendiri adalah salah seorang dari tenaga pengajar subjek ini (bahasa Jepun), dan kakitangan yang lain pun adalah rakan pengkaji, pengagihan borang soal selidik adalah satu prosedur yang mudah. Setelah mendapat kebenaran dan persetujuan, sebelum kuliah dimulakan, responden terlebih dahulu diberitahu bahawa satu soal selidik mengenai strategi pembelajaran bahasa akan dijalankan. Responden telah diterangkan secara ringkas tentang objektif dan impak kajian ini dilakukan. Pengkaji juga memberi jaminan kepada responden bahawa semua maklumat dan data yang diperolehi adalah semata-mata untuk kegunaan kajian. Oleh kerana mereka hanya mengikuti BJP 501 pada semester ini maka sudah tentu keputusan bagi kod BJP 501 tidak ada semasa menjawab soal selidik tersebut. Justeru itu responden cuma perlu mengisi keputusan dua kod Bahasa Jepun iaitu BJP 401 dan BJP 451 sahaja bagi menjawab gred pencapaian bahasa Jepun di soal selidik bahagian A. Bagi pengkaji, dua kod ini sudah cukup memadai untuk mengetahui tahap kecekapan bahasa responden. Responden-responden diminta menjawab borang soal selidik ini serentak disebelum memulakan kuliah dalam jangkamasa sepuluh hingga lima belas minit. Setelah selesai responden- responden diminta meletakkan borang soal selidik yang telah dijawab di atas meja. Pengkaji kemudiannya mengumpulkan borang soal selidik tersebut untuk dianalisis.

3.6 Analisa Data Soal Selidik

Enam pembahagian strategi pembelajaran ialah mengikut pembahagian yang telah dibuat oleh Oxford dalam "*Taxonomy of Learning Strategies*" (1990) telah digunakan dalam kajian ini.

Pembahagian strategi tersebut ialah:

A. Strategi Memori

Strategi ini melibatkan teknik atau cara di mana boleh menolong pelajar menyimpan dan menggunakan semula input yang dipelajari. Ini termasuklah seperti mencipta perhubungan mental (mind mapping), menggunakan imej dan bunyi, mengulangkaji dengan cara yang terancang dan lain-lain lagi.

B. Strategi Kognitif

Strategi ini melibatkan analisis secara langsung, transformasi bahasa sasaran, latihan secara formal tentang bunyi dan struktur ayat dan sebagainya. Beberapa item strategi kognitif seperti menganalisa, mengingati kata dasar adalah sangat penting bagi mengingat semula pengetahuan yang baru diperolehi.

C. Strategi Gantian

Strategi ini menolong pelajar mengisi ruang kosong yang menghalang kelancaran pelajar berbahasa. Aktiviti-aktivitinya ialah seperti meneka perkataan atau makna, menggunakan "bahasa badan", menukar kepada bahasa ibunda, dan menggunakan sinonimi perkataan bagi memahami makna dalam perbualan atau penulisan.

D. Strategi Metakognitif

Strategi ini menolong pelajar meransang kognitif mereka di samping memberi fokus, merancang pembelajaran dan menilai pencapaian mereka.

Strategi afektif ialah strategi yang menolong pelajar dalam membina keyakinan diri, mengawal emosi dan memupuk minat pelajar secara aktif dalam aktiviti pembelajaran bahasa di mana ia merupakan salah satu keperluan kemahiran dalam komunikasi berbahasa.

E. Strategi Afektif

Strategi afektif merujuk kepada perasaan dan emosi pelajar berkaitan dengan pembelajaran. Strategi ini berkaitan dengan merendahkan tahap kegelisahan dan kebimbangan (*anxiety*) dengan cara meransang diri sendiri, mengambil tahu tentang tahap emosi, motivasi dan sikap terhadap pembelajaran bahasa sasaran.

F. Strategi Sosial.

Strategi yang menunjukkan penyertaan yang aktif dalam interaksi dan kebolehan berkongsi perasaan, di mana dua kualiti ini juga merupakan keperluan bagi kemahiran dalam komunikasi.

Menurut O'Malley dan Chamot (1985) lagi, strategi sosial dan afektif mempunyai skop yang lebih luas. Ia melibatkan samada interaksi dengan orang lain atau gaya kita mengawal perasaan semasa belajar bahasa. Oleh itu bersabar dengan tugas-tugasan bahasa, meminta pertolongan dari guru, berkongsi perasaan dengan orang lain merupakan contoh-contoh strategi pembelajaran seseorang yang jatuh dalam kategori ini.

O' Malley & Chamot, (1990) memberi definisi strategi metakognitif sebagai:

"thinking about learning process, planning for learning, monitoring the learning task, and evaluating how well one has learned".

O'Malley (1985), mendapati bahawa kebanyakan pelajar yang boleh menguasai bahasa asing adalah terdiri daripada pelajar yang menggunakan strategi metakognitif dalam pembelajaran mereka.

Dalam kajian ini, pembahagian strategi pembelajaran yang dibuat oleh Oxford ini akan digunakan sebagai kerangka kajian kerana klasifikasi yang dibuat oleh Oxford dilihat lebih konsisten secara teorinya (Hsiao & Oxford , 2002). Ellis (1999) menganggap klasifikasi yang telah dibuat oleh Oxford adalah yang paling komprehensif dan sesuai dalam konteks strategi pembelajaran bahasa asing.

Butiran mengenai strategi pembelajaran tersebut diringkaskan dalam Jadual 3.1 berikut:

Jadual 3.1: Strategi Pembelajaran

Bil.	Strategi Pembelajaran	Aktiviti
1.	Memori	mencipta perhubungan mental (mind mapping), mengumpul, mengkategorisasi, menggunakan imej/bunyi sebagai mewakili perkataan. Teknik mekanikal seperti respon fizikal.
2.	Kognitif	latihan dan mengulang-ngulang perkataan baru, menterjemah, membuat analisa, mengambil nota, membuat ringkasan.
3.	Gantian	meneka perkataan atau makna, menggunakan "bahasa

		badan”, menukar kepada bahasa ibunda, menggunakan sinonimi perkataan. mencipta perkataan (coining words) dalam komunikasi.
4.	Metakognitif	memberi fokus, merancang pembelajaran, menetapkan tujuan dan objektif, menilai pencapaian.
5.	Afektif	menggunakan muzik dan unsur-unsur humor sebagai proses pembelajaran, membina keyakinan diri, mengawal emosi, memberi imbuhan kepada diri, membincangkan perasaan dan memupuk minat belajar secara aktif.
6.	Sosial	membuat pembetulan, berkerja dengan rakan, membina kefahaman budaya.

3.7 Temuduga

Temubual dalam kajian ini telah dijalankan untuk menyokong dapanan soal selidik yang berstruktur dan soalan-soalan terbuka telah digunakan untuk memberikan responden peluang untuk menyebutkan perkara-perkara yang mungkin kurang relevan dengan soalan daripada soal-selidik tetapi sangat penting kepada subjek (Singh, Chan, dan Sidhu, 2006). Oleh itu, keperluan kaedah gabungan yang digunakan untuk pengumpulan data adalah untuk mendapatkan gambaran yang jelas dan pemahaman yang lebih baik (Johnson, Onwuegbuzie dan Turner, 2007).

Seramai 10 orang responden telah dipilih untuk ditemuduga dalam kajian ini dimana tahap penguasaan bahasa Jepun mereka berada ditahap sederhana antara satu sama lain dalam kedua-dua kumpulan instrumen. Oleh sebab itu, pemilihan dilakukan secara rawak iaitu bergantung kesediaan dan persetujuan responden memberi komitmen

untuk menjawab segala soalan yang diberikan semasa sesi temuduga dijalankan. Bahasa Melayu digunakan sebagai bahasa pengantar semasa sesi temuduga ini dijalankan kerana dengan menggunakan bahasa yang mudah difahami, memberikan keselesaan dan mendapat gambaran yang lebih jelas tentang soalan yang diajukan kepada responden. Lima orang pelajar telah dipilih dari setiap kumpulan jurusan. Data hasil daripada temubual telah dianalisis secara manual dan dipaparkan mengikut setiap soalan. Jawapan-jawapan yang diperolehi daripada responden akan dianalisis secara manual. Jawapan kepada soalan temuduga seperti masalah yang dirasakan dalam berbahasa Jepun, strategi untuk memperbaiki diri untuk bercakap dalam bahasa Jepun dan pendapat tentang kursus bahasa Jepun yang ditawarkan di UiTM akan dianalisis. Hasil kajian temuduga telah dibincangkan untuk mengenal pasti strategi pembelajaran bahasa, mengenal pasti perbezaan dan apakah faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan strategi pembelajaran bahasa ke atas responden.

3.8 Kesimpulan

Bab ini dimulakan dengan rekabentuk kajian secara keseluruhan dan diikuti dengan penerangan tentang subjek kajian. Sebelum kajian sebenar dibuat satu kajian rintis telah dijalankan bagi menguji realibiliti soalan kajian. Bab ini seterusnya menerangkan instrumen kajian yang digunakan iaitu soal selidik yang dibahagikan kepada dua bahagian iaitu bahagian A (demografi dan skor pelajar) dan bahagian B (Strategi Pembelajaran).

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.0 Pengenalan

Bab ini menerangkan data yang dikutip daripada soal-selidik dan hasil temuduga. Bahagian pertama dalam soal selidik ini menerangkan mengenai latar belakang responden. Kemudian bahagian kedua pula menerangkan hasil soal-selidik mengenai persepsi terhadap masalah yang berkaitan dengan bahasa dan strategi pembelajaran bahasa Jepun. Akhir sekali menerangkan mengenai analisis daripada hasil temuduga yang telah di jalankan ke atas 10 orang responden yang dipilih secara rawak. Data yang diperolehi daripada soal selidik dan temu bual telah digunakan untuk menjawab persoalan kajian berikut:

1. Apakah strategi pembelajaran bahasa Jepun yang digunakan oleh pelajar di UiTM?
2. Apakah terdapat perbezaan penggunaan strategi pembelajaran bahasa yang digunakan oleh pelajar dalam jurusan yang berbeza?
3. Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi strategi pembelajaran bahasa Jepun dalam kalangan pelajar UiTM?

Tujuan utama setiap item dalam soal selidik di bahagian strategi pembelajaran ialah untuk melihat kekerapan strategi pembelajaran dan perbezaan strategi pembelajaran yang digunakan mengikut jurusan yang berbeza yang digunakan oleh responden. Seterusnya sesi temuduga keatas 10 responden telah dibuat untuk

mendapatkan maklumat mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi strategi pembelajaran bahasa.

4.1 Latar Belakang Responden

Seramai 100 orang responden dari dua fakulti di Universiti Teknologi Mara telah menjawab soal selidik untuk kajian ini. Subjek terdiri daripada 50 pelajar dari Fakulti Pengurusan maklumat (IM) dan 50 pelajar daripada Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka (AD) yang sedang mengikuti kelas bahasa Jepun tahap III.

4.2 Mengenalpasti Strategi Pembelajaran

Persoalan seterusnya yang ingin dijawab melalui kajian ini adalah mengenai strategi pembelajaran yang digunakan oleh responden apabila mempelajari bahasa Jepun. Enam strategi pembelajaran telah dikenalpasti iaitu strategi memori, kognitif, gentian, metakognitif, afektif, emosi, dan sosial. Responden telah diminta memberikan pemeringkatan dari 1 (sangat tidak setuju) hingga 5 (sangat setuju) terhadap setiap strategi yang disenaraikan.

Pemeringkatan bagi set soalan-soalan dalam setiap strategi yang dibuat oleh responden telah dicampurkan dan dibahagikan dengan jumlah soalan untuk mendapatkan skor purata (min) bagi strategi tersebut. Contohnya bagi strategi memori, pemeringkatan responden bagi 9 soalan dicampurkan dan dibahagi 9.

Hasil-hasil min telah diinterpretasikan mengikut SILL versi 5.1 yang telah dibuat oleh Oxford (1989) seperti pada Jadual 4.1.

Jadual 4.1: Interpretasi SILL

Kategori	Kekerapan	Skor Purata
Tinggi	Selalu	4.5-5.0
	Kerapkali	3.5-4.4
Sederhana	Kadang-kadang	2.5-3.4
Rendah	Jarang-jarang	1.5-2.4
	Tidak pernah	1.0-1.4

Berdasarkan pada Jadual 4.1, min yang dikategorikan sebagai tinggi ialah di antara 4.5 hingga 5.0 (*selalu*) dan di antara 3.5 hingga 4.4 (*kerap kali*). Manakala kategori sederhana pula ialah min di antara 2.5 hingga 3.4 (*kadang-kadang*) dan kategori rendah ialah min di antara 1.5 hingga 2.4 (*jarang-jarang*) dan 1.0 hingga 1.4 (*tidak pernah*).

4.2.1 Analisa Strategi Pembelajaran Memori

Sebanyak 9 item kaedah memori disenaraikan bagi responden menyatakan kekerapan mereka menggunakan setiap kaedah belajar. Setiap senarai item menggambarkan pelbagai teknik belajar. Bagi setiap item, pemeringkatan telah dibuat oleh 100 responden dengan menggunakan skala Likert 1 hingga 5. Pemeringkatan bagi setiap responden yang menjawab sesuatu item dijumlahkan, dan kemudian dibahagikan dengan jumlah responden (N) yang menjawab item tersebut. Semua subjek telah menjawab kesemua item yang disediakan, oleh itu nilai N mencapai jumlah sebenar 100.

Jadual 4.2: Min Kumpulan untuk Strategi Pembelajaran Memori

Bil.	Soalan	N	Min	Sisihan Piawai (Std.Deviation)
1.	Gunakan perkataan baru supaya mudah ingat	100	3.65	1.019
2.	Menggunakan “rima” sebagai salah satu cara untuk mengingati.	100	3.63	.940
3.	Menggunakan “flash card”	100	3.40	1.012
4.	Selalu mengulangkaji	100	3.04	1.282
5.	Lakonkan perkataan baru secara fizikal	100	3.03	1.186
6.	Mengaitkan sesuatu yang baru dengan kehidupan seharian.	100	2.92	1.191
7.	Ingat perkataan baru dengan membuat gambaran mental	100	2.88	1.194
8.	Ingat tempat di muka surat buku, papan putih, papan kenyataan.	100	2.87	1.233
9.	Kaitkan bunyi dengan imej atau gambaran objek	100	2.65	1.280

Jadual 4.2 diatas memberikan analisis mengenai strategi pembelajaran memori yang digunakan oleh pelajar. Didapati pelajar kerap kali menggunakan perkataan baru supaya mudah diingat ($\text{min}=3.65$) serta menggunakan “rima” sebagai salah satu kaedah untuk mengingati ($\text{min}=3.63$) serta sebagai pilihan terbanyak dalam kategori strategi pembelajaran memori.

Teknik lain yang kadang-kadang digunakan pelajar dalam kategori strategi memori adalah menggunakan kad imbasan ($\text{min}=3.40$), mengulangkaji pelajaran ($\text{min}=3.04$), melakonkan perkataan baru yang dipelajari secara fizikal ($\text{min}=3.03$),

mengaitkan sesuatu dipelajari dengan budaya kehidupan ($\text{min}=2.92$) serta membuat gambaran mental untuk mengingati perkataan baru ($\text{min}=2.88$).

Manakala mengaitkan bunyi dengan imej atau gambaran objek merupakan pilihan yang paling sedikit digunakan ($\text{min}=2.65$) meski pun masih berada dalam skor dalam kategori kadang-kadang.

4.2.1.1 Kesimpulan Strategi Pembelajaran Memori.

Sebagai kesimpulan, responden tidak selalu menggunakan mana-mana teknik kaedah memori secara intensif. Kebanyakannya menggunakan tiga kaedah yang teratas tadi iaitu menggunakan perkataan baru agar mudah diingat, menggunakan “rima” sebagai salah satu cara untuk mengingati dan menggunakan kad imbasan. Manakala strategi pembelajaran yang mengaitkan bunyi dengan imej atau gambaran objek adalah satu strategi yang paling tidak popular.

4.2.2 Analisa Strategi Pembelajaran Kognitif

Sebanyak empat belas item kaedah kognitif disenaraikan bagi pelajar menyatakan kekerapan mereka menggunakan setiap kaedah belajar. Berikut dipaparkan hasil min bagi strategi pembelajaran kognitif.

Jadual 4.3: Min Kumpulan untuk Strategi Pembelajaran Kognitif

Bil.	Soalan	N	Min	Sisihan Piawai (Std.Deviation)
1.	Sebut atau tulis beberapa kali	100	3.68	.961
2.	Berlatih bunyi Bahasa Jepun	100	3.65	.987
3.	Menulis nota, mesej atau laporan	100	3.54	9.69
4.	Guna perkataan dalam berbagai situasi	100	3.44	.918
5.	Baca dengan cepat kemudian baca sekali lagi dengan berhati-hati	100	3.43	.903
6.	Memulakan perbualan dengan rakan	100	3.40	1.012
7.	Menonton drama Bahasa Jepun	100	3.35	1.094
8.	Cuba bertutur seperti orang Jepun	100	3.27	1.022
9.	Buat ringkasan pada setiap informasi yang didengar atau baca.	100	3.22	1.217
10.	Membaca untuk tujuan bersantai	100	3.17	1.180
11.	Cari struktur/corak ayat dari buku teks atau sumber lain.	100	3.06	1.173
12.	Mencari perkataan Bahasa Melayu yang sama dengan Bahasa Jepun.	100	2.98	1.230
13.	Tidak menterjemahkan perkataan demi perkataan.	100	2.77	1.351
14.	Cari makna dengan membahagikan kepada beberapa bahagian yang difahami.	100	2.45	1.237

Berdasarkan pada Jadual 4.3, didapati teknik menyebut atau menulis beberapa kali memperbaiki kemahiran mereka ($\text{min}=3.68$). Ini diikuti dengan melatih bunyi bahasa Jepun ($\text{min}=3.65$), menulis nota, mesej atau laporan ($\text{min}=3.54$) merupakan teknik yang termasuk dalam penggunaan strategi dalam skor tinggi.

Kaedah yang kadang-kadang digunakan pelajar adalah menggunakan perkataan dalam dalam berbagai situasi ($\text{min}=3.44$), membaca dengan cepat dan mengulang semula ($\text{min}=3.43$), memulakan perbualan dengan rakan satu kursus dalam bahasa Jepun ($\text{min}=3.40$), selalu menonton drama bahasa Jepun ($\text{min}=3.35$) dan mencuba untuk bertutur sebagaimana orang Jepun bertutur ($\text{min}=3.27$) adalah empat pilihan teratas yang memperolehi skor purata sederhana. Satu kaedah yang jarang-jarang digunakan ialah mencari makna perkataan bahasa Jepun dengan membahagikannya kepada beberapa bahagian yang difahami ($\text{min}=2.45$).

4.2.2.1 Kesimpulan Strategi Pembelajaran Kognitif

Sebagai kesimpulan, responden juga tidak selalu menggunakan mana-mana teknik strategi pembelajaran kognitif secara intensif. Min bagi kebanyakan item (item 4 hingga 13) ialah di antara 2.77 hingga 3.44. Mengikut interpretasi SILL yang telah dibuat oleh Oxford (1989), min sebegini jatuh pada kategori “sederhana”. Cuma 3 item sahaja yang dikategorikan sebagai “tinggi”. Pelajar dilihat lebih cenderung kepada aktiviti latihan menyebut atau menulis dalam strategi pembelajaran kognitif di mana pelajar memilih untuk menyebut dan menulis perkataan baru beberapa kali ($\text{min}=3.68$).

Walaupun subjek masih mengikuti pembelajaran secara formal, aktiviti-aktiviti yang banyak memerlukan latih tubi atau kemahiran berfikir seperti kaedah yang dicadangkan dalam strategi pembelajaran kognitif ini digunakan secara sederhana.

4.2.3 Analisa Strategi Pembelajaran Gantian

Sebanyak enam item kaedah strategi pembelajaran gantian disenaraikan bagi pelajar menyatakan kekerapan mereka menggunakan setiap strategi pembelajaran. Berikut dipaparkan hasil min yang diperolehi bagi strategi pembelajaran gantian.

Jadual 4.4: Min Kumpulan untuk Strategi Pembelajaran Gantian

Bil.	Soalan	N	Min	Sisihan Piawai (Std.Deviation)
1.	Cuba meneka apa yang orang lain cakap.	100	3.49	1.155
2.	Cuba meneka maksud perkataan yang tidak tahu.	100	3.36	1.068
3.	Guna istilah/frasa yang lebih kurang sama maksud	100	3.27	1.297
4.	Buat perkataan baru jika tidak tahu.	100	3.23	1.132
5.	Gunakan bahasa isyarat jika tidak dapat mengingati.	100	3.15	1.103
6.	Baca artikel tanpa henti walaupun tidak memahami.	100	3.09	1.146

Berdasarkan pada Jadual 4.4, enam kaedah menggunakan teknik gantian disenaraikan bagi pelajar menyatakan kekerapan mereka menggunakan strategi pembelajaran. Kesemua item dalam teknik pembelajaran gantian digunakan pada tahap kadang-kadang di mana skor min yang diperolehi dalam strategi ini antara 3.09-3.49. Antara kaedah yang memperolehi skor min tertinggi dalam strategi ini ($\text{min}=3.49$) ialah meneka apa yang orang lain akan cakap, cuba meneka maksud perkataan bahasa Jepun yang tidak tahu ($\text{min}=3.36$) serta menggunakan istilah atau frasa yang ebih kurang sama maksudnya ($\text{min}=3.27$). Seterusnya didapati teknik membaca artikel bahasa Jepun tanpa henti walaupun tidak memahami adalah teknik yang paling kurang digunakan dalam strategi ini ($\text{min}=3.09$).

4.2.3.1 Kesimpulan Strategi Pembelajaran Gantian

Kesimpulannya, didapati responden tidak memilih atau menggunakan mana-mana kaedah secara intensif. Walaupun min bagi responden yang memilih item meneka apa yang orang lain akan cakap seterusnya ($\text{min}=3.49$) adalah yang tertinggi, namun ianya tidak ketara jika dibandingkan dengan item-item yang lain. Kaedah membaca tanpa henti untuk mencari perkataan baru walaupun tidak memahami maksudnya adalah satu kaedah tidak popular jika dibandingkan dengan kaedah yang lain. Mungkin kaedah ini tidak memberi faedah walaupun dalam masa yang sama kaedah ini boleh dijadikan salah satu latihan dalam teknik membaca.

4.2.4 Analisa Strategi pembelajaran Metakognitif

Sembilan item dalam kaedah strategi metakognitif. Berikut dipaparkan hasil min yang diperolehi dalam kaedah ini.

Jadual 4.5: Min Kumpulan untuk Strategi Pembelajaran Metakognitif

Bil.	Soalan	N	Min	Sisihan Piawai (Std.Deviation)
1.	Memberi perhatian semasa orang lain bertutur.	100	4.03	.945
2.	Mencari berbagai cara.	100	3.89	.830
3.	Mempunyai cara yang baik untuk memperbaiki tahap penguasaan bahasa.	100	3.70	.944
4.	Selalu memikirkan kemajuan dalam pembelajaran bahasa.	100	3.65	.955
5.	Mencari cara untuk menjadi yang terbaik.	100	3.51	1.192
6.	Sentiasa mencari rakan untuk bertutur.	100	3.46	.996

7.	Sentiasa mencari peluang untuk membaca.	100	3.18	1.116
8.	Membuat jadual untuk mengulangkaji.	100	3.17	1.073
9.	Sedar akan kesilapan dan cuba untuk lebih maju.	100	3.06	1.128

Berdasarkan pada Jadual 4.5, didapati responden kerap kali memberi perhatian semasa orang lain bertutur ($\text{min}=4.03$), cuba mencari berbagai cara supaya dapat bertutur dalam bahasa Jepun ($\text{min}=3.89$) dan mempunyai cara yang jelas untuk memperbaiki penguasaan bahasa ($\text{min}=3.70$).

Kadang-kadang responden cuba untuk menjadi yang terbaik ($\text{min}=3.51$), mencari sesiapa yang mahir bertutur bahasa Jepun untuk bertutur bahasa Jepun ($\text{min}=3.46$), mencari peluang membaca sebanyak mungkin dalam bahasa Jepun ($\text{min}=3.18$). Manakala subjek sedar akan kesilapan dalam berbahasa Jepun dan cuba untuk terus maju lagi ($\text{min}=3.06$) merupakan teknik yang tidak popular tetapi masih dalam kumpulan skor purata yang sama di tahap sederhana.

4.2.4.1 Kesimpulan Strategi Pembelajaran Metakognitif.

Kesimpulannya didapati walaupun pemilihan responden pada satu-satu item strategi tidak mempunyai banyak perbezaan dalam min yang diperolehi, namun ianya di tahap kerapkali pada item memberi perhatian semasa orang lain bertutur ($\text{min}=4.03$), cuba mencari berbagai cara supaya dapat bertutur dalam bahasa Jepun ($\text{min}=3.89$) dan mempunyai cara yang jelas untuk memperbaiki penguasaan bahasa ($\text{min}=3.70$). Ini adalah berdasarkan Interpretasi jadual SILL (Jadual 4.2) yang mengkategorikan 3.5 hingga 4.4 sebagai kerapkali. Didapati juga perbezaan min di antara satu sama lain tidak jauh perbezaannya.

4.2.5 Analisa Strategi pembelajaran Afektif

Sebanyak enam item kaedah dikaitkan dengan strategi pembelajaran afektif.

Hasil min dipaparkan dengan jadual berikut:

Jadual 4.6: Min Kumpulan untuk Strategi Pembelajaran Afektif

Bil.	Soalan	N	Min	Sisihan Piawai (Std.Deviation)
1.	Mendorong diri sendiri untuk bertutur	100	3.74	.931
2.	Memberi penghargaan kepada diri sendiri	100	3.68	.940
3.	Menenangkan diri bila takut untuk menggunakan Bahasa Jepun.	100	3.58	.946
4.	Sedar jika merasa tertekan atau bimbang apabila belajar.	100	3.36	1.113
5.	Membuat catatan mengenai perasaan.	100	3.03	1.203
6.	Bercerita dengan orang lain mengenai perasaan sendiri.	100	2.50	1.187

Berdasarkan Jadual 4.6, analisa data menunjukkan item mendorong diri sendiri untuk bertutur ($\text{min}=3.74$) diikuti pelajar kadang-kadang memberi diri sendiri penghargaan sekiranya mendapat pencapaian yang baik dalam bahasa Jepun ($\text{min}=3.68$). Responden juga kadang-kadang menggunakan kaedah menenangkan diri bila rasa takut menggunakan bahasa Jepun ($\text{min}=3.58$). Kadang-kadang responden mengaku mereka merasa tertekan dan bimbang bila berfikir tentang bahasa Jepun ($\text{min}=3.36$), lalu membuat catitan dalam buku catatan ($\text{min}=3.03$). Mereka juga bercerita dengan orang lain mengenai perasaan mereka ($\text{min}=2.50$) tetapi item ini adalah item yang paling tidak popular dalam strategi pembelajaran Afektif.

4.2.5.1 Kesimpulan Strategi Pembelajaran Afektif.

Penggunaan strategi pembelajaran afektif berada di tahap tinggi dan sederhana. Penggunaan strategi ini begitu seimbang jika dilihat pada skor min yang diperolehi. Hampir kesemua item strategi pembelajaran afektif hanya di skor purata 2.50 hingga 3.74. Tidak banyak perbezaan skor purata dengan strategi-strategi pembelajaran yang diuraikan sebelum ini.

4.2.6 Analisa Strategi pembelajaran Sosial

Sebanyak enam item dikaitkan dengan strategi pembelajaran sosial. Hasil min dipaparkan dengan Jadual 4.7 berikut.

Jadual 4.7: Min Kumpulan untuk Strategi Pembelajaran Sosial

Bil.	Soalan	N	Min	Sisihan Piawai (Std.Deviation)
1.	Cuba belajar budaya orang Jepun.	100	3.86	.830
2.	Berlatih dengan kawan.	100	3.69	.914
3.	Meminta orang yang tahu berbahasa Jepun untuk membetulkan kesilapan.	100	3.67	1.005
4.	Meminta pertolongan dengan orang lain.	100	3.57	.967
5.	Minta bercakap perlahan-lahan atau ulang semula jika tidak faham.	100	3.05	1.149
6.	Bertanya soalan dalam Bahasa Jepun.	100	2.88	1.194

Dari Jadual 4.7 yang memaparkan aspek sosial, didapati responden cuba belajar budaya orang Jepun ($\text{min}=3.86$), kerap kali berlatih dengan rakan ($\text{min}=3.69$) serta meminta tolong dari orang yang boleh berbahasa Jepun untuk memperbaikkan

kesilapan ($\text{min}=3.67$). Item meminta pertolongan dari orang lain yang boleh berbahasa Jepun juga berada dalam skor tinggi ($\text{min}=3.57$). Item meminta supaya bercakap perlahan-lahan atau mengulanginya semula ($\text{min}=3.05$) dan bertanya soalan dalam bahasa Jepun ($\text{min}=2.88$) adalah item yang paling rendah penggunaannya dalam strategi ini dan berada ditahap skor sederhana.

4.2.6.1 Kesimpulan Strategi Pembelajaran Sosial.


Jelas disini bahawa subjek kerap kali cuba untuk menghayati budaya orang Jepun sebagai salah satu cara untuk mengusai bahasa dengan baik. Meski pun keadaan persekitaran di Malaysia tidak begitu terdedah dengan budaya orang Jepun, penggunaan media cetak atau pun elektronik memainkan peranan sebagai penyumbang kepada mengapa item menghayati budaya orang Jepun ini menjadi pilihan tertinggi ($\text{min}=3.86$) dalam strategi pembelajaran sosial ini. Berlatih dengan rakan serta meminta tolong dari orang yang boleh berbahasa Jepun untuk memperbetulkan kesilapan juga antara pilihan popular. Mungkin subjek sudah terdedah dengan budaya belajar secara berkumpulan dan cuba untuk menerapkan budaya tersebut dalam mengatur strategi pembelajaran bahasa agar ianya menjadi lebih berkesan. Mereka juga selesa apabila diperbetulkan kesalahan mereka dari orang yang tahu berbahasa Jepun. Walau bagaimanapun item meminta supaya bercakap perlahan-lahan atau mengulanginya semula ($\text{min}=3.05$) dan bertanya soalan dalam bahasa Jepun ($\text{min}=2.88$) hanya berada di tahap sederhana. Kelihatan seperti pelajar gemar menggunakan strategi sosial ini berbanding dengan strategi-strategi lain.

4.3 Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa

Hasil analisa daripada enam strategi pembelajaran yang digunakan oleh responden dalam kajian ini, ternyata terdapat perbezaan penggunaan di antara keenam-

enam strategi tersebut secara keseluruhan. Jelas secara amnya responden menggunakan kesemua strategi pada tahap yang berbeza iaitu dari tahap sederhana hingga ketahap kerapkali. Berikut dipaparkan hasil analisa tersebut.

Carta 4.1: Penggunaan Strategi Pembelajaran Dalam Bahasa Jepun



Carta 4.1 menunjukkan pemeringkatan mengikut jenis dan kekerapan strategi yang digunakan oleh responden berdasarkan min secara keseluruhan. Didapati pelajar-pelajar bahasa Jepun UiTM menggunakan kesemua ke enam-enam strategi pembelajaran dengan berlainan kekerapan. Jarak min di antara strategi yang dipilih oleh pelajar ialah di antara 3.20 hingga 3.9. Di antara enam strategi pembelajaran yang telah dikemukakan, didapati strategi yang paling digemari oleh pelajar ialah menggunakan strategi sosial ($\text{min}=3.892$), diikuti oleh strategi metakognitif ($\text{min}=3.700$), strategi memori ($\text{min}=3.672$), strategi afektif ($\text{min}=3.558$) dan strategi kognitif ($\text{min}=3.389$). Paling sedikit strategi pembelajaran yang digunakan ialah strategi pembelajaran gantian ($\text{min}=3.233$). Walau bagaimanapun min untuk kesemua strategi ialah ($\text{min}=3.558$). Ini menunjukkan bahawa pelajar menggunakan kesemua ke enam-enam strategi pembelajaran bahasa pada tahap tinggi dalam kumpulan kerap kali 3.5-4.4.

4.3.1 Strategi Sosial

Strategi yang paling kerap digunakan ialah strategi sosial. Strategi sosial juga dikenali sebagai strategi tidak langsung (*indirect strategies*) mempunyai min=3.892. Strategi ini digunakan ditahap tertinggi mengikut pengelasan yang telah dibuat oleh Oxford (1989). Menurut Chiya (2003), strategi sosial membantu melahirkan pelajar-pelajar yang positif. Strategi ini memerlukan penglibatan pelajar-pelajar berinteraksi dengan kawan-kawan, guru-guru dan persekitaran mereka. Ini dibuktikan apabila responden cuba untuk belajar budaya orang Jepun, kerap kali berlatih dengan rakan serta meminta pertolongan dari orang yang boleh berbahasa Jepun untuk memperbetulkan kesilapan mereka. Item meminta pertolongan dari orang lain yang boleh berbahasa Jepun juga berada dalam skor tinggi (min=3.57).

Walau bagaimanapun min bagi item bertanya soalan dalam bahasa Jepun jatuh pada kedudukan terendah iaitu (min=2.88). Ini mungkin disebabkan oleh mereka berasa malu untuk bertanyakan soalan dalam bahasa Jepun disebabkan tahap penguasaan bahasa rendah dan faktor-faktor persekitaran yang tidak memungkinkan mereka berbuat demikian. Mungkin juga disebabkan keperluan untuk mereka berbahasa Jepun di kalangan rakan-rakan tidak diperlukan.

Di kalangan responden selain daripada bahasa ibunda, mereka sering menggunakan bahasa Inggeris dalam komunikasi mereka. Oleh itu responden perlu diberi kesedaran tentang kepentingan strategi sosial ini supaya mereka lebih lancar dan berjaya dalam pembelajaran bahasa Jepun. Aktiviti bahasa yang melibatkan interaksi dengan orang lain adalah salah satu cara yang paling berkesan kerana pelajar akan didekah dengan situasi sebenar dan memberi latihan untuk mempertingkatkan prestasi pertuturan dan penguasaan sesuatu bahasa itu dengan baik. Aktiviti-aktiviti

seperti ini bukan sahaja melibatkan kemahiran berbahasa malah juga dalam perkongsian idea-idea.

4.3.2 Strategi Metakognitif

Strategi pembelajaran metakognitif yang dikategorikan sebagai strategi secara tidak langsung (*indirect strategies*) oleh Oxford, merupakan strategi kedua yang kerap digunakan oleh responden dengan min 3.700. Penggunaannya adalah di tahap “tinggi”. Strategi jenis ini melibatkan aktiviti mengawal pembelajaran melalui proses seperti merancang, mengurus dan membuat penilaian. Dengan cara ini pelajar dapat belajar dengan lebih sistematik dan lebih serius. Pelajar bukan sahaja mendapat faedah melalui strategi ini malah strategi ini memberi keseronokan dan kepuasan kepada mereka.

Metakognitif adalah elemen yang berkait rapat dengan kesedaran tentang proses yang dilaksanakan secara berfikir. Menurut Brown (2001) metakognitif merupakan ilmu pengetahuan atau kesedaran yang terdapat pada seseorang yang membolehkannya belajar. Strategi ini akan membuatkan pelajar mencapai impian dan memupuk pembelajaran mereka kepada peringkat yang lebih tinggi. Strategi pembelajaran metakognitif membantu melengkapkan pelajar-pelajar UiTM dengan pengetahuan dan kemahiran berbahasa dan pada waktu yang sama berjaya mengawal pemikiran dan aktiviti pembelajaran mereka.

Dalam soal selidik metakognitif, didapati ramai pelajar yang memilih item tentang memberi perhatian semasa orang lain bertutur, cuba mencari berbagai cara supaya dapat bertutur dalam bahasa Jepun dan mempunyai cara yang jelas untuk memperbaiki penguasaan bahasa. Item-item ini merupakan min yang teratas. Hal ini membuktikan bahawa responden memberi perhatian dan berminat apabila belajar di dalam kelas. Dengan memberi sepenuh perhatian kepada setiap input pembelajaran

membolehkan responden meningkatkan penguasaan bahasa mereka. Strategi ini penting bagi pelajar untuk memastikan kejayaan.

O'Malley dan Chamot (1990) menekankan bahawa "pelajar tanpa strategi metakognitif adalah pelajar yang tidak ada perancangan, arah tuju dan tidak memantau kemajuan mereka. Kekurangan pengetahuan menggunakan strategi ini akan memungkinkan pelajar-pelajar tidak fokus dan tidak ada kemahiran dalam mengkoordinasi proses pembelajaran mereka". Kesedaran tentang kepentingan strategi ini perlu diberi perhatian kepada semua pihak terutama kepada tenaga pengajar dan pelajar mengenai kebaikan dalam menggunakan strategi ini.

4.3.3 Strategi Memori

Strategi seterusnya yang digunakan oleh responden dalam kajian ini adalah strategi pembelajaran memori. Strategi memori ialah satu strategi yang diklasifikasikan oleh Oxford (1990) sebagai strategi secara langsung (*direct strategy*). Strategi jenis ini mempunyai $\text{min}=3.672$ yang dianggap "tinggi" penggunaannya. Menurut Oxford (1990) juga, strategi memori membantu pelajar dalam masalah untuk menghafal daftar kata yang banyak yang diperlukan dalam kelancaran bahasa.

Berpandukan kepada pendapat ini, kemungkinan responden dalam kajian ini mempunyai masalah dalam menghafal daftar kata sebagai alasan mengapa mereka menggunakan strategi memori ini di tahap yang "tinggi". Pelajar perlu fokus kepada aktiviti hafalan dan menggunakan perkataan baru. Penggunaan kad imbasan (*flash card*) dan mengulangkaji pelajaran perlu lebih diberikan perhatian agar mudah mengingati perkataan atau kosa kata baru yang dipelajari. Kad imbasan mungkin popular digunakan oleh pensyarah bahasa di dalam bilik darjah. Paling kurang digunakan ialah kaedah mengaitkan bunyi dengan imej atau gambaran objek. Ini mungkin disebabkan teknik

tersebut kurang sesuai dan amat sukar digunakan bagi pelajar diperingkat universiti. Walau bagaimanapun dalam pembelajaran bahasa, pelajar wajar menggunakan strategi memori ini supaya pembelajaran tatabahasa menjadi lebih mudah dan menarik. Struktur ayat boleh dibina dengan baik dengan penguasaan daftar kata yang banyak. Seseorang yang kaya dengan daftar kata akan membuatkan seseorang itu dapat berkomunikasi lebih lancar. (Habibah Shuib, 2012)

4.3.4 Strategi Afektif

Seterusnya strategi keempat yang kerap digunakan oleh pelajar ialah strategi afektif ($\text{min}=3.558$). Strategi afektif adalah strategi tidak langsung (*indirect strategy*) yang berkaitan dengan faktor-faktor emosi, sikap dan motivasi dalam pembelajaran bahasa. Cook (1991) telah mendapati bahawa pembelajaran bahasa yang baik tidak bermain dengan emosi, motivasi dan sikap yang tertentu. Oleh itu dapatan ini dengan kata lain telah menyatakan bahawa pelajar yang baik tidak dipengaruhi dengan masalah emosi atau pun sikap.

4.3.5 Strategi Kognitif

Strategi pembelajaran kognitif merupakan strategi yang kelima digunakan diantara enam strategi pembelajaran yang dikemukakan kepada responden dalam kajian ini. Kekerapan penggunaannya adalah di tahap yang sederhana juga iaitu dengan $\text{min}=3.389$. Strategi kognitif diklasifikasikan sebagai strategi secara langsung (*direct strategies*). Strategi kognitif melibatkan amalan dan penggunaan secara langsung bahasa yang dipelajari. Ini boleh dilihat melalui item-item strategi ini seperti menulis perkataan baru beberapa kali, berlatih bunyi dalam bahasa Jepun, menulis nota, mesej atau laporan, selalu menonton drama Jepun, menyebut dan bertutur macam orang Jepun dan lain-lain lagi.

Menurut Oxford (1990), strategi pembelajaran kognitif perlu dalam pembelajaran bahasa dan ia mendapati bahawa strategi ini memang kerap digunakan oleh pelajar bahasa. Namun dapatan ini menunjukkan yang sebaliknya. Walaupun min keseluruhan bagi strategi ini agak rendah ($\text{min}=3.389$), namun min bagi item tunggal iaitu sebut atau tulis beberapa kali adalah jauh melebihi purata (min) keseluruhan iaitu $\text{min}=3.68$. Subjek kurang memilih menggunakan strategi ini mungkin kerana ia melibatkan pembelajaran secara interaktif di luar bilik darjah dan tidak mendapat keseronokan dari aktiviti ini kerana rata-rata persekitaran subjek juga tidak mengusai bahasa Jepun dengan baik.

Strategi ini tidak popular di kalangan responden. Ini menunjukkan bahawa mereka kurang berpengetahuan tentang kepentingan dan keberkesanan strategi ini. Penggunaan strategi ini akan membolehkan pelajar memanipulasi bahasa sasaran (*target language*) secara terus. Oleh itu bagi memperbaiki tahap penguasaan bahasa Jepun, subjek perlu didedahkan tentang kepentingan strategi ini agar dapat dipertingkatkan penggunaannya dalam pembelajaran bahasa Jepun sama ada didalam atau di luar waktu kuliah.

4.3.6 Strategi Gantian

Akhir sekali strategi yang paling sedikit digunakan ialah strategi gantian. Strategi yang dikategorikan sebagai strategi secara langsung (*direct strategy*) ini mempunyai $\text{min}=3.233$ dan didapati penggunaannya di tahap agak sederhana. Strategi ini melibatkan subjek perlu menggunakan pilihan-pilihan lain demi kefahaman pembelajaran. Pilihan-pilihan tersebut seperti meneka makna apa yang dituturkan oleh orang lain, meneka maksud perkataan dan menggunakan istilah atau frasa yang lebih kurang sama maksudnya. Menurut Oxford (1990), seorang pelajar yang baik, bijak meneka apabila mereka terjumpa perkataan yang mereka tidak tahu. Sebaliknya pelajar

yang lemah akan cemas dan menjadikan kamus sebagai tempat menyelesaikan masalah. Bagi pelajar-pelajar ini strategi gantian tidak mustahak bagi mereka kerana mereka adalah pelajar yang bijak.

Kesimpulannya, hasil dapatan dari soal selidik SILL ini menunjukkan pelajar-pelajar menggunakan strategi pembelajaran pada tahap yang sederhana. Skor min pada strategi yang paling rendah digunakan iaitu strategi gantian dan strategi kognitif berada ditahap “sederhana” (kadang-kadang) manakala strategi sosial, metakognitif, memori dan afektif berada ditahap yang paling “tinggi” (kerap kali) digunakan antara min 3.5 hingga 3.9. Menurut pengelasan yang telah dibuat oleh Oxford (1990), kadar ini jatuh pada tahap yang “tinggi”.

4.4 Perbezaan Strategi Pembelajaran Bahasa Jepun Mengikut Jurusan

Selepas menganalisa strategi yang digunakan oleh kesemua subjek, pengkaji akan menganalisa skor subjek mengikut jurusan subjek untuk mengetahui perbezaan penggunaan strategi pembelajaran bahasa Jepun. Seterusnya kumpulan tersebut akan dikenal pasti sebagai pengguna strategi bagi gred tinggi, sederhana atau rendah.

Selain itu, pelajar-pelajar IM yang digunakan sebagai responden dalam kajian ini lebih kognitif dalam penggunaan strategi pembelajaran bahasa berbanding dengan pelajar AD. Strategi kognitif yang digunakan oleh pelajar IM yang kerap digunakan adalah "menonton TV atau filem", manakala pelajar AD pula menggunakan strategi kognitif untuk mencari perkataan yang sama maksudnya dalam bahasa lain. Pelajar IM menggunakan berbagai fungsi strategi untuk memperbaiki penguasaan bahasa Jepun mereka manakala pelajar AD lebih banyak menggunakan '*functional-use strategy*' untuk digunakan dalam berbahasa Jepun dan meminta pembetulan dibuat oleh rakan atau pensyarah mereka.

Jadual 4.8 Skala gred penggunaan strategi pembelajaran bahasa Jepun bagi setiap kategori.

Kategori	Kekerapan	Skor Purata
Tinggi	Sangat selalu	4.5-5.0
	Selalu	3.5-4.4
Sederhana	Kadang-kadang	2.5-3.4
Rendah	Tidak selalu	1.5-2.4
	Tidak pernah	1.0-1.4

Dalam Jadual 4.8, skor antara 1.0-1.4 adalah dianggap sebagai tidak pernah menggunakan apa jua strategi pembelajaran. Skor antara 1.5-2.4 pula tidak selalu menggunakan strategi. Kedua-dua skala skor dalam kumpulan ini diberikan gred “rendah”.

Manakala subjek yang mempunyai skor antara 2.5-3.4 pula dianggap sebagai “kadang-kadang” menggunakan strategi dan diberi gred “sederhana”.

Skor 3.5-4.4 dikategorikan sebagai selalu menggunakan strategi pembelajaran dan skor antara 4.5-5.0 dianggap sangat selalu menggunakan strategi. Pencapaian bagi kedua-dua pencapaian ini diberi gred “tinggi”.

4.4.1 Strategi Pembelajaran Sosial

Strategi pertama yang kerap digunakan ialah strategi sosial. Strategi sosial yang juga merupakan strategi tidak langsung (*indirect strategies*) mempunyai min=3.892. Manakala tidak banyak perbezaan yang didapati dalam kajian ini apabila min bagi kumpulan AD (min=3.816) manakala kumpulan IM memperolehi min=3.966. Strategi ini juga digunakan secara kerap kali oleh subjek bagi kedua-dua kumpulan IM dan AD.

Jadual 4.9: Analisa Perbezaan Strategi Pembelajaran Sosial

Bil.	Strategi Pembelajaran Sosial	N	Min	Sisihan Piawai (Std.Deviation)
1.	AD	50	3.816	.830
2.	IM	50	3.966	.945

Menurut Chiya (2003), strategi sosial membantu melahirkan pelajar-pelajar yang positif. Strategi ini memerlukan penglibatan pelajar-pelajar berinteraksi dengan kawan-kawan, guru-guru dan persekitaran mereka. Ini dibuktikan apabila pelajar-pelajar memilih untuk berlatih dengan kawan-kawan, meminta mengulangi atau bercakap dengan perlahan jika terdapat masalah dalam pemahaman dan juga bersedia untuk diperbetulkan dari orang- orang yang lebih tahu berbahasa Jepun dalam menjawab soal selidik ini mempunyai min yang agak tinggi.

4.4.2 Strategi Pembelajaran Metakognitif

Jadual 4.10 di bawah menunjukkan perbezaan penggunaan strategi pembelajaran metakognitif yang digunakan oleh responden. Strategi pembelajaran metakognitif yang dikategorikan sebagai strategi secara tidak langsung (*indirect strategies*) oleh Oxford, merupakan strategi kedua yang paling banyak digunakan oleh kumpulan AD dan IM iaitu kumpulan AD memperolehi min=3.611 dan kumpulan IM dengan min=3.788. Skor purata bagi kedua-dua kumpulan ini juga sama iaitu berada ditahap “tinggi” (kerap kali).

Jadual 4.10: Analisa Perbezaan Strategi Pembelajaran Metakognitif

Bil.	Strategi Pembelajaran Metakognitif	N	Min	Sisihan Piawai (Std.Deviation)
1.	AD	50	3.611	.955
2.	IM	50	3.788	.961

Strategi jenis ini melibatkan aktiviti mengawal pembelajaran melalui proses seperti merancang, mengurus dan membuat penilaian. Dengan cara ini aktiviti pembelajaran yang lebih sistematik dan lebih serius perlu diberikan perhatian. Pelajar bukan sahaja mendapat faedah melalui strategi ini malah memberi keseronokan dan kepuasan semasa aktiviti pembelajaran dijalankan.

Dalam soal selidik metakognitif, didapati ramai responden yang memilih item tentang memberi perhatian semasa orang lain bertutur, mencuba untuk menjadi pelajar yang terbaik dalam bahasa Jepun dan tahu cara yang baik untuk memperbaiki tahap penguasaan bahasa Jepun. Item-item ini merupakan min yang teratas. Ini boleh memberi interpretasi bahawa pelajar bahasa Jepun di UiTM adalah pelajar yang memberi perhatian dan berminat apabila belajar di dalam kelas bagi kedua-dua kumpulan dalam kajian ini.

4.4.3 Strategi Pembelajaran Memori

Jadual 4.11 menunjukkan subjek bagi kedua-dua fakulti menggunakan strategi pembelajaran memori ditahap tinggi. Pengkaji mendapati skor purata yang diperolehi berada dia tahap “tinggi” antara 3.5 hingga 4.4. Strategi jenis ini mempunyai min=3.611 bagi responden dari Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka manakala min=3.733 diperolehi

hasil daripada skor oleh responden di Fakulti Pengurusan Maklumat. Kedua-dua skor purata yang diperolehi dianggap “tinggi” penggunaannya kepada responden.

Jadual 4.11: Analisa Perbezaan Strategi Pembelajaran Memori

Bil.	Strategi Pembelajaran Memori	N	Min	Sisihan Piawai (Std.Deviation)
1.	AD	50	3.611	1.019
2.	IM	50	3.733	.914

Strategi memori ialah satu strategi yang diklasifikasikan oleh Oxford (1990) sebagai strategi secara langsung (*direct strategy*). Menurut Oxford (1990) juga, strategi memori membantu pelajar dalam masalah menghafal daftar kata yang banyak yang diperlukan dalam kelancaran bahasa.

Berpandukan kepada pendapat ini kemungkinan responden tidak mempunyai masalah dalam menghafal daftar kata sebagai alasan mengapa mereka menggunakan strategi memori ini di tahap yang tinggi. Pelajar lebih fokus kepada aktiviti hafalan malah mereka juga menggunakan “rima” sebagai salah satu cara untuk mengingati dan juga menggunakan “flash card” ketika mengulangkaji pelajaran bahasa. Paling kurang digunakan ialah kaedah membuat perkaitan bunyi dengan imej gambaran objek. Responden wajar menggunakan strategi memori ini dalam pembelajaran bahasa supaya pembelajaran tatabahasa menjadi lebih mudah dan teratur. Dengan penguasaan daftar kata yang banyak juga akan membolehkan penutur memperbaiki struktur ayat yang dibina lebih baik. Untuk membolehkan seseorang mengusai sesuatu bahasa itu dengan baik perlu mengusai banyak daftar kata.

4.4.4 Strategi Pembelajaran Afektif

Jadual 4.12 menunjukkan terdapat jauh perbezaan bagi responden di kedua-dua kumpulan AD dan kumpulan IM dimana skor kumpulan AD min=3.733 manakala min=3.383 bagi subjek dari kumpulan IM. Ini menunjukkan bahawa responden di AD menggunakan strategi pembelajaran kognitif pada tahap yang tinggi manakala responden IM menggunakan strategi ini di tahap yang sederhana.

Jadual 4.12: Analisa Strategi Pembelajaran Afektif

Bil.	Strategi Pembelajaran Afektif	N	Min	Sisihan Piawai (Std.Deviation)
1.	AD	50	3.733	.914
2.	IM	50	3.383	1.068

4.4.5 Strategi Pembelajaran Kognitif

Sebanyak empat belas item dalam kaedah kognitif disenaraikan bagi pelajar menyatakan kekerapan mereka menggunakan setiap kaedah belajar. Jadual 4.13 di atas menunjukkan hasil min bagi strategi pembelajaran kognitif yang diperolehi daripada responden di fakulti terbabit.

Jadual 4.13: Analisa Strategi Pembelajaran Kognitif.

Bil.	Strategi Pembelajaran Kognitif	N	Min	Sisihan Piawai (Std.Deviation)
1.	AD	50	3.257	1.022
2.	IM	50	3.521	.969

Jadual menunjukkan terdapat perbezaan bagi pelajar-pelajar di kedua-dua fakulti dimana skor min=3.257 diperolehi bagi responden di Fakulti Seni Reka dan Seni Lukis manakala min=3.521 bagi responden di Fakulti Pengurusan Maklumat. Ini menunjukkan bahawa responden di IM menggunakan strategi pembelajaran kognitif pada tahap yang “tinggi” manakala responden AD menggunakan strategi ini di tahap “kadang-kadang”. Strategi pembelajaran kognitif merupakan pemilihan strategi yang kelima digunakan di kalangan enam strategi pembelajaran yang dikemukakan kepada subjek dalam kajian ini. Kekerapan penggunaannya adalah di tahap yang sederhana juga iaitu dengan min=3.389. Strategi kognitif diklasifikasikan sebagai strategi secara langsung (*direct strategies*). Ia melibatkan amalan dan penggunaan secara langsung bahasa yang dipelajari. Ini boleh dilihat melalui item-item strategi ini antaranya seperti selalu menonton drama Jepun, melatih bunyi dalam bahasa Jepun, menyebut dan menulis perkataan baru beberapa kali, bertutur macam orang Jepun dan lain-lain lagi.

Menurut Oxford (1990), Strategi Pembelajaran Kognitif perlu dalam pembelajaran bahasa dan ia mendapati bahawa strategi ini memang kerap digunakan oleh pelajar bahasa. Namun dapatan ini menunjukkan yang sebaliknya.

Strategi ini tidak popular di kalangan responden. Ini menunjukkan bahawa mereka kurang pendedahan tentang kepentingan dan keberkesanan menggunakan strategi ini. Penggunaan strategi ini akan membolehkan pelajar memanipulasi bahasa sasaran (*target language*) secara terus. Oleh itu bagi memperbaiki prestasi mereka dalam subjek ini, pelajar wajar meningkatkan kekerapan penggunaannya dan mengamalkan kaedah ini dalam pembelajaran bahasa.

4.4.6 Strategi Pembelajaran Gantian

Berdasarkan Jadual 4.14, responden di fakulti terlibat menggunakan strategi pembelajara gantian ditahap kadang-kadang di mana Fakulti AD memperolehi $\text{min}=3.366$ manakala Fakulti IM memperolehi $\text{min}=3.100$. Ini menunjukkan penggunaan strategi gantian berada di tahap sederhana. Strategi gantian meruakan strategi yang paling sedikit digunakan oleh subjek dalam kajian ini. Strategi yang dikategorikan sebagai strategi secara langsung (*direct strategy*) ini mempunyai $\text{min}=3.1$ secara keseluruhannya untuk kedua-dua kumpulan ini dan didapati penggunaannya juga di tahap agak sederhana.

Jadual 4.14: Analisa Strategi Pembelajaran Gantian

Bil.	Strategi Pembelajaran Memori	N	Min	Sisihan Piawai (Std.Deviation)
1.	AD	50	3.366	1.019
2.	IM	50	3.1	.914

Strategi ini melibatkan responden untuk mencuba menggunakan pilihan-pilihan lain demi mencapai tahap kefahaman pembelajaran yang lebih optimun. Antara pilihan-pilihan yang terkandung dalam strategi gantian ini adalah seperti cuba meneka maksud perkataan dalam bahasa Jepun, menggunakan bahasa isyarat apabila tidak mengingati kosa kata dalam bahasa Jepun, membuat perkataan baru jika tidak mengetahui perkataan dalam bahasa Jepun dan lain-lain lagi. Menurut Oxford (1990), seorang pelajar yang baik, bijak meneka apabila mereka terjumpa perkataan yang mereka tidak tahu. Sebaliknya pelajar yang lemah akan cemas dan menjadikan kamus sebagai tempat menyelesaikan masalah.

Kesimpulannya, hasil dapatan dari soal selidik SILL ini menunjukkan pelajar-pelajar menggunakan strategi pembelajaran gantian pada tahap yang sederhana. Skor min untuk strategi ini keseluruhannya ialah 3.233 ialah strategi pembelajaran yang paling tidak popular dalam kalangan responden. Menurut pengelasan yang telah dibuat oleh Oxford (1990), kadar ini jatuh pada tahap yang “sederhana”.

4.5 Hasil Temuduga

Sebanyak enam soalan utama telah disediakan lebih awal dan pengkaji akan bertanya beberapa soalan tambahan apabila ianya perlu untuk mendapatkan maklumat lanjut semasa sesi temuduga dijalankan. Enam soalan utama tersebut ialah:

1. Apakah aspek bahasa yang paling lemah apabila bercakap Bahasa Jepun?
2. Apakah yang anda lakukan untuk memperbaiki masalah Bahasa Jepun semasa bercakap?
3. Bagaimana dengan keyakinan diri anda semasa bercakap Bahasa Jepun?
4. Apakah yang anda lakukan untuk meningkatkan keyakinan anda dalam berbahasa Jepun?
5. Apakah strategi lain yang anda gunakan untuk meningkatkan penguasaan bahasa Jepun dan apakah ada peningkatan selepas menggunakan strategi tersebut?
6. Bagaimanakah pelajaran Bahasa Jepun yang anda terima di UiTM membantu anda untuk meningkatkan penguasaan bahasa Jepun yang dipelajari?

Soalan pertama adalah untuk mengetahui masalah bahasa subjek dalam berbahasa Jepun dengan memberi tumpuan kepada individu yang paling lemah dalam aspek berkaitan bahasa. Soalan kedua untuk mengetahui tindakan yang telah subjek lakukan untuk mengatasi masalah tersebut. Pertanyaan ketiga memberi tumpuan kepada tahap keyakinan subjek. Pertanyaan keempat untuk mengetahui strategi yang mereka telah gunakan untuk meningkatkan tahap kenyakinan diri mereka dalam berbahasa Jepun. Persoalan kelima bertujuan untuk mengenal pasti strategi lain yang subjek telah lakukan untuk membantu memperbaiki diri dan kemahiran berbahasa Jepun. Soalan akhir sekali untuk mengetahui persepsi subjek mengenai bagaimana kursus-kursus bahasa Jepun yang dipelajari di UiTM telah membantu subjek untuk meningkatkan penguasaan bahasa Jepun mereka. Bagi tujuan ini, seramai 10 orang subjek telah dipilih daripada fakulti yang berkenaan. Subjek tersebut akan ditandai sebagai responden AD1, AD2, AD3, AD4 dan AD5 iaitu 5 orang subjek mewakil Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka. Manakala 5 orang subjek mewakili Fakulti Pengurusan Maklumat telah ditandai sebagai IM1, IM2, IM3, IM4 dan IM5.

4.5.1 Soalan Temuduga 1

Apakah aspek bahasa yang paling lemah apabila bercakap Bahasa Jepun?

Responden AD

Pelajar AD1 merasakan bahawa perhatian utamanya adalah berkaitan struktur ayat dalam bahasa Jepun di mana masalah yang sering berlaku dengan ucapan-ucapan yang berkaitan dengan sintaksis. Sementara pelajar AD2 dan AD5 menyatakan bahawa masalah terbesar bahasa mereka adalah berpunca daripada penguasaan perbendaharaan kata yang terhad. Pelajar AD3 dan AD4 merasakan bahawa kurangnya pengetahuan tatabahasa sebagai kelemahan utama mereka. Jawapan yang diberikan oleh keempat-

empat pelajar tersebut mengesahkan bahawa persepsi terhadap penguasaan bahasa Jepun mereka dimana penguasaan tatabahasa merupakan kelemahan utama manakala perbendaharaan kata berada di tempat ketiga. Pelajar AD4 menjelaskan bahawa dari segi tatabahasa, kebanyakannya tidak yakin dengan penggunaan tatabahasa yang sempurna ini.

Responden IM

Pelajar IM1 dan IM4 menyatakan perbendaharaan kata sebagai kelemahan utama mereka apabila bercakap menggunakan bahasa Jepun. Pelajar IM1 menjelaskan bahawa beliau mempunyai masalah mencari kata-kata tertentu dan menjelaskan kata-kata asing semasa melakukan pembentangan di dalam kelas. Pelajar IM4 menjelaskan bahawa kadang-kadang merasakan dirinya bercakap dengan betul meskipun kata-kata yang diucapkan itu salah akibat kekeliruan perbendaharaan kata. Pendapat ini mengesahkan bahawa masalah kurangnya penguasaan perbendaharaan kata merupakan masalah utama mereka seperti yang telah dinyatakan oleh pelajar AD di atas. Pelajar IM2 pula menyatakan bahawa kefasihan dalam bahasa Jepun merupakan masalah utama beliau. Ini adalah kerana pelajar IM2 hanya menggunakan bahasa ibunda dan bahasa Inggeris untuk berkomunikasi sebelum ini dan hanya belajar dan mula menggunakan bahasa Jepun semasa di universiti. Pelajar IM3 pula berpendapat bahawa beliau merasa bimbang dan malu untuk bercakap bahasa Jepun kerana masalah tatabahasa yang amat terhad menyebabkan teragak-agak untuk bercakap dalam bahasa Jepun. Pelajar IM5 merasakan bahawa masalah utama dalam berbahasa Jepun adalah untuk memahami intonasi dan sebutan yang dituturkan oleh penutur asli.

4.5.2 Soalan Temuduga 2

Apakah yang anda lakukan untuk memperbaiki masalah Bahasa Jepun semasa bercakap?

Responden AD

Masalah utama Pelajar AD1 ialah mempunyai kelemahan dalam mengatur ayat. Disebabkan masalah inilah pelajar AD1 tidak menggunakan bahasa Jepun dan lebih suka mengelak untuk menggunakan bahasa Jepun. Sebagai contoh, jika ada diantara rakan beliau cuba untuk berkomunikasi atau memberi soalan dalam bahasa Jepun, beliau akan menjawab persoalan tersebut dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris. Meskipun tidak termasuk dalam soal selidik kajian ini, ‘penghindaran’ sama ada sebahagian atau secara keseluruhannya adalah salah satu strategi pampasan dalam Sistem Pengelasan oleh Oxford (1990). Menurut Pelajar AD2, beliau biasanya membaca bahan-bahan bacaan seperti komik dan majalah untuk memperkayakan pelbagai kata-katanya. Pelajar AD5 juga mempunyai masalah perbendaharaan kata yang sama tetapi beliau akan bertanya apakah kata-kata yang sesuai daripada rakan-rakan lain untuk memperbaiki perbendaharaan kata beliau. Strategi yang digunakan oleh pelajar AD5 ini menunjukkan persamaan dengan pelajar IM1 yang juga meminta bantuan dari penutur bahasa Jepun yang lain. Sementara itu, pelajar AD4 cuba untuk memperbaiki tatabahasa beliau dengan menonton program TV atau filem Jepun. Pelajar AD3 juga menggunakan strategi pembelajaran yang sama iaitu menonton filem bahasa Jepun untuk meningkatkan tata bahasa beliau. Strategi yang digunakan oleh pelajar AD4 dan AD3 adalah sama dengan pelajar IM4 yang sering menonton rancangan TV bahasa Jepun. Pelajar AD4 menambah bahawa dengan menonton rancangan TV boleh membantunya untuk memperbaiki sebutan dan memperkayakan perbendaharaan kata kerana kebanyakan rancangan TV berbahasa Jepun mempunyai keterangan secara lisan dan

bertulis. Satu lagi strategi yang tidak termasuk dalam keterangan diatas tetapi telah dinyatakan oleh pelajar AD3 ialah mendengar lagu dalam bahasa Jepun.

Responden IM

Pelajar IM1 mengatasi masalah perbendaharaan kata beliau dengan cara menanda perkataan yang tidak terkeluar semasa pembentangan kelas. Teknik ini adalah sama dengan item dalam strategi pembelajaran gantian iaitu "jika saya tidak boleh mengingati perkataan dalam bahasa Jepun, saya akan menggunakan perkataan atau frasa yang sama maksud" yang merujuk kepada "*using circumlocution or synonym*" (Oxford dan Burry-Stock, 1995). Selain itu, pelajar IM1 kadangkala meminta rakan sekelas untuk membantu mendapatkan perkataan tertentu yang beliau tidak pasti. Ini adalah strategi sosial yang diadaptasi di dalam kategori strategi fungsional yang digunakan dalam kajian ini iaitu "Saya meminta bantuan dari penutur bahasa Inggeris". Pelajar IM4 juga mendakwa beliau mempunyai masalah perbendaharaan kata yang terhad dan cuba untuk memperbaiki aspek ini dengan menonton program TV dalam bahasa Jepun dan membaca teks atau sari kata bahasa Jepun semasa menonton. Pelajar ini memilih untuk menonton rancangan TV bahasa Jepun yang mengesahkan dapatan dalam kajian ini bahawa strategi kognitif yang paling sering digunakan adalah "Saya menonton rancangan TV atau filem bahasa Jepun. Pelajar IM2 merasakan beliau tidak fasih dalam bahasa Jepun kerana kurangnya amalan untuk menggunakan bahasa Jepun di luar waktu kuliah. Strategi sosial yang dipertimbangkan dalam kajian ini, iaitu fungsi penggunaan strategi "Saya berlatih Bahasa Jepun dengan pelajar lain" berada di tempat ketiga dalam penggunaan strategi pembelajaran bahasa seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.7. Sementara itu, Pelajar IM3 yang biasanya tidak pasti dengan tatabahasa beliau akan cuba untuk mengenal pasti kelemahan dan berhati-hati ketika berkomunikasi. Amalan ini adalah strategi metakognitif yang merujuk kepada "self-

monitoring", meskipun tidak termasuk dalam kajian ini. Pelajar IM5 pula menyatakan bahawa biasanya akan berkata "maaf" ketika mengalami kesulitan memahami bahasa Jepun. Strategi ini adalah sama dengan item dalam strategi pembelajaran sosial dalam soal selidik ini iaitu "jika saya tidak memahami sesuatu dalam bahasa Jepun, saya bertanya kepada orang yang lain atau memintanya mengulangi semula".

4.5.3 Soalan Temuduga 3

Bagaimana dengan kenyakinan diri anda semasa bercakap Bahasa Jepun?

Responden AD

Subjek AD1 mengatakan "Saya kurang percaya diri dalam berbahasa Jepun" sebagai salah satu sebab tidak ada kenyakinan semasa bertutur dalam bahasa Jepun. Ini menunjukkan bahawa pelajar-pelajar AD mempunyai masalah keyakinan dalam berbahasa Jepun yang lebih tinggi. Tetapi hasil temubual ini menunjukkan bahawa kedua-dua kumpulan seolah-olah mempunyai tahap yang sama mengenai keyakinan dalam berbahasa Jepun. Pelajar AD1, AD3 dan AD5 biasanya yakin untuk bercakap dalam bahasa Jepun kepada rakan-rakan dengan tahap kemahiran yang sama tetapi malu dengan pelajar yang mempunyai tahap bahasa Jepun yang lebih baik. Walau bagaimanapun, bagi pelajar AD1 pula berpendapat bahawa rakan-rakan mereka yang mempunyai penguasaan bahasa Jepun yang baik akan mentertawakan mereka jika terdapat kesalahan semasa berbahasa Jepun. Hal ini berbeza jika mereka bercakap dengaan pensyarah kerana mereka didorong oleh motivasi untuk berusaha memperbaiki kelemahan dalam berbahasa Jepun.

Manakala apabila menggunakan bahasa Jepun bersama rakan-rakan, mereka merasa malu dan takut ditertawakan kerana biasanya sebarang kesilapan berbahasa Jepun akan dianggap sebagai jenaka di kalangan mereka. Pelajar AD2 pula mempunyai

kenyakinan untuk bercakap dalam bahasa Jepun kepada sesiapa sahaja, sama ada rakan-rakan dan pensyarah. Pelajar AD4 mendakwa dia selesa berbahasa Jepun untuk semua orang yang boleh berbahasa tersebut.

Responden IM

Masalah keyakinan "saya kurang percaya diri dalam berbahasa Jepun" adalah salah satu faktor yang paling afektif dalam soal selidik ini tetapi ianya telah disoal sekali lagi dalam temubual ini untuk mendapatkan jawapan yang lebih jelas dan gambaran terperinci tentang kenyakinan pelajar dan apa yang menyebabkan kurangnya kenyakinan semasa berbahasa Jepun. Pelajar IM1, IM2 dan IM3 berkata mereka biasanya percayakan diri mereka untuk berbahasa Jepun dengan rakan-rakan yang mempunyai tahap kemahiran yang sama. Walau bagaimanapun, pelajar IM1 lebih selesa untuk menggunakan bahasa Jepun dengan rakan-rakan tertentu sahaja kerana tidak mahu dikatakan seperti menunjuk-nunjuk. Pelajar IM2 mengakui bahawa dia merasa takut dan malu dengan rakan yang boleh bertutur bahasa Jepun dengan baik manakala pelajar IM3 sering takut "ditertawakan" jika salah semasa bertutur dalam bahasa Jepun. Pelajar IM3 juga menyebut bahawa beliau kurang yakin apabila bercakap dalam bahasa Jepun dalam situasi seperti majlis rasmi atau di dalam kelas dan sering gagap ketika menjawab soalan dalam bahasa Jepun. Sebaliknya pelajar IM1 cukup yakin semasa aktiviti pembentangan kelas kerana ia seperti bercakap seperti biasa. Ini adalah sama dengan pelajar IM5 yang mendakwa sifat malunya tidak akan menghalang kenyakinan dirinya untuk berbahasa Jepun. Sama seperti pelajar IM2, kenyakinan pelajar IM4 juga akan berkurangan dan menjadi gagap terutama semasa perbualan dengan orang-orang yang bagus berbahasa Jepun.

4.5.4 Soalan Temuduga 4

Apa yang anda lakukan untuk meningkatkan keyakinan anda dalam berbahasa Jepun?

Responden AD

Pelajar AD1 cuba untuk meningkatkan keyakinan beliau untuk bercakap dalam bahasa Jepun dengan kawan-kawan rapat kerana merasakan mereka mempunyai tahap kemahiran berbahasa Jepun yang sama. Pelajar AD2 mendakwa beliau biasanya akan menggunakan bahasa Jepun apabila beliau merasakan ianya perlu walaupun tahap bahasa Jepun yang lemah dan mempunyai kesalahan tatabahasa semasa bertutur. Pelajar ini menambah bahawa dia tidak keberatan jika rakan-rakan atau pensyarah memperbaiki bahasa Jepun jika beliau melakukan kesalahan. Begitu juga Pelajar AD3 yang akan meminta rakan-rakan atau teman-teman sekelasnya untuk memperbetulkan kesalahan dan memberitahu cara yang betul untuk memperbaiki kemahiran bahasa Jepun beliau. Pelajar AD4 menyatakan bahawa beliau tidak mempunyai masalah keyakinan dalam berbahasa Jepun kerana tahu yang beliau masih dalam proses pembelajaran dan cuba untuk memperbaiki kemahiran tersebut. Strategi afektif dan sosial yang digunakan oleh responden ini untuk meningkatkan keyakinan mereka dalam berbahasa Jepun dapat dibandingkan dengan responden IM. Pelajar AD5 cuba untuk mempercayai diri sendiri dalam berbahasa Jepun dan menggunakan bahasa Melayu jika terdapat perbendaharaan kata atau tatabahasa yang beliau tidak tahu bila perlu. Strategi ini disebut kod pencampuran di mana penutur bertukar kepada bahasa ibunda mereka untuk mengatasi keterbatasan dalam bahasa kedua mereka (Ellis, 1997), dan diklasifikasikan sebagai strategi pampasan oleh Oxford (1990) (lihat Jadual 3.1).

Responden IM

Pelajar IM1 mempercayai pengambilan risiko dan memberi tumpuan kepada pemahaman pendengar untuk terus mempercayai diri sendiri dalam berbahasa Jepun. Pelajar IM1, IM2 dan IM4, cuba untuk meningkatkan keyakinan mereka dalam berbahasa Jepun dengan berlatih bersama rakan-rakan dalam kursus yang sama. Pelajar IM5 berkata bahawa beliau cuba menipu dirinya sendiri jika kenyakinan diri berkurangan apabila berlaku penggunaan bahasa Jepun yang terhad. Pendek kata, pelajar-pelajar ini meningkatkan keyakinan mereka untuk bertutur dalam bahasa Jepun dengan menggunakan beberapa jenis strategi afektif atau sosial yang serupa seperti "saya mendorong diri saya untuk bercakap dalam bahasa Jepun walaupun saya takut melakukan kesalahan" dan "saya berlatih bahasa Jepun dengan pelajar lain " yang didapati dalam item strategi pembelajaran sosial dalam soal selidik dalam kajian ini. Sebaliknya, pelajar IM3 mengakui bahawa dia sering mengelak berbahasa Jepun kerana kekurangan keyakinan, walaupun dia sangat sedar bahawa mengelakkan boleh menghalang peningkatan kemahiran berbahasa itu. Ini dikenali sebagai "Strategi Pengelakan" dalam strategi komunikasi (Dörnyei, 1995) dan juga dikenali sebagai strategi pembelajaran pampasan dalam Oxford (1990).

4.5.5 Soalan Temuduga 5

Apakah strategi lain yang anda gunakan untuk meningkatkan penguasaan bahasa Jepun dan apakah ada peningkatan selepas menggunakan strategi tersebut.

Responden AD

Pelajar AD1 menggunakan visualisasi untuk mengingati perbendaharaan kata baru. Contohnya, ia berkaitan dengan “pemerhatian” dimana daripada siapa beliau pertama kali mendengar perkataan dengan mengingati wajah pensyarah atau rakan yang

mengucapkannya. Ini adalah satu kaedah penemuan yang baru kerana ia merupakan strategi memori dan tidak termasuk di dalam soal selidik ini. AD1 juga akan mengingati pembetulan yang beliau terima untuk meningkatkan penguasaan yang lebih baik dalam pelajaran bahasa Jepun. Contoh ini jelas ditunjukkan dalam item strategi pembelajaran sosial di mana "meminta pembetulan" adalah antara item yang terkandung dalam strategi sosial yang juga digunakan oleh pelajar IM. Pelajar AD3 juga menonton kartun untuk memperbaiki struktur ayat dalam bahasa Jepun kerana beliau berpendapat perbualan yang didengari dalam rancangan kartun adalah menggunakan bahasa Jepun yang "mudah dan senang untuk diingat". Dalam Perry dan Musa (2011), menonton kartun bahasa Inggeris juga telah disukai oleh sesetengah keluarga Sudan yang tinggal di Amerika Syarikat. Seperti yang dinyatakan oleh seorang peserta kajian bernama Akhlas, menonton kartun telah membantunya belajar banyak kata-kata baru. Kata-kata yang membuat dia gembira dan juga "mudah untuk memahami" (Perry dan Musa, 2011: 294). Pelajar AD3 menggunakan kamus dan kadang-kadang merujuk kepada pensyarah apabila berhadapan dengan masalah mengenai makna perkataan. Manakala Pelajar AD4 menjadikan hobi membaca novel kanak-kanak Jepun dan mendapati ia berguna untuk perbendaharaan kata beliau. Akhir sekali, pelajar AD5 membaca lirik semasa mendengar lagu Jepun kerana dari sebutan, struktur ayat tata bahasa boleh membantu meningkatkan banyak aspek kemahiran dalam bahasa Jepun. Beberapa strategi yang disebut di sini adalah setanding dengan yang digunakan oleh pelajar IM seperti mendengar lagu-lagu Jepun, meminta bantuan daripada orang lain, mencari makna-makna perkataan baru dan membaca untuk secara santai dan seronok.

Responden IM

Selain daripada strategi yang disebut itu, pelajar IM juga percaya bahawa dengan menggunakan strategi lain juga banyak membantu mereka bertutur dengan lebih

baik dalam bahasa Jepun. Pelajar IM1, IM2, IM3 percaya bahawa membaca juga dapat meningkatkan pelbagai perbendaharaan kata. Pelajar IM2 suka membaca cerpen kanak-kanak Jepun dan artikel dari internet, sementara pelajar IM1 dan IM3 menyarankan membaca buku-buku ilmiah atau jurnal tetapi menyebut bahawa mereka jarang berbuat demikian. "Membaca untuk keseronokkan" seperti yang digunakan oleh pelajar IM2, merupakan salah satu strategi pembelajaran kognitif yang disertakan di dalam soal selidik ini. Selain membaca, pelajar IM3 sangat percaya bahawa mendengar lagu-lagu dalam bahasa Jepun dapat memperkayakan perbendaharaan kata kerana dengan cara ini beliau akan memperolehi banyak perkataan-perkataan baru yang terdapat dalam lirik lagu. Beliau juga menonton filem bahasa Jepun untuk meningkatkan kosa kata dan tatabahasa. Menurut pelajar ini, strategi yang digunakan telah meningkatkan keyakinan beliau untuk berbahasa Jepun. Pelajar IM4 dan IM5 juga suka menonton filem Jepun dan percaya bahawa strategi ini membantu untuk meningkatkan intonasi beliau seperti penutur asli. Mendengar lagu-lagu bahasa Jepun dan menonton filem atau program TV bahasa Jepun telah disebut oleh pelajar lain dalam temuduga soalan 2 menunjukkan bahawa strategi ini agak popular di kalangan pelajar.

4.5.6 Soalan Temuduga 6

Bagaimakah pelajaran bahasa Jepun anda terima di UiTM membantu anda untuk meningkatkan penguasaan bahasa Jepun yang dipelajari?

Responden AD

Pada temu bual ini, sebahagian daripada mereka yang ditemubual telah tamat kursus bahasa Jepun tahap I dan tahap II. Pelajar AD1 mempercayai bahawa kursus bahasa Jepun membantu memperbaiki kemahiran bahasa Jepun. Bagaimanapun, beliau berpendapat ia akan lebih ideal dan berkesan jika pihak universiti dapat menyediakan

kursus ini dalam jam temu yang lebih panjang. Pelajar AD2 juga percaya bahawa kelas bahasa Jepun membantu mereka kerana dalam kuliah bahasa Jepun sahaja kerana masa inilah satu-satunya masa yang mereka ada untuk berkomunikasi dalam bahasa Jepun. Walau bagaimanapun, pelajar AD3 berkata bahawa beliau dan sebahagian besar rakan-rakannya menyangka bahawa kursus bahasa Jepun sangat tidak membantu untuk berbahasa Jepun dengan baik tetapi boleh membantu mereka untuk memahami dan berkomunikasi di tahap sederhana. Ketika ditanya mengapa pembentangan atau ujian dalam kuliah tidak membantu untuk meningkatkan kemahiran berbahasa kerana mereka berpendapat bahawa pensyarah hanya mengajar apa yang akan dimasukkan dalam pembentangan atau ujian dan bukan bagaimana untuk bercakap. Beliau juga menekankan bahawa pengajaran tatabahasa perlu ditekankan di universiti kerana ramai pelajar didapati lemah dalam kemahiran tersebut. Akhir sekali, pelajar AD5 berpendapat bahawa kuliah bahasa Jepun tidak banyak membantu penguasaan bahasa Jepun mereka kerana kuliah tersebut hanya meningkatkan pengetahuan berbahasa tetapi bukan kemahiran lisan, mendengar mahupun membaca.

Responden IM

Semua yang ditemubual dalam kumpulan IM menyatakan bahawa kursus bahasa Jepun telah meningkatkan penguasaan bahasa Jepun mereka. Pelajar IM1 berkata pembentangan dan ujian yang dijalankan telah mendorong beliau bercakap bahasa Jepun dan mempertingkatkan kenyakinan diri sendiri untuk berbahasa Jepun. Pelajar IM2 menyatakan bahawa mendengarkan kuliah dalam bahasa Jepun banyak membantu beliau, sementara pelajar IM3 menyangka bahawa keperluan untuk bertutur dalam bahasa Jepun di dalam kelas adalah "benar-benar baik untuk bahasa Jepun saya". Pelajar IM4 menyebut bahawa berbahasa Jepun dengan rakan-rakan dan pensyarah adalah salah satu cara yang terbaik untuk meningkat penguasaan bahasa Jepun. Begitu juga dengan

pelajar IM5 percaya bahawa bercakap dengan pelajar-pelajar lain di dalam kuliah dapat membantu untuk meningkatkan penguasaan bahasa Jepun beliau.

4.6 Kesimpulan

100 orang pelajar yang dijadikan responden dalam kajian ini ditinjau dengan menggunakan soal selidik yang dikumpulkan bersama maklumat pendidikan, persepsi terhadap masalah dalam berbahasa Jepun dan strategi pembelajaran bahasa yang digunakan untuk meningkatkan penguasaan dalam berbahasa Jepun mereka.

Apabila membincangkan mengenai masalah yang berkaitan dengan bahasa, kelemahan paling utama ialah kekurangan penguasaan perbendaharaan kata dan mempunyai masalah tatabahasa. Kedua-dua kumpulan responden menyatakan sebutan sebagai bahagian yang paling bermasalah semasa mempelajari bahasa Jepun. Bagaimanapun, kedua-dua kumpulan ini dilihat kekurangan peluang untuk bercakap dalam bahasa Jepun di luar kelas sebagai satu masalah yang paling penting yang mereka hadapi.

Kesemua sepuluh responden AD dan responden IM telah ditemuramah bagi mendapatkan maklumat masalah bahasa mereka dalam berbahasa Jepun, faktor-faktor pemilihan strategi untuk memperbaiki kelemahan-kelemahan mereka, tahap keyakinan dalam berbahasa Jepun, dan strategi untuk meningkatkan keyakinan mereka untuk bertutur dalam bahasa Jepun. Terdapat banyak persamaan antara kedua-dua kumpulan seperti kecenderungan mereka untuk lebih percaya diri ketika bertutur dalam bahasa Jepun dengan rakan-rakan pada tahap penguasaan bahasa yang sama dan pilihan mereka untuk menggunakan medium filem atau drama Jepun, program TV dan lagu-lagu untuk memperbaiki diri dalam bahasa Jepun. Walau bagaimanapun, kedua-dua kumpulan berbeza dalam persepsi mereka tentang bagaimana pihak universiti dapat membantu

mereka meningkatkan penguasaan bahasa Jepun. Sementara semua pelajar IM yang ditemubual bersetuju bahawa kursus ini membantu untuk meningkatkan penguasaan bahasa Jepun yang diucapkan mereka tetapi tidak semua pelajar AD yang bersetuju dengan pendapat ini. Temu bual telah mengesahkan banyak hasil kajian soal selidik dan juga telah menyediakan strategi pembelajaran lain yang tidak termasuk di dalam soal selidik ini. Pemahaman keatas pelajar mengenai apakah strategi pembelajaran yang boleh digunakan oleh pelajar dan faktor-faktor pemilihan strategi pembelajaran bahasa tersebut perlulah diberi pendedahan kepada pelajar agar mereka lebih mengetahui strategi mana yang lebih sesuai digunakan semasa mempelajari bahasa Jepun.

4.7 Penutup

Dalam bab ini, pengkaji telah menghuraikan analisis bagi setiap strategi pembelajaran secara keseluruhan atau mengikut kumpulan responden, perbezaan penggunaan strategi pembelajaran yang digunakan oleh responden dan dapatan daripada hasil temuduga keatas responden.

Analisis maklumat membuktikan bahawa responden telah menggunakan beberapa strategi pembelajaran yang dicadangkan oleh Oxford (1990).

Data yang telah dikumpulkan telah dipaparkan dan disusun untuk menjawab tiga persoalan kajian iaitu:

1. Apakah strategi pembelajaran bahasa Jepun yang digunakan oleh pelajar di UiTM?
2. Apakah terdapat perbezaan penggunaan strategi pembelajaran bahasa yang digunakan oleh pelajar dalam jurusan yang berbeza?
3. Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi strategi pembelajaran bahasa Jepun dalam kalangan pelajar UiTM?

Bab ini juga telah memaparkan hasil dapatan dari soal selidik dengan memaparkan data-data bagi menjawab ketiga-tiga persoalan kajian. Data-data yang dipermudahkan lagi dengan carta dan jadual ini dimulakan dengan mengenalpasti strategi pembelajaran yang digunakan oleh pelajar. Analisis dibuat dengan menggunakan "*Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) 10.0 dan didapati strategi sosial adalah strategi yang paling banyak digunakan oleh subjek diikuti strategi metakognitif, strategi memori, strategi afektif, strategi kognitif dan strategi pembelajaran yang kurang digunakan ialah strategi pampasan.

BAB 5

KESIMPULAN

5.0 Pendahuluan

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui penggunaan strategi pembelajaran bahasa Jepun dalam kalangan pelajar UiTM. Bab ini membincangkan keputusan yang diperolehi daripada kajian soal selidik dan temu bual yang telah dijalankan, dapatan kajian, perbandingan dan perbezaan dengan kajian lepas yang berkaitan dengan kajian ini.

Bab ini meringkaskan kajian yang telah dijalankan serta rumusan daripada analisis data serta menghuraikan tentang dapatan kajian untuk menjawab segala persoalan kajian yang dibincangkan pada awal bab pertama dalam kajian ini. Fokus dalam kajian ini berkisar kepada tiga variabel iaitu strategi pembelajaran, perbezaan dan faktor-faktor yang mempengaruhi strategi pembelajaran responden.

Persoalan kajian yang pertama dalam kajian ini ialah apakah strategi pembelajaran yang digunakan oleh pelajar UiTM. Persoalan kedua pula ialah apakah terdapat perbezaan penggunaan strategi pembelajaran yang digunakan oleh pelajar dalam dua jurusan yang berbeza. Manakala persoalan kajian yang ketiga pula adalah apakah faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan strategi pembelajaran tersebut. Strategi pembelajaran yang dimaksudkan ialah strategi memori, kognitif, gantian, metakognitif, sosial dan efektif. Perbezaan pula adalah berkaitan dengan perbezaan strategi pembelajaran yang digunakan responden dalam jurusan berbeza manakala faktor-faktor yang merangkumi perkara-perkara dan perspektif keseluruhan responden mengenai strategi pembelajaran yang digunakan.

Selain daripada membuat rumusan mengenai hasil kajian, bab ini juga akan dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu perbincangan, implikasi kajian dan kajian lanjutan.

5.1 Perbincangan

Bahagian ini juga akan membincangkan mengenai persepsi responden terhadap bahasa Jepun dan aspek yang perlu diambil perhatian untuk kajian di masa akan datang.

5.1.1 Jawapan kepada persoalan kajian

- i. Apakah strategi pembelajaran yang digunakan oleh pelajar?

Dapatan daripada kajian ini, pelajar-pelajar bahasa Jepun di UiTM telah menggunakan kesemua strategi pembelajaran yang digunakan pada tahap sederhana. Tidak ada satu pun strategi pembelajaran yang dikemukakan digunakan secara kerap atau paling ramai responden menggunakan strategi tersebut. Didapati juga pelajar-pelajar tidak menggunakan mana-mana strategi secara dominan dan berterusan semasa mempelajari bahasa Jepun. Hasil daripada kajian ini juga mendapati bahawa pelajar-pelajar menggunakan strategi pembelajaran tanpa memikirkan keistimewaan setiap strategi yang dicadangkan dalam kajian ini atau memilih strategi yang sesuai semasa pembelajaran bahasa Jepun.

Mengikut kedudukan kekerapan penggunaan strategi pembelajaran ini, strategi yang paling kerap digunakan ialah strategi sosial ($\text{min}=3.892$), strategi metakognitif ($\text{min}=3.700$), strategi memori ($\text{min}=3.672$), strategi afektif ($\text{min}=3.558$), strategi kognitif ($\text{min}=3.389$) dan strategi pembelajaran bahasa yang paling rendah penggunaannya ialah strategi gantian ($\text{min}=3.233$).

Menurut Oxford (1990), kebiasaannya pelajar bahasa asing menggunakan 15% strategi pembelajaran pada frekuensi yang tinggi, 72% pada frekuensi sederhana dan 13% pada frekuensi yang rendah. Dapatan tersebut bertepatan dengan kajian ini di mana hampir kesemua strategi pembelajaran digunakan pada tahap yang sederhana dengan strategi pembelajaran sosial ditahap yang tertinggi manakala strategi pembelajaran gantian pada tahap yang terendah.

- ii. Apakah terdapat perbezaan penggunaan strategi pembelajaran yang digunakan dalam jurusan yang berbeza?

Kedua-dua kumpulan responden yang berbeza jurusan telah didedahkan kepada penggunaan strategi pembelajaran bahasa Jepun secara langsung. Selain berbeza jurusan dan fakulti, responden mempunyai pengalaman yang berlainan sepertikekangan mempelajari bahasa Jepun dan kurang pendedahan kepada asas bahasa Jepun. Oleh kerana responden belajar dengan menggunakan sukanan pelajaran dan ujian yang sama maka kajian ini dijalankan dalam waktu kuliah sahaja.

Kedua-dua kumpulan responden adalah kumpulan yang menerima pembelajaran bahasa Jepun secara formal dalam sesi pembelajaran di bilik kuliah. Responden dalam kedua kumpulan ini mengalami pengalaman yang berlainan terhadap bahasa Jepun dan kurang pendedahan mengenai bahasa Jepun sejak awal pendidikan formal mereka.

Walau bagaimanapun, terdapat sedikit perbezaan penggunaan strategi pembelajaran bahasa yang digunakan oleh kedua kumpulan responden ini. Manakala strategi pembelajaran sosial merupakan strategi yang paling banyak digunakan. Pengkaji telah menghuraikan mengenai persamaan dan perbezaan penggunaan strategi pembelajaran bahasa dalam bab sebelum ini.

Tidak banyak perbezaan dalam perlaksanaan strategi pembelajaran bahasa Jepun yang digunakan oleh responden di kedua-dua fakulti yang berbeza ini. Pengkaji mendapati responden kumpulan AD dan IM sangat cenderung menggunakan strategi sosial. Ini dibuktikan apabila skor purata bagi kedua-dua kumpulan AD dan IM adalah 3.892. Strategi ini berfokus kepada penglibatan pelajar-pelajar berinteraksi dengan kawan-kawan, guru-guru dan persekitaran mereka. Ini dibuktikan apabila responden memilih untuk belajar budaya orang Jepun, berlatih berbahasa Jepun dengan rakan yang boleh berbahasa Jepun dan meminta pertolongan daripada mereka. Dapatan kajian ini mempunyai persamaan dan menyokong dapatan kajian yang telah dilakukan oleh beberapa pengkaji lepas (Soon, 2004; Zubaidah Begam, 2007; Azizi Yahya et al., 2006) yang menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan strategi pembelajaran pelajar dari pelbagai pengkhususan.

Dapatan kajian ini juga disokong oleh Azizi Yahaya (2006) yang menyatakan bahawa tiada perbezaan yang signifikan bagi gaya pembelajaran mengikut pengkhususan subjek.

iii. Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi strategi pembelajaran?

Keputusan kajian ini menunjukkan bahawa responden dari kumpulan AD didapati mempunyai banyak masalah linguistik dalam bahasa Jepun berbanding responden dari kumpulan IM. Responden kumpulan AD didapati mempunyai masalah dengan tatabahasa dan pertuturan dalam bahasa Jepun. Kaji selidik pada mencari kelemahan dilihat dalam tatabahasa disokong oleh sesi temu duga keatas kumpulan subjek yang dipilih secara rawak. Pelajar AD4 mencadangkan bahawa pensyarah perlu meneruskan pengajaran tatabahasa kepada pelajar. Oleh itu, pelajar yang mempunyai masalah besar dalam penguasaan tatabahasa perlu diberi perhatian semasa aktiviti kuliah dijalankan. Menurut Thornbury (2005), meniru dan mengulangi kata-kata, frasa,

dan ucapan-ucapan secara menyeluruh boleh membantu pelajar-pelajar mengingati tatabahasa baru dan maksud perkataan tersebut. Beliau juga berpendapat bahawa dengan menghafal walaupun sebaris ayat pendek boleh memperbaiki artikulasi dan meningkatkan prestasi penguasaan bahasa pelajar. Perkara ini bertepatan dengan kajian yang dijalankan dimana strategi pembelajaran sosial merupakan pilihan tertinggi dalam mempelajari bahasa Jepun. Rujipornwasin (2004) mendapat keputusan yang sama di perolehi dalam kalangan pelajar Kejuruteraan Thai. Beliau juga berpendapat bahawa kelemahan dan masalah penguasaan bahasa Inggeris oleh subjek dalam kajian beliau disebabkan masa yang agak terhad dimana subjek hanya memperolehi tiga jam waktu kuliah bahasa Inggeris dalam seminggu. Selain daripada itu, guru-guru juga menggunakan bahasa Thai sebagai bahasa perantaraan dalam mata pelajaran lain sama ada semasa sesi pembelajaran mahu pun di luar sesi pembelajaran.

Rujipornwasin (2004) juga mengatakan bahawa responden dalam kajian beliau jarang mempunyai peluang untuk menggunakan bahasa Inggeris setiap masa dan ini menjadi penyebab mereka gagal mengusai bahasa Inggeris dengan baik. Byrne (1998) mengatakan bahawa bilangan jam yang diperuntukkan untuk pengajaran bahasa perlu ditambah dengan aktiviti lisan dengan lebih kerap kerana aktiviti lisan adalah faktor utama untuk meningkatkan kemahiran lisan pelajar. Oleh itu, pengkaji berpendapat bahawa antara faktor-faktor yang mempengaruhi strategi pembelajaran adalah berkait rapat dengan kelemahan penguasaan bahasa subjek itu sendiri. Responden seharusnya mengetahui kelemahan yang ada dalam menguasai bahasa dan perlu menggunakan strategi yang betul untuk mengusai bahasa Jepun. Ini juga bertepatan dengan hasil kajian yang diperolehi di mata item-item seperti belajar budaya Jepun, berlatih dengan kawan, meminta bantuan orang yang tahu bahasa Jepun untuk membetulkan kesilapan berbahasa dan meminta pertolongan orang lain menjadi pilihan terbanyak dalam strategi pembelajaran sosial yang digunakan dalam kajian ini. Faktor lain yang mempengaruhi

strategi pembelajaran sosial juga kerana responden dalam kumpulan AD dan IM merasakan mereka mendapat sedikit peluang untuk menggunakan bahasa Jepun dengan pensyarah dan rakan-rakan sekelas di universiti.

Selain itu, responden dalam kumpulan IM pula menyatakan bahawa masalah berkaitan penguasaan perbendaharaan kata menjadi kebimbangan utama dalam menentukan strategi pembelajaran bahasa yang sesuai perlu dipilih. Ini disokong oleh hasil temu bual dengan subjek IM1 dan IM4 yang menyatakan perbendaharaan kata sebagai kelemahan utama mereka semasa mempelajari bahasa Jepun. Tiga subjek dalam kumpulan IM pula mencuba untuk memperbaiki kelemahan tersebut dengan memperbanyak aktiviti membaca.

Kelebihan strategi ini disokong oleh Byrne (1998) yang mengatakan bahawa guru-guru harus memperbanyak aktiviti membaca teks dalam aktiviti pembelajaran bahasa kerana dengan menggunakan strategi ini boleh memperkayakan penguasaan perbendaharaan kata pelajar. Kaedah ini boleh diguna pakai oleh guru-guru dan pensyarah di universiti untuk meningkatkan penguasaan perbendaharaan kata pelajar dengan lebih berkesan.

Responden dalam kumpulan AD dan IM berpendapat antara masalah yang berkaitan dengan pertuturan adalah disebabkan pensyarah dan rakan-rakan sekelas tidak menggunakan bahasa Jepun sepenuhnya. Kecenderungan untuk menggunakan bahasa ibunda di dalam dan di luar waktu kuliah juga menjadi faktor utama yang mempengaruhi strategi pembelajaran mereka. Rujipornwasin (2004) dalam kajiannya keatas pelajar Kejuruteraan Thai yang menguasai tahap bahasa Inggeris sederhana mengatakan bahawa kebanyakkan guru-guru mereka menggunakan bahasa Thai di luar kelas ($M = 3.75$) dan sebagai bahasa arahan ($M = 3.71$).

Atas kenyataan inilah menjadi penyebab utama mengapa strategi pembelajaran sosial dan strategi pembelajaran metakognitif menjadi dua pilihan tertinggi yang menjadi penentu kepada pemilihan strategi pembelajaran subjek.

5.1.2 Kepelbagaiannya Penggunaan Strategi Pembelajaran

Menurut Aziz Nordin dan Nur Hifzan Husin (2011) belajar secara berkumpulan membantu pelajar bertukar-tukar pendapat antara satu sama lain serta dapat menghilangkan rasa bosan dalam proses pembelajaran. Pelajar yang suka belajar sendiri dan tidak kena dengan cara yang betul boleh menyebabkan proses pembelajaran menjadi bosan dan tidak berkesan kerana terlalu banyak yang dipelajari dalam sesuatu masa (Zulkifli Ismail, Sharifah Mazlina, Mazlin Syed Ali dan Mazlan Mohd Yusof, 1995).

Menurut kaji selidik yang dijalankan, kedua-dua kumpulan responden menggunakan strategi pembelajaran sosial ditahap yang tertinggi ($AD_{min}=3.816$, $IM_{min}=3.966$). Dalam Goh dan Kwah (1997) dalam kajian beliau keatas pelajar Cina yang mengikuti kelas Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua, strategi pembelajaran kognitif paling banyak digunakan oleh pelajar Cina yang mempunyai kemahiran bahasa Inggeris yang tinggi manaakala pelajar yang mengusai bahasa Inggeris ditahap sederhana dan lemah amat kurang menggunakan strategi pembelajaran kognitif. Manakala dalam kajian Yang (2010) keatas pelajar Korea yang mempunyai tahap penguasaan bahasa Inggeris ditahap sederhana yang mengambil bahasa Inggeris sebagai bahasa asing, paling banyak menggunakan strategi pembelajaran kognitif. Untuk kajian ini, strategi pembelajaran kognitif digunakan pada tahap sederhana bagi kedua-dua kumpulan subjek dan kumpulan subjek lebih cenderung menggunakan strategi pembelajaran sosial sebagai strategi utama dalam pembelajaran bahasa subjek.

Subjek lebih memilih strategi sosial mungkin kerana strategi ini memerlukan penglibatan pelajar-pelajar berinteraksi dengan kawan-kawan, guru-guru dan persekitaran mereka. Ini menjadikan sesi pembelajaran menjadi lebih santai disamping dapat bertukar pendapat dan pertanyaan semasa sesi pembelajaran dijalankan.

Strategi pembelajaran sosial dapat mengembangkan kreativiti pelajar kerana mereka boleh melakukan sesuatu perkara atau memainkan peranan dalam sesuatu perkara yang berkaitan dengan aktiviti pembelajaran bahasa mereka. Melalui item-item dalam strategi ini contohnya seperti meminta pasangan bercakap perlahan atau mengulangi semula, menyuruh rakan yang tahu berbahasa Jepun untuk membetulkan kesilapan dan membuat latihan bahasa Jepun dengan rakan dapat dijadikan pengalaman kepada pelajar dalam menghadapi situasi situasi sebenar pada masa akan datang dalam masyarakat mahupun kehidupan seharian dan kerjaya mereka. Melalui strategi ini, pelajar dapat menambah minat mereka terhadap proses pembelajaran dan berusaha untuk memberikan tumpuan semasa aktiviti pembelajaran dijalankan dan menerima input yang berguna. Item-item yang terkandung dalam strategi pembelajaran sosial ini juga boleh memupuk sifat keberanian dan keyakinan dalam diri pelajar apabila bertutur dalam bahasa Jepun.

Berdasarkan analisis yang diperolehi terhadap strategi pembelajaran subjek mengikut jurusan pengajian (Carta 4.1), didapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam strategi pembelajaran yang digunakan oleh responden di kedua-dua kumpulan ini.

Melalui aktiviti dalam strategi pembelajaran sosial juga akan menjadikan pelajar lebih yakin apabila terdapat persaingan untuk bertutur dalam bahasa Jepun.

Kepelbagaiannya penggunaan strategi pembelajaran memberi peluang kepada pelajar untuk berdiskusi dan mereka sendiri dapat meningkatkan daya kreativiti yang ada supaya dapat melakukan sesuatu dengan lebih baik dan sempurna.

Strategi ini juga memberi ruang kepada pelajar untuk menambah ilmu pengetahuan semasa pembelajaran berlaku dan dapat berfikir dengan lebih baik serta mampu bekerjasama dalam kumpulan dan bersosial dengan orang sekeliling mereka.

Melalui strategi pembelajaran sosial juga, pelajar dapat memperkayakan pengetahuan dan sikap pelajar untuk mempertingkatkan lagi penguasaan bahasa mereka. Medium arahan yang digunakan semasa pembelajaran bahasa Jepun juga sama tetapi tiada seorang pun daripada mereka yang menerima dalam bahasa Jepun sepenuhnya. Manakala bagi kursus teras yang lain, mereka diajar menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar. Perbezaan dalam jumlah pendedahan kepada bahasa Inggeris, bahasa Melayu dan bahasa Jepun antara pelajar di kedua-dua fakulti ini boleh menjadi salah satu faktor yang memberi kesan kepada perbezaan antara persepsi mereka terhadap masalah dalam berbahasa Jepun.

5.2 Cadangan Tindakan

Setelah melihat hasil dalam kajian ini, beberapa cadangan dikemukakan untuk diambil tindakan supaya pelajar berpeluang dan mendapat maklumat untuk mempraktikkan strategi pembelajaran bahasa Jepun secara optimum. Perlaksanaan untuk membantu pelajar agar benar-benar dapat menguasai bahasa Jepun dengan baik memerlukan kerjasama banyak pihak yang berkaitan dengan mata pelajaran bahasa Jepun.

- i. Kursus / Program Khas Strategi Pembelajaran Bahasa Jepun dengan terancang.

Selain daripada seminar atau kursus yang berkaitan dengan bahasa Jepun, strategi pembelajaran bahasa Jepun yang betul juga perlu didedahkan kepada pelajar supaya teknik pembelajaran yang sesuai digunakan yang dapat membantu mereka mempertikatkan penguasaan bahasa tersebut dengan lebih berkesan.

Pihak universiti juga perlu merangka satu modul yang berkaitan dengan penggunaan strategi pembelajaran bahasa Jepun. Jawatankuasa khas juga perlu dibentuk untuk merangka program yang memberi penekanan kepada aktiviti yang menerapkan strategi pembelajaran bahasa Jepun yang berpusatkan pelajar. Pengubahsuaian kurikulum dan penggubalan buku teks juga boleh dilakukan dari masa ke semasa. Pensyarah-pensyarah bahasa Jepun juga perlu menjadi fasilitator yang baik bagi membimbing pelajar melaksanakan modul mengikut kaedah yang betul.

- ii. Menyediakan pusat sumber atau bilik bahasa Jepun yang lengkap

Kemudahan pusat sumber atau bilik bahasa Jepun yang lengkap sangat diperlukan bagi membantu pelajar mempertigkatkan penguasaan bahasa Jepun dan membantu melaksanakan aktiviti pembelajaran bahasa jepun. Selain daripada bahan bacaan seperti buku cerita, buku rujukan, majalah dan ensaiklopedia, ia mestilah dibekalkan dengan perisian komputer yang baik, kit pembelajaran bahasa Jepun, video dan alat pandang dengar bahasa Jepun. Pihak yang berkaitan juga boleh berhubung dengan pihak kedutaan Jepun, sekolah-sekolah Jepun di Malaysia atau pertubuhan NGO yang berkaitan dengan negara Jepun untuk mendapatkan maklumat bahan bercetak atau tidak bercetak yang diperlukan.

iii. Program Kerjasama dengan institusi pengajian tinggi Jepun

Pada masa kini, terdapat banyak program-program yang telah dijalankan dengan kerjasama institusi pengajian tinggi mahu pun sekolah di negara Jepun. Program kerjasama ini boleh dijalankan dengan lebih luas lagi bukan sahaja dijalankan di Malaysia tetapi menghantar pelajar-pelajar kita ke negara Jepun untuk menghadiri program-program yang berkaitan dengan bahasa dan budaya negara Jepun. Kecekapan berbahasa dapat dipupuk sekiranya pelajar dapat mempraktikkan bahasa Jepun yang dipelajari bersama penutur bahasa tersebut secara langsung dalam aktiviti tertentu seperti seminar, bengkel khas, pertukaran budaya serta aktiviti riadah.

iv. Mewujudkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang fleksibel

Dari segi medium pembelajaran dan jumlah jam kredit Bahasa Jepun di kedua-dua kumpulan Fakulti Pengurusan Maklumat dan Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka ini tidak ada perbezaan dan boleh menyumbang kepada beberapa persamaan dalam hasil kajian yang dijalankan terhadap mereka. Seperti yang dapat dilihat dalam Jadual 4.1, pelajar di kedua-dua fakulti ini menerima jumlah jam kredit yang sama iaitu 2 jam kredit seminggu dan mengikuti jumlah minggu yang sama selama 14 minggu untuk pembelajaran Bahasa Jepun. Kajian ini telah diringkaskan, dan implikasi penemuan tentang pengajaran dan pembelajaran telah dibincangkan. Akhir sekali, cadangan telah dimasukkan untuk kajian pada masa hadapan yang berkaitan.

5.3 Kajian Lanjutan

Kajian masa depan boleh menggantikan responden dalam berbagai jurusan berbeza sebagai sampel kajian, membuat perbandingan penggunaan strategi pembelajaran berlainan jantina atau kajian penggunaan strategi pembelajaran dalam pelbagai bahasa lain.

5.3.1 Sampel Kajian

Kajian yang sama boleh dijalankan di kalangan pelajar diploma seperti membandingkan penggunaan strategi pembelajaran bahasa antara pelajar ijazah dan pelajar diploma untuk mengetahui persepsi mereka terhadap masalah dalam pembelajaran bahasa bukan sahaja untuk pembelajaran bahasa Jepun tetapi juga bahasa-bahasa lain selain daripada bahasa Inggeris. Oleh kerana terdapat perubahan sukatan pelajaran bahasa Jepun di UiTM, kajian seterusnya boleh dijalankan keatas pelajar-pelajar yang menerima sukatan pelajaran baru bahasa Jepun ini mulai Mac 2014. Dengan menggunakan pelajar ini, kebarangkalian hasil kajian akan datang mempunyai perbezaan dengan kajian ini kerana dalam sukatan pelajaran terbaharu bahasa Jepun ini, semua medium bacaan, penulisan, buku teks dan ujian menggunakan tulisan dalam bahasa Jepun sepenuhnya. Selain itu, kajian boleh diperluaskan lagi dengan membuat perbandingan strategi pembelajaran bahasa diantara penutur asli dan pelajar yang mempelajari bahasa Jepun sebagai bahasa kedua atau bahasa asing.

5.3.2 Skop Kajian

Skop dalam kajian ini boleh diperluaskan lagi dengan mengetahui apakah masalah sebenar semasa mempelajari bahasa Jepun seterusnya mencadangkan apakah strategi-strategi pembelajaran yang bersesuaian untuk mengatasi masalah dalam pembelajaran bahasa. Dalam usaha untuk mencapai matlamat ini, instrumen yang digunakan untuk mengumpul data juga perlu diubah.

5.3.3 Instrumen

Soal selidik yang digunakan dalam kajian ini hanya untuk mengetahui apakah strategi-strategi yang digunakan oleh subjek melalui persepsi mereka. Dalam usaha untuk melakukan kajian lanjutan, pemerhatian atau rakaman audio video boleh dibuat

semasa aktiviti-aktiviti pembelajaran bahasa sama ada di dalam atau di luar bilik darjah untuk mendapat gambaran sebenar.

5.4 Ringkasan Kajian.

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui kegunaan strategi pembelajaran bahasa dalam kalangan pelajar UiTM. Kajian ini dijalankan kepada dua kumpulan yang berbeza jurusan tetapi mempunyai latar belakang pendidikan bahasa Jepun yang sama secara formal di UiTM. Kajian ini merekodkan secara ilmiah penggunaan strategi pembelajaran bahasa yang diadaptasi dari *Strategy Inventory for language Learning* (Oxford,1990). Soal selidik tersebut telah digunakan dalam pembelajaran bahasa Jepun dalam kalang subjek yang kesemuanya menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris sebagai medium dalam kuliah secara formal. Dengan ciri-ciri yang sangat komunikatif dalam strategi ini mampu untuk membantu pelajar bahawasanya mempelajari bahasa Jepun atau bahasa asing itu cukup mudah.

Pelajar dari pelbagai jurusan perlu didedahkan dengan strategi pembelajaran bahasa yang sesuai untuk mempelajari bahasa Jepun dengan terancang dan mahir menggunakan strategi-strategi pembelajaran tersebut.

Dalam kajian ini, pengkaji telah menyatakan perbezaan penggunaan strategi pembelajaran bahasa Jepun dari dua kumpulan subjek dan faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan strategi pembelajaran tersebut. Kajian ini telah membuktikan bahawa item-item dalam strategi pembelajaran sosial menjadi pilihan untuk subjek semasa mempelajari bahasa Jepun.

Penggunaan strategi pembelajaran bahasa Jepun dapat membantu pelajar menghadapi masalah bahasa dengan bijak dan tanpa berputus asa untuk mengusai bahasa tersebut. Subjek didapati menjadi lebih kreatif dan inovatif memilih strategi

yang sesuai untuk mengatasi masalah penguasaan bahasa dan sentiasa memikirkan gantirugi jika ketinggalan pelajaran. (Anida,2003).

Strategi sosial memberi ruang kepada pelajar untuk menggunakan bahasa Jepun yang telah dipelajari dalam interaksi dua hala sama ada bersama rakan atau guru bahasa Jepun menerusi aktiviti-aktiviti yang dijalankan seperti perbualan, pembentangan dalam bilik kuliah dan soal jawab. Strategi ini juga mendidik pelajar supaya sentiasa bekerjasama dengan orang lain. Dengan menggunakan item-item dalam strategi pembelajaran ini juga dapat membantu pelajar menggunakan potensi diri merangkumi jasmani, emosi, rohani dan intelek secara optimum untuk menguasai bahasa Jepun.

Pelajar juga mungkin mempunyai motivasi yang tinggi untuk bertutur dalam bahasa Jepun kerana sedar akan kepentingan bahasa Jepun untuk pembelajaran dan kerjaya masa depan. Oleh itu, mereka lebih digalakkan untuk memulakan perbualan dan menjalankan aktiviti sosial seperti yang dinyatakan dalam item-item strategi pembelajaran ini.

5.5 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, berdasarkan kepada objektif pertama kajian ini adalah untuk mengenal pasti strategi pembelajaran bahasa yang diamalkan oleh pelajar di Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka dan Fakulti Pengurusan Maklumat di UiTM. Didapati strategi pembelajaran utama yang menjadi amalan pelajar-pelajar ini dalam mempelajari mata pelajaran bahasa Jepun tahap III adalah strategi pembelajaran sosial. Ini diikuti dengan strategi pembelajaran metakognitif. Manakala strategi pembelajaran memori menjadi pilihan tempat ketiga terbanyak. Strategi pembelajaran pampasan pula bukan menjadi pilihan utama pelaja-pelajar dalam kajian ini. Amalan strategi pembelajaran sosial ini memberitahu bahawa pelajar-pelajar ini lebih gemar mempelajari bahasa

Jepun secara santai menggunakan kaedah komunikasi dua hala sama ada dengan guru atau rakan-rakan.

Strategi pembelajaran antara dua jurusan ini juga didapati tidak terdapat banyak perbezaan yang signifikan terhadap gaya pembelajaran yang diamalkan oleh kedua-duanya. Ini bermaksud strategi pembelajaran pelajar-pelajar Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka dan Fakulti Pengurusan Maklumat mempunyai persamaan dalam mempelajari bahasa Jepun melalui min yang diperolehi dalam kajian ini. Jadi, melalui dapatan kajian ini ianya telah menjawab soalan kajian yang kedua iaitu untuk mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan strategi pembelajaran dalam jurusan yang berbeza. Tiga pilihan strategi pembelajaran teratas yang menjadi keutamaan bagi pelajar Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka ialah strategi pembelajaran sosial, memori dan metakognitif. Manakala pelajar Fakulti Pengurusan maklumat pula strategi pembelajaran sosial,metakognitif dan memori.

Manakala faktor-faktor yang mempengaruhi strategi pembelajaran pula diperolehi daripada hasil temuduga yang dibuat secara rawak keatas 10 daripada 100 orang subjek yang terlibat dalam kajian ini.

Rata-rata responden tidak terikat dengan item-item tertentu dalam strategi pembelajaran bahasa ini. Kebanyakkan responden tahu kelemahan dalam berbahasa Jepun. Dengan itu mereka cuba mengaplikasikan strategi-strategi tertentu bagi mengatasi kelemahan bahasa mereka. responden kumpulan AD didapati mempunyai masalah dengan tatabahasa dan pertuturan dalam bahasa Jepun. Responden dalam kumpulan AD dan IM juga berpendapat antara masalah yang berkaitan dengan pertuturan adalah disebabkan pensyarah dan rakan-rakan sekelas tidak menggunakan bahasa Jepun sepenuhnya. Kecenderungan untuk menggunakan bahasa ibunda di dalam dan di luar waktu kuliah juga menjadi faktor utama yang mempengaruhi strategi

pembelajaran mereka. Maka atas sebab inilah mengapa item-item dalam strategi pembelajaran sosial yang dicadangkan dalam kajian ini menjadi strategi pilihan utama dalam merangka strategi pembelajaran bahasa oleh subjek dalam kajian ini.

BIBLIOGRAFI

- Abu Talib Abdullah. (1998). *Gaya dan strategi pembelajaran bahasa Melayu di kalangan pelajar Tingkatan 4 di daerah Johor Bahru*. Tesis Sarjana Pendidikan. Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Alwahibee, K. M. (2000). *The relationship between language learning strategies and the English language oral proficiency of Saudi university level ESL students*. Degree of Doctor of Philosophy Dissertation, Department of Teaching and Leadership, and Faculty of the Graduate School, University of Kansas. Retrieved 15 June 2011 from Proquest Education Journals database.
- Amilrudin Ishak. (2003). *Strategi komunikasi Bahasa Arab di kalangan pelajar Melayu: Satu kajian*. Unpublished Master's thesis, University of Malaya, Kuala Lumpur.
- Anida Abdul Rahim. (2003). *Strategi pembelajaran bahasa Arab di kalangan pelajar Melayu*. Dissertation (M.M.L.S) -- Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaluddin Ramli & Ahmad Johari Sihes. (2006). *Orientasi pembelajaran di kalangan pelajar pengajian tinggi awam di Malaysia dan implikasi terhadap pencapaian akademik*. Prosiding dari International Conference on Learning and Motivation, City Bayview Hotel, Langkawi, Kedah, 10-12 September 2005. Dirujuk pada 10 Julai 2010, dari http://eprints.utm.my/2334/2/AziziYahaya__Orientasi_Pembelajaran__Pelajar_Pengajian_Tinggi.pdf.

Aziz Nordin & Nur Hifzan Husin. (2011). *Gaya pembelajaran pelajar tahun akhir Ijazah Sarjana Muda Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Mara berdasarkan Model Gaya Pembelajaran Bernice McCarthy*. Fakulti Pendidikan, UTM, Skudai Johor. Dirujuk pada 09 Julai 2010, dari http://eprints.utm.my/12008/1/Gaya_Pembelajaran_Pelajar_Tahun_Akhir_Ijazah_Sarjana_Muda_Pendidikan.pdf

Brown, H. Douglas. (2000). *Principles of Language Learning and Teaching*. (4th ed.) Englewood Cliffs NJ: Prentice-Hall.

Brown, H. Douglas. (2001). *Teaching By Principles*. New York: Longman. Brown, J. D. (1995). Understanding research in Second Language Learning. Cambridge University press.

Bruen, J. (2001). *Strategies for success: Profiling the effective learners of German*.

Byrne, D. (1998). *Teaching Oral English* (New Ed.). New York: Longman. Foreign Language Annals, 34 (3), 216-225. Bruner, Jerome (Ed.) (1966). *Toward a Theory of Instruction*. London: Harvard University Press.

Cavas, B. (2010). *A study on pre-service science, class and mathematics teachers' learning styles in Turkey*. Science Education International

Chamot, A. (1987). *The learning strategies of ESL students*. In Wenden, A and Rubin, J. (eds.). *Learners Strategies in Language Learning*. New Jersey: Prentice-Hall International.

Chamot, A. (2004). *Issues in language learning strategy research and teaching*. Electronic Journal of Foreign Language Teaching, 1(1), 14-26

Chang, S. F., & Huang, S. C. (1999). *Taiwanese learners' learning motivation and language learning strategies*. Proceeding of 16th, conference on teaching English language and Learning in the R.O.C., Changhua , Taiwan .(pp. 111-123).

Chiya, S. (2003). *The importance of learning styles and learning strategies in EFL teaching in Japan*. Retrieved February 8,2008 from <http://www.kochinet.ed.jp/koukou/kenkyu/kaigaihaken/chiyafinal>.

Chua, Y. P. (2006). *Kaedah Penyelidikan*.Mc Graw Hill Education. Kuala Lumpur.
Crookes, G. & Schmidt, R.W. (1991). Motivation: Reopening the research agenda.

Crabbe, D. (1993). “*Fostering autonomy from within the classroom: the teacher's Responsibility*”. System 21, pp. 443–452. David, A.(1965). *Problems and principles in language study*. London: Longmans, Green and Co. Lmt. Deci, E. (1976). Intrinsic Motivation. New York: Plenum Press.

Dornyei, A., & Thurrel, S. (1991). “*Strategic competence and how to teach it*”. ELT Journal, 45(1), 16-23.

Dornyei, Z. (1995). On the teachability of communication strategies. TESOL Quarterly, 29, pp. 55-84. Retrieved 1 February 2011 from World Wide Web:
http://biblioteca.uqroo.mx/hemeroteca/tesol_quartely/1967_2002_fulltext/Vol_29_1.p df

Dornyei, Z. (2003). *Questionnaires in second language research. Construction administration and processing*. Mahwah, New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates.

Douglas, M.O. (1992). *Development of orthography-related reading/ writing strategies by learners Of Japanese as a foreign language*. Disertasi Ph.D. University of Southern California.

Ehrman,M. (1989). “*Effect of Sex differences, career choice, and psychological type on adult language learning strategies*”. Modern Language Journal 73: 1-13.

Ehrman,M. & Oxford, R. (1995). “*Cognition plus: Correlates of language Learning success*”. The Modern language Journal 79 (1995) (1), pp. 67-89

Ehrman, M. E., & Leaver, B. L., & Oxford, R. L. (2003). “*A brief overview of individual differences in second language learning*”. System, 31, 313-330.

Ellies, R. (1999). *The Study of Second Language Acquisition*. Oxford: Oxford University Press

Ellies, R. (2004). *Second Language Acquisiton*. Oxford University press.

Fewell, N. (2010). *Language learning strategies and English language proficiency: an investigation of Japanese EFL university students*. TESOL Journal, Vol. 2, pp. 159- 174. Retrieved 2 February 2011 from World Wide Web:
http://www.tesoljournal.com/PDF/A11V2_TESOL.pdf

Gall, M. D., Gall, J. P., & Borg, W. R. (2003). *Educational Research: An Introduction* (7th ed.). Boston: Allyn & Bacon.

Gardner, R.C. (1985). *Social psychology and L2 learning*. London: Edward Arnold.

Goh, C. C. M. and Kwah, P. F. (1997). *Chinese ESL students’ learning strategies: A look at frequency, proficiency, and gender*. Hong Kong Journal of Applied Linguistics, Vol. 2, No. 1, pp. 39-53.

Grabe, W. (1986). The transition from theory to practice in teaching reading. Dalam Dubim, F., Eskey, D. E. & Grabe, eda. *Teaching second language reading academic purpose*. Reading, MA: Addison-Wesley.

Grainger, P. (1997). "Language Learning strategies for learners of Japanese: Investigating ethnicity". Foreign Language Annals. 378-385

Grainger, P. (2005). "Second Language Learning Strategies and Japanese: Does Orthography Make a Difference?". An International Journal of Educational Technology and Applied Linguistics, v33 n2 p327-339.

Griffiths, C. (2003). "Patterns of language learning strategy use" System, 31, 367-383.

Habibah Shuib. (2010). *Strategi pembelajaran dan kaitannya dengan pencapaian dan motivasi pelajar bahasa Jepun*. Dissertation (M.E.S.L) -- Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.

Holliday,A. (2004). *Inter-culture Communication. An advanced Resource Book*. London and New York. Routledge

Hsiao, T. & Oxford, R. (2002). "Comparing theories of language learning strategies: A confirmatory factor analysis". Modern Language Journal, 86, 368-383

Huang, Y. Y., & Xu, H. (1999). "Trends in English language education in China". ESL Magazine, 2(6), 26-28.

Ilyin, D. (1976). The Ilyin Oral Interview. Rowley, MA: Newbury. In Alwahibee, K. M. (2000). *The relationship between language learning strategies and the English language oral proficiency of Saudi university level ESL students*. Doctor of Philosophy Dissertation, Department of Teaching and Leadership, and Faculty of

the Graduate School, University of Kansas. Retrieved 15 June 2011 from Proquest Education Journals database.

Johnson, R. B., Onwuegbuzie, A. J., and Turner, L. A. (2007). *Toward a definition of mixed methods research*. Journal of Mixed Methods Research, 1, pp. 112-133. Retrieved 30 January 2010, from World Wide Web:

<http://mmr.sagepub.com/cgi/content/abstract/1/2/112>

Kamarudin Hj. Husin. (1994). *KBSM dan Strategi Pengajaran Bahasa*. Kuala Lumpur. Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.

Kamarul Shukri Mat Teh, Mohamad Amin Embi. (2009). *Korelasi Strategi dengan motivasi dalam pembelajaran bahasa arab*. Journal Pendidik dan Pendidikan, Jil. 24, 109-123. Universiti Sains Malaysia.

Kang, Hyek. (1999). *Learning style preferences of Korean high school students*. Dissertation (M.E.S.L) -- Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.

Kimura, Y. Nakata, Y. and Okumura. (2001). “*Language learning motivation EFL learners In Japan. A cross sectional analysis of various learn milieus*”. JALT Journals, 23(1), 47-68.

Krashen, S. (1981). "Bilingual Education and Second Language Acquisition Theory." In *Schooling and Language Minority Students: A Theoretical Framework*. Sacramento: California State Department of Education.

Krashen, S. (1982). *Principles and Practice in Second Language Acquisition*. Oxford:Pergamon Press.

Keller, J.M. (1983). *Motivational design of instruction*. C.M. Reigelruth (Ed.), *Instructional Design Theories and Models: An Overview of Their Current Status*. Hillsdale, NJ: Lawrence Erlbaum Associates.

Liao, Y. (2000). *A study of Taiwanese Junior High School Students' EFL Learning motivation and learning strategies*. Master's thesis, National Changhua University of Education, Taiwan.

Lightbown, P. M., & Spada, N. (2002). *How language are learned*. (2nd Edn.). Oxford: Oxford University Press.

Mahadi Kamaludin. (2006). *Language Learning Strategies adopted by ESL Learners in UiTM*. UiTM Shah Alam.

Mohamad Amin Embi. (1996). *Language Learning Strategies Employed by secondary School Students learning English as a Foreign Language in Malaysia*. Unpublished doctoral dissertation. School of Education, University of Leeds.

Mohamad Amin Embi. (2000). *Language Learning Strategies: A Malaysian Context*. Siri Penerbitan fakulti Pendidikan, UKM, Malaysia.

Mohamad Amin Embi, Zamri Mahamod & Mohd Nazali Abu Bakar. (2001). *Pola penggunaan strategi pembelajaran Bahasa melayu*. *Journal of Language Teaching, linguistics and literature*, 7:95-109. Bangi: Fakulti pengajian Bahasa, Universiti Kebangsaan Malaysia. Mohammed Darabie, (2000). *The Relationship Between College-level Jordanian Students' Metacognitive Awareness Strategies and Their Reading Comprehension Achievement in English as a foreign language*. Dissertation Abstracts International 61 (07A) :2646.

Mohd. Azhar Abd. Hamid. (2004). *Kreativiti Konsep Teori & Praktis*. Universiti Teknologi Malaysia Skudai.

Mohd Nazali Abu Bakar. (1999). *Strategi pembelajaran bahasa Melayu di kalangan pelajar tingkatan 4: Satu tinjauan*. Penulisan Ilmiah. Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mori, S. (2007). *Language Learning Strategy use by Learners of Japanese at different levels*. Paper of the Japanese Language Teaching Association in Honer of Professor Fumiko Koide, 15, 87-104.

Najar, R. (1998). *A Study of Cognitive Learning Strategies Use on Reading Tasks in the Second Language Classroom*. Proceeding of AARE 1998 annual Conference, Adelaide.

Nakanoko, K. (2004). *Oral proficiency and language learning strategies: A preliminary effort to find learner internal factors that enhance oral proficiency of second language learners*. Doctor of Philosophy Degree Dissertation, University of Tennessee, Knoxville. Retrieved 15 June 2011 from Proquest Education Journals database.

Neo, Swee Leng. (2005). *Strategi pembelajaran bahasa : satu kajian di kalangan pelajar-pelajar Bahasa Sepanyol di Universiti Malaya*. Dissertation (M.M.L.S.) -- Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.

Nik Mohd. Rahimi Nik Yusoff. (2005). *Penilaian Kemahiran Mendengar Dalam Kurikulum Bahasa Arab Komunikasi*. Tesis Ph.D Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Noels, K.A. (2001). "Learning Spanish as a Second Language: Learners' Orientations and Perceptions of Their Teachers' Communication Style". *Language Learning*, vol. 51, pp. 107-144.

Norton, R.C and Nunan, D., (Eds.). (2001). *The Cambridge Guide to Teaching English to Speakers of Other Languages*, Cambridge: Cambridge University Press.

Nurul Huda Mohamad. (2012). *Strategi membaca teks bahasa Arab dalam kalangan pelajar Melayu / Nurul Huda Mohamad*. Dissertation (M.E.S.L) -- Fakulti Bahasa dan Linguistik, University of Malaya.

Okada, M., R., & Abo, Z. (1996). *Not all alike: Motivation and learning strategies among students of Japanese and Spanish in an exploratory study*. In R. Oxford (Ed.), *Languange learning motivation: Pathways to the new century* (pp. 105-120). Honolulu, Hi: University of Hawaii Press.

Ormond, J. E. (2003). "Educational Psychology: Developing Learners" 4th. Edition. Merrill Prentice Hall.

Oxford, R.L & Crookall, M.E. (1989). *Language learning strategies: methods, finding, and Instructional implications*. The Modern Language Journal 73 (4): 404-419.

Oxford, R.L. (1989). "Use of Language learning strategies: a synthesis of studies with implications for strategy training". System 17 (2), pp. 235-247.

Oxford, R. L. (1990). *Language Learning Strategies: What every teacher should know*. New York: Heinle & Heinle Publishers.

Oxford, R.L. (1994). "Language Learning Motivation: Expanding the theoretical framework". The Modern Language Journal 78, 12-28.

Oxford, R.L. (2003). *Language Learning Styles and Strategies: an Overview*. GALA2003.

O'Malley, J.M. (1985). "Learning strategies used by beginning and intermediate ESL Students". *Language Learning* 35: 21-46

O'Malley, J.M. (1987). *The effects of training in the use of learning strategies on acquiring English as a second language*. Cambridge: Cambridge University Press.

O'Malley, J. M. & Chamot, A. U. (1990). *Learning strategies in second language acquisition*. New York: Cambridge University Press.

Perry, K. H. and Moses, A. M. (2011). *Television, language, and literacy practices in Sudanese refugee families: "I learned how to spell English on Channel 18"*. Research in the Teaching of English, Vol. 45, No. 3, pp. 278-307. Retrieved 20 April 2012 from Proquest Education Journals database.

Ramage, K. (1990). "Motivational factors and persistence in foreign language study". *Language Learning*, 40, 189-219.

Roslina Mamat. (1999). *Strategi komunikasi pertuturan dalam Bahasa Jepun di kalangan pelajar-pelajar Melayu di Universiti Teknologi Malaysia, Kuala Lumpur*. Dissertation (M.M.L.S) -- Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.

Roswati Abdul Rashid, and Radhiah Ismail, and Noor Haslina Mohamad Akhir. (2007). *Kepelbagaian Strategi Pembelajaran Tulisan Asas Bahasa Jepun (Hiragana):Satu Kajian Deskriptif*. 3L The Southeast Asian Journal of English Language Studies, Volume 13 . pp. 1-27. ISSN 0128-5157

Rujipornwasin, L. (2004). *Thai university Engineering students' perception of the importance of spoken English: A comparison of the attitudes of two-groups of second year students*. Degree of Master of Arts (Applied Linguistics) Thesis, Faculty of Graduate Studies, Mahidol University.

Sarasin, L.C. (1998). *Learning style perspectives: Impact in the classroom*. Madison, WI: Atwood Publishing.

Saemah Rahman & John Arul Phillips. (2006). *Hubungan antara Kesedaran Metakognisi, Motivasi dan Pencapaian Akademik Pelajar Universiti*. UKM Bangi.

Schmidt, R., & Watanabe, Y. (2001). *Motivation, strategy use, and pedagogical preferences in foreign language learning*. In Z. Dornyei and R. Schmidt (Eds.), *Motivation and second language acquisition*. (pp. 9-70). Honolulu, HI: University of Hawaii Press.

Schraw, G., Horn, C, Thorndike-Christ, T & Bruning, R. (1995). "Academic goal orientation and student achievement". *Contemporary Educational Psychology* 20: 359- 368.

Shareeza Abdul Karim, Azizi Yahya, Noordin Yahaya dan Najmuddin Alapiah. (2003). *Hubungan gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik pelajar di tingkatan empat sekolah menengah teknik Negeri Sembilan*. Kertas kerja dibentangkan di Seminar Kebangsaan Memperkasakan Sistem Pendidikan di Hotel Puteri Pan Pacific, Johor Bahru pada 19-21. Oktober 2003. Anjuran Fakulti Pendidikan, UTM.

Shmais, W. (2003). *Language learning strategy use in Palestine*. *Teaching English as a Second and Foreign Language*, 7 (2), 1-17.

Sinclair, B. J. (1995). "The relationship between L1 and L2 literacy: some complicating Factors". TESOL Quarterly, 29(4), 687-704.

Soon, M. C. (2004). *Hubungan gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik: tinjauan dikalangan pelajar-pelajar Fizik Pendidikan dan Fizik Industri Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor*. Tesis Sarjana. UTM, Johor.

Sueraya Che Haron et.al. (2010). *Understanding Arabic-Speaking Skill Learning Strategies Among Selected Malay Learners: A Case-Study At The International Islamic University Malaysia (IIUM)*. Contemporary Issues in Education Research; Aug 2010; ProQuest Education Journals.

Supian Md. Noor. (2003). *Strategi pemerolehan tatabahasa ayat satu dasar*. Tesis Doktor Falsafah. Serdang: Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.

Suzana Ismail. (2004). *Communication strategies in Japanese language interactions among Malay students at the University of Malaya*. Dissertation (M.M.L.S.) -- Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.

Takagi, A. (2003). "The effects of early childhood language learning experience on motivation towards English : A survey of public junior high school student". JASTEC Journal, 22. 47-71

Tarone, E. (1983). *Some thoughts on the notion of "communication strategy"*. In C. Faerch & G. Kasper (Eds.), *Strategies in Interlanguage Communication* (pp. 61-74). London:Longman.

Weinstein, Claire E., Jeneffer Husman & Douglas R. Dierking. (2000). *Self-regulation interventions with a focus on learning strategies*. In *Handbook of Self-Regulation*,

Monique Boekaerts, Paul Pintrich, and Moshe Zeidner (eds), 727-768. San Diego: Academic Press.

Yang, M. (2010). *Language learning strategies of English as a foreign language university students in Korea*. Doctor of Philosophy Dissertation, Indiana State University. Retrieved 30 May 2011 from Proquest Education Journals database.

Zamri Mohamod, Mohamed Amin Embi, Noriah Mohd Ishak & Jurian Long. (2002). *Strategi pembelajaran bahasa dari segi jantina pelajar cemerlang: Satu kajian perbandingan*. Proceedings of the International Conferences on Education for All 2002. Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Zamri Mohamod. (2004). *Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu di Kalangan Pelajar Melayu Sekolah Menengah*. Tesis Doktor Falsafah. Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Zubaidah Begam Mohamed Zakaria. (2007). *Hubungan gayapembelajaran dengan pencapaian akademik: tinjauan dikalangan pelajar-pelajar Sarjana Muda Pendidikan tahun pertama*. Tesis Sarjana Muda. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.

Zulkifli Ismail, Sharifah Mazlina, Mazlin Syed Ali & Mazlan Mohd Yusof. (1995). *Menjadi Pelajar Cemerlang*. Kuala Lumpur. Fajar Bakti Sdn. Bhd.

LAMPIRAN